

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA

**ENCIK MUHAMMAD RADHIEDDEEN BIN SHEIKH ABDUL
KHALID**

ARTIS VETERAN

MENGENAI BIOGRAFI BELIAU SEBAGAI SEORANG ARTIS

WAN NUR AZLIN ZULAIKHA BINTI WAN AZLI

(2019208378)

NURUL SYAHIRAH BINTI AZMAN

(2019805014)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER OKTOBER 2021-FEBRUARI 2022

ISI KANDUNGAN

| Isi Kandungan | | M/S |
|---------------|--|---------|
| | Abstrak | ii |
| | Penghargaan | iii |
| | Senarai Abreviasi | iv |
| | Senarai Singkatan | v |
| | Rujukan Kata | vi |
| 1.0 | Biodata Penemubual | 1 |
| | 1.1 Penemubual Pertama | 2 |
| | 1.2 Penemubual Kedua | 2 |
| 2.0 | Biodata Artis | 3 |
| | 2.1 Biodata Artis | 4 |
| | 2.2 Pengenalan Kepada Artis | 4 |
| 3.0 | Sejarah Lisan | 5 |
| | 3.1 Pengenalan | 6 |
| | 3.2 Objektif Sejarah Lisan | 6 |
| | 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan | 6-7 |
| 4.0 | Kajian Literatur | 8 |
| | 4.1 Topik 1 | 9 |
| | 4.2 Topik 2 | 9-10 |
| 5.0 | Transkrip Temubual Bersama Artis | 11-64 |
| 6.0 | Log Temubual | 65-75 |
| 7.0 | Ralat | 76-77 |
| 8.0 | Glosari | 78-82 |
| 9.0 | Indeks | 83-87 |
| 10.0 | Bibliografi | 88-90 |
| 11.0 | Lampiran | 91 |
| | 11.1 Biografi Artis | 92 |
| | 11.2 Surat Perjanjian | 93 |
| | 11.3 Senarai Soalan | 94-100 |
| | 11.4 Diari Penyelidikan | 101-104 |
| | 11.5 Gambar, Sijil-Sijil Dan Bahan Lain Yang Berkaitan | 105-115 |

ABSTRAK

Transkrip ini membincangkan tentang cabaran dan liku-liku kehidupan artis veteran 80-an yang dipilih untuk dijadikan koleksi rujukan sejarah lisan. Selain itu, transkrip ini juga bertujuan untuk mendokumentasikan kisah mengenai artis veteran yang tidak mudah didapati dan bagi mendapatkan sumber primer daripada artis veteran yang dipilih sebagai memori sejarah pada masa akan datang. Artis veteran yang dipilih merupakan seorang pelakon yang dikenali sebagai Radhi Khalid atau nama sebenar beliau ialah Muhammad Radhieddeen bin Sheikh Abdul Khalid. Beliau telah dilahirkan pada 4 Februari 1964 dan berasal dari Pulau Pinang tetapi telah berhijrah ke Kuala Lumpur untuk mengejar cita-cita beliau untuk menjadi seorang anak seni. Implikasi kajian ini adalah bertujuan untuk dijadikan rujukan bagi pengkaji, pelajar dan orang awam pada masa akan datang. Melalui projek sejarah lisan ini juga, penyimpanan dan pemeliharaan keaslian informasi dan maklumat dapat menjadi sumber rujukan yang dipercayai dan diyakini terutamanya untuk generasi pada masa kini dan akan datang.

Kata kunci: sejarah lisan, artis, veteran, seni, pelakon

ABSTRACT

This transcript discusses the challenges and twists and turns of the life of a veteran 80s artist chosen to serve as a collection of oral history references. In addition, the transcript also aims to document stories about veteran artists that are not easily available and to obtain primary resources from veteran artists chosen as historical memories in the future. The veteran artist chosen was an actor known as Radhi Khalid or his real name was Muhammad Radhieddeen bin Sheikh Abdul Khalid. He was born on 4th February 1964 and originally from Penang but migrated to Kuala Lumpur to pursue his ambition to become an artist. The implications of this study are intended to be used as a reference for researchers, students and the public in the future. Through this oral history project, the storage and preservation of information can be a reliable source of reference especially for nowadays and future generations.

Keywords: oral history, artist, veterans, art, actor

PENGHARGAAN

Pertama sekali kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Encik Muhammad Radhieddeen bin Sheikh Abdul Khalid iaitu seorang artis veteran era 80-an yang bekerjasama dalam memberikan banyak maklumat dalam usaha menyiapkan projek sejarah lisan ini. Selain itu, ucapan terima kasih ditujukan untuk pensyarah subjek Oral Documentation (IMR604), Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin yang banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang melaksanakan kajian ini. Di samping itu, penghargaan buat ibu bapa kami yang telah banyak memberi dorongan, semangat dan galakan dalam proses pelaksanaan projek ini.

Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan kami yang membantu untuk menyelesaikan kekeliruan yang kami hadapi untuk projek lisan ini. Akhir sekali kepada pihak yang membantu secara langsung dan tidak langsung kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih.

SENARAI ABREVIASI

| SINGKATAN | MAKSUD |
|-----------|---------------------------------------|
| EPF | Employee Provident Fund |
| FiTA | Filem Teater dan Animasi |
| ITM | Institut Teknologi Mara |
| KL | Kuala Lumpur |
| KLPac | Kuala Lumpur Performing Arts Centre |
| MCKK | Ministry College Kuala Kangsar |
| MFP | Malay Film Production |
| MIC | Malaysian Indian Congress |
| PKP | Perintah Kawalan Pergerakan |
| PKPB | Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat |
| PKPP | Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan |
| PM | Perdana Menteri |
| PMR | Penilaian Menengah Rendah |
| RTM | Radio Televisyen Malaysia |
| PFS | Penang Free School |
| sitkom | situasi komedi |
| SOCSO | Social Security Organisation |
| SPM | Sijil Pelajaran Malaysia |
| UiTM | University Teknologi Mara |
| UM | Universiti Malaya |
| UPSR | Ujian Penilaian Sekolah Rendah |

SENARAI SINGKATAN

NSA: Nurul Syahirah Azman

RD: Radhi Khalid

WNAZWA: Wan Nur Azlin Zulaikha Wan Azli

RUJUKAN KATA

| Amik | Ambil |
|----------|---------------|
| Bapak | Bapa |
| Biol | Tidak betul |
| Bayaq | Bayar |
| Citer | Cerita |
| Dah | Sudah |
| Diorang | Dia orang |
| Dok | Duduk |
| Entah | Tidak pasti |
| Ha ah | Ya |
| Hang | Awak |
| Hangpa | Awak |
| Je | Sahaja |
| Jugak | Juga |
| Kat | Dekat |
| Kureng | Kurang |
| Kecik | Kecil |
| Lepas tu | Selepas itu |
| Nak | Hendak |
| Ni | Ini |
| Pak | Pakcik |
| Pastu | Selepas itu |
| Peel | Sikap |
| Pi | Pergi |
| Saje | Sahaja |
| Sape | Siapa |
| Sikit | Sedikit |
| Sorang | Seorang |
| Tak | Tidak |
| Takde | Tidak ada |
| Takpe | Tidak mengapa |
| Tak mau | Tidak mahu |

| | |
|---------|------------|
| Tak mo | Tidak mahu |
| Tapi | Tetapi |
| Telepon | Telefon |
| Tok | Atuk |
| Tu | Itu |
| Ye | Ya |

BIODATA

PENEMUBUAL

1.0 BIODATA PENEMUBUAL

1.1 Penemubual Pertama



| | |
|---------------------|---------------------------------------|
| Nama | Wan Nur Azlin Zulaikha Binti Wan Azli |
| Tarikh Lahir | 16 Jun 1999 |
| Tempat Lahir | Kota Bharu, Kelantan |
| Alamat | Johor Bahru, Johor |
| No Telefon | 011-12367085 |
| Emel | zzulaikha1606@gmail.com |
| Program | Pengurusan Rekod (IM246) |

1.2 Penemubual Kedua



| | |
|---------------------|----------------------------|
| Nama | Nurul Syahirah Binti Azman |
| Tarikh Lahir | 9 Januari 1999 |
| Tempat Lahir | Johor Bahru, Johor |
| Alamat | Pasir Gudang, Johor |
| No Telefon | 017-7991721 |
| Emel | nurulsyahirahh99@gmail.com |
| Program | Pengurusan Rekod (IM246) |

BIODATA

ARTIS

2.0 BIODATA ARTIS

2.1 Biodata Artis



Artis ini diberi nama Muhammad Radhieddeen bin Sheikh Abdul Khalid. Beliau dilahirkan pada 4 Februari 1964 dan berumur 57 tahun pada tahun ini. Beliau berasal dari Pulau Pinang tetapi telah berhijrah ke Kuala Lumpur untuk bekerja. Beliau mempunyai seorang ibu yang bernama Rahimah Bee binti Mohd Hashim dan seorang bapa bernama Sheikh Abdul Khalid bin Sheikh Abdul Karim. Muhammad Radhieddeen bin Sheikh Abdul Khalid mempunyai dua puluh dua orang adik beradik dan anak yang ke dua belas.

2.2 Pengenalan Kepada Artis

Radhi Khalid telah terlibat dalam industri seni sejak era 80-an. Beliau telah menceburkan diri dalam industri seni disebabkan oleh minat yang mendalam terhadap dunia lakonan walaupun mendapat tantangan daripada keluarga. Walau bagaimana pun, beliau tetap meneruskan cita-cita untuk menjadi seorang pelakon. Akhirnya, bapa beliau menyokong beliau setelah melihat usaha gigih anaknya sewaktu berada di lokasi penggambaran untuk terus terlibat dalam bidang lakonan tersebut. Bermula sebagai seorang pelayan di sebuah restoran, akhirnya beliau mampu berdiri sebagai seorang pelakon sehingga kini. Beliau mula mendapat perhatian daripada masyarakat melalui watak yang dilakonkan dalam Spanar Jaya iaitu sebagai pemuda Bangladesh bernama Abdullah. Selain daripada berlakon, beliau juga merupakan seorang pengarah dan mempunyai syarikat perfileman sendiri yang dikenali sebagai Radhikal Film. Beliau juga mempunyai bakat-bakat lain seperti menari, menyanyi, mengacara dan juga beliau pernah melibatkan diri dalam bidang pemodelan suatu ketika dahulu. Beliau tidak mengidolakan sesiapa dalam bidang lakonan tetapi beliau amat mengagumi bakat yang ada pada Tan Sri P.Ramlee, Katanya, P.Ramlee mempunyai bakat yang begitu besar dalam industri seni seperti boleh berlakon, mencipta lagu, menyanyi dan juga menari.

SEJARAH

LISAN

3.0 SEJARAH LISAN

3.1 Pengenalan

Menurut laman web Perpustakaan Universiti Malaya (2021), sejarah lisan ialah salah satu bidang pengajian dan kaedah dalam mengumpulkan, memelihara dan juga mentafsirkan suara, kenangan orang, masyarakat dan peserta di masa lampau. Menurut sumber yang sama, sejarah lisan adalah kedua jenis penyelidikan sejarah yang terdahulu dan telah mendahului sebelum perkataan bertulis, dan sejarah lisan adalah yang paling moden telah mula dirakamkan dengan menggunakan alat pita perakam pada tahun 1940-an. Menurut laman web Universiti Kebangsaan Malaysia (2007), satu kaedah di mana segala kenangan berkenaan seseorang tokoh yang telah dirakamkan secara wawancara dikenali sebagai sejarah lisan. Menurut sumber yang sama, maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut akan disalin dan kemudiannya Salinan itu akan ditaip dan dapat digunakan untuk dijadikan sebagai bahan pengajaran atau penyelidikan. Kajian sejarah lisan boleh dikatakan agak menarik untuk dijadikan bahan kajian kerana setiap individu yang menjalankan kajian itu akan dapat pengalaman yang baharu, dapat mengetahui tentang sejarah dari pelbagai sudut dan dapat melihat pelbagai personaliti yang ada pada manusia (Seow Han Lin, 2020). Ini kerana sejarah lisan ini mempunyai nilai yang tersendiri dan jarang untuk dibuat kajian. Oleh itu, kajian sejarah lisan amatlah menarik kerana nilainya itu. Tambahan pula, sejarah lisan ini amatlah penting buat kita kerana ianya akan menyumbang kepada penulisan berkenaan mana-mana peradaban manusia. Ini kerana, tanpa sejarah lisan kita tidak akan dapat mengetahui tentang segala sejarah yang telah berlaku di zaman lampau dahulu kala. Oleh hal yang demikian, dengan adanya sejarah lisan ini kita akan dapat membina semula peristiwa-peristiwa sejarah.

3.2 Objektif Sejarah Lisan

- i. Untuk mengkaji cabaran dan liku-liku kehidupan artis veteran yang dipilih untuk dijadikan koleksi rujukan sejarah lisan
- ii. Untuk mendokumentasikan kisah mengenai artis veteran yang tidak mudah didapati untuk dijadikan sebagai memori sejarah.
- iii. Untuk mendapatkan sumber primer daripada artis veteran yang dipilih untuk rujukan pada masa akan datang.

3.3 Kepentingan Sejarah Lisan

Menurut Seow (2020), sejarah lisan amatlah penting dalam menyumbang kepada penulisan historiografi mana-mana peradaban manusia. Beliau tidak bersetuju dengan ada

yang mengatakan bahawa sejarah lisan ini tidak relevan dan tidak berguna. Akan tetapi sebenarnya sejarah lisan ini adalah salah satu sumber sejarah utama.

Kajian ini adalah memfokuskan terhadap seorang artis veteran yang menceburi bidang lakonan sejak tahun 1960-1980. Maka di sini, kajian ini amatlah berguna untuk dijadikan sumber sejarah pada masa akan datang tentang sumbangan yang diberikan oleh artis veteran itu. Dengan adanya kajian ini akan dapat dijadikan bahan rujukan atau cadangan untuk pengkaji-pengkaji mengenai artis veteran yang pernah menjadi penyumbang terhadap industri seni tanah air. Kajian ini penting kepada pengkaji yang akan datang supaya mereka ini boleh melihat aspek-aspek yang boleh diketengahkan dalam menambahbaik lagi bakatbakat yang perlu digilap atau diketengahkan tidak mengira artis tua ataupun artis yang telah lama berada dalam industri lakonan ini.

Selain itu, kepentingan kajian ini diadakan adalah untuk menyimpan dan memelihara informasi yang betul dan tepat yang telah didapati melalui temu ramah terhadap artis veteran itu sendiri. Justeru itu, keaslian informasi dan maklumat melalui kajian yang dibuat ini akan menjadikan ia adalah sumber rujukan yang dipercayai dan diyakini. Kajian ini juga dapat menunjukkan bukti-bukti tentang artis veteran yang sebenarnya telah banyak telah membawa nama negara Malaysia serta mengharumkan nama negara Malaysia di mata luar dunia. Dengan hasil karya mereka yang sangat berbakat ini dapat menjadi inspirasi generasi pada masa akan datang untuk mengasahkan lagi bakat-bakat yang terpendam agar dapat melahirkan masyarakat yang lebih kreatif dan berbakat.

Seperti yang kita ketahui, artis veteran ini merupakan golongan-golongan artis yang berpengalaman di dalam industri lakonan atau nyayian yang telah bertapak lama di dalam industri seni di Malaysia. Bakat-bakat mereka ini sewajarnya dapat terus dijadikan sebagai karya lakonan selagi mereka masih berupaya untuk berlakon dan menghiburkan masyarakat. Terutamanya pengarah-pengarah filem, drama bersiri, teater dan lain-lain seharusnya membuka mata tentang bakat artis veteran yang perlu dipertunjukkan kepada masyarakat dan juga dijadikan simpanan untuk masa yang akan datang. Dengan pengambilan karya lakonan artis veteran, serba sedikit tanpa disedari, ia telah memberi impak besar kepada generasi muda untuk mengidolakan mereka terutamanya artis-artis baharu yang baru sahaja mula menceburi industri lakonan di tanah air.

KAJIAN LITERATUR

4.0 KAJIAN LITERATUR

4.1 Topik 1

Industri Lakonan

Industri lakonan ini menggambarkan tentang satu industri yang sangat luas dan diketahui oleh semua orang. Industri di sini dapat hanyalah sesuatu yang ingin dirangkumkan menunjukkan sesuatu yang besar iaitu dalam bidang lakonan. Menerusi buku Theatre (1981) yang ditulis oleh Robert Cohen, beliau menyatakan bahawa lakonan ini berasal daripada suatu amalan ritual yang berkait rapat dengan seni persembahan pada zaman masyarakat dahulu kala (Shahrulreza, 2019). Takrifan seperti ini adalah merupakan sejarah lisan yang telah dilakukan dan dikomentasikan pada suatu masa dahulu yang adalah menjadikan ia penting untuk dijadikan rujukan pada masa kini.

Menurut Rugayah (n.d.), menerangkan bahawa lakonan ini adalah sesuatu seni lakon yang dipentaskan melalui teater, filem atau drama, dan juga boleh dirakam untuk disiarkan di dalam televisyen dan hasil tulisan iaitu skrip yang ditukar menjadi dialog untuk difahami oleh penonton. Di dalam dunia lakonan terdiri daripada pengarah, penerbit, penulis skrip dan sebagainya. Artis merupakan seorang yang sangat penting untuk memainkan watak-watak di dalam lakonan yang dijalankan di dalam sesebuah filem, drama atau teater.

4.2 Topik 2

Artis Veteran

Di dalam Kamus Collins ada menyatakan definisi artis iaitu bermaksud seseorang yang menyampaikan sesuatu persembahan seperti pemuzik, pelakon atau penari. Seperti yang kita ketahui, apabila mendengar perkataan artis akan dapat difahami dengan seseorang yang mempunyai bakat tersendiri di dalam lakonan atau nyanyian. Sidonia (2021), ada mengatakan bahawa sesiapa sahaja mempunyai peluang untuk menjadi artis dengan seseorang mestilah menyerlah bakat yang sebenar yang mereka ada contohnya dalam berlakon, menyanyi atau bakat-bakat kreatif yang lain juga.

Seterusnya, veteran ini merupakan ayat yang dapat difahami dengan pengalaman dan masa yang lama seseorang itu dalam kerjayanya. Seseorang yang telah banyak berpengalaman dalam sesuatu perkara adalah takrifan yang diberikan di dalam Kamus Bahasa Melayu. Di dalam kajian yang dijalankan ini, adalah memfokuskan pada artis veteran iaitu mereka yang cukup lama dalam industri seni lakonan ataupun nyayian. Menurut Azrul (2020), artis-artis veteran ini disanjung, dinilai dengan bayaran yang tinggi di luar negara. Hal ini demikian

kerana, artis veteran ini merupakan seseorang yang mempunyai pengalaman dan bakat yang bagus dek kerana telah lama di dalam industri lakonan atau nyanyian menjadikan mereka semakin dapat menggilap karya lakonan dan nyanyian mereka semakin baik seiring dengan masa yang berlalu.

TRANSKRIP
TEMUBUAL BERSAMA
ARTIS

5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ARTIS

SESI PERTAMA

NSA: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang artis veteran. Bersama-sama kami ialah Encik Radhi Khalid yang merupakan seorang artis veteran era 80-an. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 26 November 2021 bersamaan dengan hari Jumaat pada pukul 3.15 petang dengan menggunakan platform Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh saya, Nurul Syahirah binti Azman dan juga rakan saya, Wan Nur Azlin Zulaikha binti Wan Azli. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

NSA: Okey baiklah Encik Radhi, kita bermula dengan soalan orientasi yang pertama mengenai diri Encik Radhi sendiri. So [jadi], bolehkah encik berkongsi serba sedikit dengan kami tentang diri encik. Baiklah yang pertama, siapakah nama sebenar encik?

RK: Hai assalamualaikum nama saya Muhammad Radhieddeen bin Abdul Khalid. Formal sangat *you all* [kamu semua] eh, *very* [sangat] formal eh?

NSA: Memang.

RK: Lagi satu saya mencelah, bila *you* [awak] kata veteran tu ada sesetengah artis macam mana saya dipanggil veteran, saya baru tujuh [17] belas tahun (sambil mengeluarkan lidah), mana boleh veteran. Takde, takpe tapi sesetengah artis dorang terasa dengan perkataan - saya tak kisah.

WNAZWA: Lagenda.

RK: Tapi dengan perkataan veteran tu. Jadi, mungkin perkataan yang lebih sesuai digunakan ialah senior, pelakon senior.

WNAZWA: Senior, oh key.

RK: Tapi bagi saya veteran takda benda tapi sesetengah artis adalah dua tiga nama tu dorang kata veteran tu macam *American* [Amerika] kan *vet a war*, veteran *war* veteran tu maksudnya dah tak bekerja dah -- (sambil menggelengkan kepala) duduk rumah dah, *retire* [bersara]. Tapi, bagi saya insha Allah *energy* [tenaga] saya ada lagi, kudrat ada lagi tuhan bagi, sampai bila pun saya dengan bidang saya ni yang memang saya *passionate of* [minat yang mendalam] lah. Tapi bila pakai perkataan veteran tu kena berhati perut sikit (gelak secara sinis) eh but *I don't mind personally I don't mind* [secara peribadi saya tak kisah, --] but *I* [saya] terkejut jugak bila orang panggil veteran rasa macam oh *I am*

already above fifty above sixty [saya dah berumur lima puluh [50] ke enam puluh [60]] tak sedar diri kan kadang-kadang rasa muda.

NSA: Okey.

RK: Tapi *I think a better term would be* [saya rasa istilah yang lebih sesuai ialah] senior lah, pelakon senior.

WNAZWA: Senior, okey.

RK: Yah.

NSA: Encik Radhi, boleh tak Encik Radhi ejakan nama Encik Radhi sebab kami macam dekat Wikipedia yang kami tu macam agak -- susah lah untuk radhi.

RK: Boleh. M-U-H-A-M-M-A-D R-A-D-H-I-E-D-D-E-E-N bin Abdul Khalid --. Muhammad Radhiedden bin Abdul Khalid. Kalau kadang-kadang kaum Cina kita panggil saya Lahidin, kalau ada sorang ustazah tu dia nak tukar nama saya “Salah nama *you* [awak] bapak *you* [awak] bagi nama salah, *you* [awak] patut dipanggil redhaudin” pandai-pandai dia nak tukar nama saya. Radhiedden maksud ugama yang diredayai lah redho deen, Muhammad lah nama nabi kan S.A.W.

WNAZWA: Ohh so [jadi] kiranya macam cik Radhi pun ada apani ada panggilan jugak lah kan?

RK: Takdalah saya tak tukar sangat nama saya Muhammad Radhiedden saya nama untuk pentas, nama bidang filem Radhi Khalid. *So [jadi]*, Khalid tu nama bapak saya lah Abdul Khalid arwah.

NSA: Okey, faham.

RK: Takda tukar-tukar sangatlah.

NSA: Okey baiklah. Soalan seterusnya, bilakah encik dilahirkan dan encik berasal dari mana?

RK: Empat dua [42] enam puluh empat [64], empat [4] Februari tahun 1964, saya dah lima puluh tujuh [57] tahun, dari Pulau Pinang [Malaysia] saya membesar di Bukit Gelugor [Pulau Pinang, Malaysia], dilahirkan di Hospital Bersalin Pulau Pinang [Malaysia].

NSA: Okey baiklah. Soalan seterusnya?

WNAZWA: Soalan seterusnya, dimanakah Encik Radhi telah dibesarkan?

RK: Di Pulau Pinang [Malaysia], sampai tujuh belas [17] tahun saya pergi *sorry* [maaf] sampai tujuh belas [17] tahun SPM lepastu saya pergi UiTM lepas dua [2] kali amik SPM, saya pergi ITM Arau. Tahun lapan puluh tiga [83] kot. ITM Arau sekarang kita panggil UiTM, dulu kalau ITM Arau lah.

NSA: Haah, betul-betul. (sambil menganggukkan kepala)

RK: Lepastu dah tak sempat habis saya *halfway so* [separuh jalan jadi] tahun lapan puluh lima [85], hujung tahun lapan puluh lima [85] saya datang KL [Kuala Lumpur, Malaysia], untuk menjadi seorang penghibur, bintang filem macam tu lah tetapi susahlah perjalanan dia.

WNAZWA: Okey, key.

WNAZWA: Okey so [jadi] kita ke soalan seterusnya iaitu bahagian keluarga, boleh tak Encik Radhi ceritakan tentang keluarga encik dengan kami. Yang pertama sekali iaitu siapakah nama ibu bapa encik dan apakah pekerjaan mereka berdua?

RK: Ohh ini semua *basic question* [soalan umum] eh?

NSA & WNAZWA: Haah, betul-betul.

RK: *Very basic question* [soalan sangat umum] eh? Okey, nama bapak saya Muhammad Sheikh Abdul Khalid bin Sheikh Abdul Karim.

WNAZWA: Sheikh Abdul Khalid.

RK: (Menganggukkan kepala) Dia darah keturunan Iraq, Turki, Melayu campur-campur lah. Arab dan dia dilahirkan di Indonesia tak silap saya.

WNAZWA: Ohh Indonesia I see [ohh begitu].

RK: Dia masa kecil masa *baby* [bayi] dia di Indonesia, dilahirkan di Indonesia jugak saya rasa, lepastu dia dibawak -- lari ke Pulau Pinang [Malaysia].

NSA & WNAZWA: (Ketawa)

RK: Lepastu dia menikah kahwin *a few mothers* [beberapa ibu] bukan mak saya nombor tiga [3], mak saya pun ada sangkut *related to* [berkaitan dengan] bapak saya.

WNAZWA & NSA: Hmm (menganggukkan kepala)

RK: Kahwin dalam *family* [keluarga] punya *circle* [kalangan] lah.

NSA & WNAZWA: Saudara-mara lah.

RK: Haah.

WNAZWA: Tapi *just now* [sebentar tadi] Encik Radhi belum sebut nama ibu Encik Radhi (tersenyum)?

RK: Rahimah Bee binti Mohd Hashim.

WNAZWA: Rahimah binti Mohd Hashim so [jadi] Encik Radhi yang Mohd tu kan, dia M-U-H Muhd tu nama tadi ibu Encik Radhi, Rahimah binti Mohd kan?

RK: Tak Rahimah Bee, B-E-E binti Mohd M-O-H-D Hashim.

WNAZWA: M-O-H-D, okey -- yang hashim tu tadi dia S-H ke atau S-Y?

RK: H-A-S-H-I-M.

WNAZWA & NSA: Okey.

RK: Haa.

WNAZWA: Okey, *the next question is* [soalan seterusnya ialah] Encik Radhi mempunyai berapa orang adik-beradik dan Encik Radhi merupakan anak yang ke berapa dalam keluarga (tersenyum)?

RK: Dua puluh dua [22] adik-beradik saya nombor dua belas [12] (sambil menggarukan kepala).

WNAZWA: Okey nombor dua belas [12]

RK: Empat [4] mak (menunjukkan empat jarinya).

NSA: Maksudnya dua puluh dua [22] tu (menunjukkan empat jarinya) dah termasuk semua lah kan adik-beradik tiri lah ohh.

RK: Tak kata tiri lah, kita tak kata tiri sebab sama bapak dan -- lima [5] mak sebenarnya tapi mak yang ke lima [5] anak dia dengan suami lain dan arwah bapak saya takda anak so [jadi] lima mak tapi dengan empat [4] mak dua puluh dua [22] adik-beradik sorang meninggal.

WNAZWA: Ohh okey --.

RK: Tapi bukan sekali lah bapak saya kahwin satu [1] lepastu meninggal, kahwin lain macam tu lah bukan sekali dia kahwin empat [4].

WNAZWA: Ohh okey, faham --.

WNAZWA: Okey, yang seterusnya ada tak sesiapa dalam keluarga encik yang turut terlibat dalam industri seni?

RK: Sepupu saja.

WNAZWA: Sepupu.

RK: Sepupu -- saya yang (sedang cuba mengingat) tok apa ni sepupu (sambil memejamkan mata) *first* [pertama] -- *cousin* [sepupu] lah.

WNAZWA: *First cousin* [sepupu pertama] okey --.

RK: *Uncle* [pakcik] saya Ahmad Daud, penghibur dulu arwah anak dia Ogy Ahmad Daud, Fauziah Ahmad Daud.

WNAZWA: Ohh (teruja) sepupu jugak okey --.

RK: *First cousin* [sepupu pertama] saya jugaklah.

WNAZWA: So [jadi] Ira next question [soalan seterusnya].

NSA: Okey, soalan seterusnya berkenaan pendidikan. Bolehkah encik ceritakan kepada kami tentang latar belakang pendidikan encik, di manakah encik bersekolah rendah dan juga bersekolah menengah dan seterusnya encik ada melanjutkan pelajaran ke institusi lain selepas tahap sekolah menengah? (sambil menganggukkan kepala)

RK: Saya bersekolah di Francis Light, Francis Light School di Penang [Pulau Pinang, Malaysia], *famous* [terkenal] lah Francis Light dikatakan orang yang *founded* [pengasas] Penang [Pulau Pinang, Malaysia] keronnya lah. Sekolah tu dinamakan di atas nama dia, 1876 Francis Light, okey Francis Light School (sedang cuba mengingat) dan *standard five* [darjah lima] dulu kita ada *exam standard five exam* [peperiksaan darjah lima] assessment exam. Sekarang ditukar kan (mengusap rambutnya), UPSR lepastu dia dah *abolished all together* [dimansuhkan semua sekali] kot, dah takde dah kan?

NSA: Aah, dah takde.

RK: Dulu *standard five* [darjah lima], lepastu UPSR, *standard six* [darjah enam], lepastu sekarang takde so [jadi] masa *standard five* [darjah lima] tu peperiksaan penilaianlah dia panggil *assessment exam* [peperiksaan penilaian], saya dapat lima [5] A, dia lima [5] subjek je, saya dapat lima [5] A.

NSA: Wow! (teruja)

RK: Kira *terer* (hebat) lah -- kita (tersenyum), takde lah tapi Alhamdulillah saya dapat lima [5] (menunjukkan lima jarinya) A, *standard six result* [darjah enam keputusan] kureng sikit tidak *top* [atas] kalau *top* [atas] dia *usually* [kebiasaan] kalau *you* [awak] lima [5] A, *standard six* [darjah enam] pun, okey dia hantar *you* [awak] ke MCKK. *Famous* [terkenal] MCKK.

WNAZWA & NSA: MCKK.

RK: M-C-K-K, Kuala Kangsar [Perak, Malaysia], Ministry College Kuala Kangsar [Perak, Malaysia], *famous boarding school* [sekolah berasrama penuh yang terkenal] saya tak dapat mungkin sebab *standard six* [darjah enam] saya kureng, tapi saya dapat -- peluang untuk dilanjut [SIC, melanjutkan] *study secondary* [belajar tahap menengah] di Kolej Sultan Abdul Halim [Kedah, Malaysia] kot, *another famous* [satu lagi yang terkenal] kolej lah di Kedah [Malaysia]. Tapi Kedah [Malaysia] ke Perlis [Malaysia], Kedah [Malaysia] kot, tapi bapak [SIC, arwah bapak] saya tak bagi pergi sebab dia biasalah kadang-kadang parents tak suka anak-anak dia pergi *boarding school* [sekolah berasrama penuh] dia pikir macam-macam. So [jadi] saya tak pergi *last-last* [akhirnya] saya masuk Penang Free School [Pulau Pinang, Malaysia], P-F-S.

WNAZWA: PFS, ohh *famous* [terkenal] jugak tu Encik Radhi (tersenyum).

RK: Ada ceritalah kira orang belajar sana semua dato-dato.

NSA: Ha ah, betul-betul.

RK: Menteri-menteri, P.Ramlee, arwah tok saya mengajar disitu, mengajar P.Ramlee.

NSA & WNAZWA: Ohh.

RK: Belah mak saya, adalah cerita di sebalik tu, jadi lepastu pergi PFS sampai *form five* [tingkatan lima], amik *exam* [peperiksaan] dapat kurenglah dapat *gred three* [tahap tiga]. Jadi, lepastu abang saya kata dia ni tak *study* [belajar], dia kena dipantau ni, _ di KL [Malaysia], saya pergi ke Vento Academy.

WNAZWA: Ohh, Vento Academy.

RK: Vento Academy di Petaling Jaya [Selangor, Malaysia], itu MIC punya -- sekolah lah kira. MIC tau MIC? Tetapi di situ sekolah biasa sekolah mengajar kurikulum dia samalah hanya *founder by* [diasaskan oleh] MIC. Saya amik SPM jugak, bukan amik apa kos lain kan, - *second time* [kali kedua], tukar-tukar subjek dapatlah *gred two* [tahap dua] (sambil menunjukkan dua jarinya).

WNAZWA: Ohh.

RK: Lepastu *next year* [tahun seterusnya], *the same year* [tahun yang sama] kot sekejap jelah *study* [belajar] kat situ dapat masuk ITM, *apply* [mohon] ITM Arau dapat masuk ITM.

WNAZWA & NSA: Hmm.

RK: Tapi tak sampai tiga tahun, sampai satu setengah tahun bye -- (ambil melambaikan tangannya).

NSA: Kiranya Encik Radhi ---

RK: Tak sempat habislah.

NSA: Encik Radhi amik kos apatu?

RK: *Diploma In Business Studies* [diploma dalam pengajian perniagaan],

NSA & WNAZWA: Ohh.

WNAZWA: Okey so [jadi] seterusnya kita akan pergi ke bahagian soalan umum, which is [yang] pertama sekali pendapat. Bolehkah kami tahu pendapat encik tentang industri seni iaitu tanggapan encik terhadap industri seni?

RK: Tanggapan macam mana tu? *You* [awak] kena, *you* [awak] kena *narrow it down* [kecilkannya] (menunjukkan isyarat sedikit) sikit tanggapan tentang bahagian mana tu? Sebab dia besar (menunjukkan isyarat besar), menjurus ke mana tu?

WNAZWA: Kalau dalam bahagian lakonan?

RK: Tak, okey dalam bahagian lakonan tapi apa *you* [awak] nak tanya dalam bahagian lakonan tu, tentang peluang dan kerjaya di bidang lakonan ataupun tentang tanggapan masyarakat, ataupun tentang kerajaan *support* [menaja] tak *support* [menaja].

WNAZWA & NSA: Kalau, mungkin ini secara umum kot Encik Radhi sebab nanti ada spesifik lagi macam Encik Radhi bezakan tanggapan Encik Radhi daripada bidang lakonan dulu dengan sekarang ni macam apa-apalah yang tanggapan encik tentang industri seni secara umumnya lah.

RK: Okeylah industri seni kalau di Europe (ambil cuba mengingat), di negara eropah mereka industri ni di agungkan, diangkat tinggi dimartabatkan sebab bukan senang, bukan enteng-enteng orang yang boleh memasuki bidang seni dan bidang seni dianggap sebagai satu bidang eksklusif yang -- di *highly respect* [sangat dihormati] yang di *respected*

[hormati] lah. Tapi di sini mungkin di Malaysia lah saya tak tau *whether* [sama ada] di - mungkin di Malaysia kot di Thailand di Indonesia mungkin sedikit lain. Di Malaysia, ada yang *idolise* [mengidolakan] artis semua tetapi rata-rata saya rasa masyarakat umum pandang rendah pada golongan atau pun bidang seni sebab diorang rasa benda ni senang, benda ni nak glamor, benda ni takde dia tak *appreciate* [hargai] lah seni yang kat Malaysia ni. Hmm jadi dia -- pandang kalau golongan seni pun di pandang rendah padahal kalau sesetengah negara atau pun sesetengah tempat *especially* [terutamanya] *Europe* dia, ni bukan pasal kita tengok apa orang kata *idolise* [mengidolakan] atau pun kita kata "Ohh artis, oh Shah Rukh Khann, ohh Erra Fazira", bukan pasal tu sangat, ni pasal *how you look at the artis* [bagaimana awak memandang kepada artis itu], *how you look at the whole industri basically* [secara keseluruhan bagaimana awak melihat untuk keseluruhan]. So [jadi] industri kita, yang saya nampak lah, pada mulanya dulu bukan zaman P.Ramlee, zaman P.Ramlee mungkin lain sikit, tapi setelah zaman P.Ramlee, industri seni tidak di martabatkan dengan betul, tidak di sokong oleh *a lot of quarters* [kebanyakan pihak], dan tidak di -- terima (ambil berfikir sejenak) dengan hati yang orang kata apa tidak di terima sepenuhnya sebagai satu kerjaya oleh *government* [kerajaan] dan juga oleh sesetengah masyarakat. Jadi dia pandang artis ni dia ingat macam hobi, *not a* [bukan] -- kerjaya, *not a* [bukan] karier. Dia nampak macam hobi, macam main-main, macam suka-suka tapi *its very* [ia sangat], *its a very* [ia adalah sangat] serius bisnes. Kalau you nak jadi artis yang berjaya, yang *dedicated* [berdedikasi] yang -- *honest* [jujur] dengan kerja seni *you* [awak], *you have to be a full time* [awak perlu sepenuh masa menjadi] artis. Bukan main-main, bukan enteng-enteng, bukan nak glamor saja.

WNAZWA: Okey, key.

RK: *You get what I mean? Or not?* [awak faham tak yang saya maksudkan? Atau tak?]

WNAZWA: Dapat-dapat.

NSA: Faham Encik Radhi.

RK: *Government* [kerajaan] pun tak letak bidang kerjaya ni sebagai salah satu bidang perindustrian yang boleh menjana ekonomi. Dulu lah, kerajaan tak _ _ sangat, dia letak kat tepi je, sekarang ni mungkin diorang bukak mata sikit, mungkin nampak sebab masatu *covid especially* [terutamanya], *you* [awak] boleh nampak ramai yang tertekan dan terkesan. Jadi, daripada situ *you* [awak] boleh tau, *you* [awak] boleh kata yang *there a big number of people in* [terdapat sebilangan besar orang di] Malaysia yang bergantung harap

pada bidang ini. Jadi bidang ini *is* [adalah] serius bisnes lah, kalau takde kerja, diorang takde makan, boleh mengesankan mereka boleh *well* [baik] boleh,

WNAZWA: Terkesan.

RK: Sakit, boleh takde, faham tak? (tersenyum)

NSA & WNAZWA: faham --.

RK: Dia bukan enteng-enteng dan bukan keciklah *actually quiet big number* [sebenarnya nombor yang agak besar] macam kat India *especially [terutamanya]* bidang ni *is a full time* [adalah sepenuh masa] ekonomi punya apa, *more because* [penggerak kerana] sekali diorang buat satu tahun *I think* [saya rasa] dekat 800 filem, dan banyak -- genre dan banyak bahasa. Satu filem boleh buat dua tiga bahasa dan orang akan tengok.

NSA: Ha ah betul. (menganggukkan kepala)

RK: Dan dia buat satu filem tu bukan sahaja pelakon, dia bagi kerja bagi kerja kepada tukang-tukang kayu, kepada kostum punya *people* [orang], pada *people I think* [orang saya rasa] sampai satu filem tu, *I don't know* [saya tidak tahu] saya rasa ber puluh -- orang satu filem baru yang digunakan tenaga kerja dia. Jadi itulah diorang punya karier dan *money matters* [mata pencarian wang] lah.

WNAZWA: Okey key, so [jadi] seterusnya adakah encik tahu industri seni ni mempunyai beberapa [SIC, berapa] cabang?

RK: Macam mana?

WNAZWA: Industri seni ni Encik Radhi rasa ada berapa cabang?

RK: Oh seni kalau satu lagi seni ialah seni, seni tampak ke, seni halus ke, *art* [seni].

WNAZWA: Seni halus ohh key.

RK: *Art* [seni] iaitu lebih kepada lukisan dan yang sewaktu dengannya lah. Satu lagi, *arts A-R-T-S* [seni] ialah yang merangkumi bidang *performing arts* [seni persembahan] saya rasa yang macam lakonan, filem, teater, nyanyian. Jadi ada dua kelompoklah, satu *is art* [seni] yang seni halus, seni tampak, seni lukisan, mural dan sebagainya, satu lagi ialah *whereby involve* [dimana melibatkan] (ambil berfikir) apatu artis, *not* [bukan] artis pelukis, satu lukisan, satu lagi artis *A-R-T-I-S-T-E* [artis] iaitu penghibur, pelakon, penari dan sebagainya lah.

WNAZWA: Okey key. So [jadi] ---

RK: Mungkin lebih kepada, mungkin lebih lagi kan?

NSA: Ha ah. (menganggukkan kepala)

RK: __ bukan untuk bidang lakonan, bidang nyanyian, bidang peragawan sahaja,

WNAZWA: Pengacaraan.

RK: Dia besar lagi, haa semua tu *correct* [betul], betul. (menganggukkan kepala)

WNAZWA: Okey, so [jadi] pada pendapat encik apakah perbezaan antara cabang industri seni yang encik sebutkan sebentar tadi?

RK: Apakah ---

WNAZWA: Perbezaan ---

RK: Perbezaan dari seni apa, dari segi apa tu?

WNAZWA: Saya rasa yang -- dua (sambil menunjukkan dua jari) tadi yang Encik Radhi sebutkan yang besar tu satu kan untuk artis yang seni halus tu kan, lagi satu dengan yang bidang yang lakonan, nyanyian, pengacaraan. Encik Radhi rasa perbezaan antara dua tu apa?

RK: Ohh, perbezaan -- okey satu [1] tu, dua-dua tu melibatkan,

NSA: Seni.

RK: Seni atau kreativiti, sudah semestinya tapi satu tu melibatkan lebih kepada kita artis dengan dirinya, menggunakan wajahnya (sambil menggerakkan tangan dan menunjukkan wajah).

NSA: Bakatnya.

RK: Lakonan dia, suara dia dan sebagainya. Satu lagi tu menggunakan kreativiti *that* [yang] dari hati (meletakkan posisi tangan di dada) dia kot, dari otak dia kot (menundukkan jari ke dahi), apa yang dia rasa nak buat, dia gunakan otak kan? Bukan saja-saja je, bakat ni kan bukan -- daripada hati (meletakkan posisi tangan di dada) je, *you have to be creative* [anda perlu menjadi kreatif], *you have to be intelligence also to create something* [anda perlu menjadi cerdas juga untuk mencipta sesuatu], *create* [mencipta] itu yang penting. *Creative* [kreatif], bezanya dua-dua *should be creative* [hendaklah kreatif], tapi satu tu dia lebih kepada *not* [bukan] diri dia, dia -- apa yang dia rasa diri dia hasilkan kepada satu bentuk lukisan dan sebagainya, satu lagi dirinya tu lah lukisan. Dirinya tu lah lukisan,

dirinya tu lah organ, *violence*, gitar, dia bermain dengan badan dia mungkin dengan suara dia, dengan wajah dia, dia lah, ___ dia lah piano.

WNAZWA: So [jadi] itu lah perbezaanya.

RK: Kan?

WNAZWA: Okey, yang seterusnya Encik Radhi apa perbezaan yang Encik Radhi lihat sekarang dalam bidang lakonan pada masa kini dan dengan dahulu?

RK: Perbezaan dunia lakonan sekarang dan zaman lampau, zaman dulu, masa dulu. Banyak - - perbezaannya, tetapi dari segi -- hasil kreativiti seorang pelakon lah sebab *you* cakap pasal lakonan lah kana tau pun artis, bagi saya sama saja dia punya, dia punya -- kreativiti untuk menghasilkan sesuatu *should be the same* [hendaklah sama], maksudnya dia patut *as serious as possible* [serius yang mungkin] sama jugak maksud kalau dulu dia amik sebagai satu bidang yang dia nak fokus sekarang pun kena fokus jugak, te - tetapi maknanya sebagai pelakon *you* [awak] kena *give* [beri] 100%. Kalau *you* [awak] betul-betul seorang pelakon, itu maksud saya. Jadi itu tidak ada beza, itu *should be the same* [hendaklah sama] dan *basic of acting and all that should be the same* [asas berlakon dan semua hendaklah sama], tapi dulu keadaanya mungkin lain sikit ialah saya petik zaman P.Ramlee lah, ataupun yelah zaman P.Ramlee di studio ___, kebanyakan pelakon-pelakon yang bukan semua kot, tapi yang ternama, yang atas-atas tu di -- amik sebagai residen artis. Dia dulu *Shaw Brothers*, lepastu kemudian ada - - dua, ada *Malay film production* M-F-P tak silap, sebelum datang ke KL [Kuala Lumpur, Malaysia] di Studio Merdeka tapi sebelum tu *Shaw Brothers* lah yang antara yang unggul lah, yang unggul lah saya rasa. Jadi kebanyakan pelakon-pelakon dia nama-nama besar seperti arwah Tan Sri P.Ramlee, Datin Paduka Sarimah *sorry* [maaf] Dato Sarimah Ahmad, Arwah Saadiah primadona Saadiah diambil sebagai pelakon tetap ataupun residen artis. Jadi diorang fokus time dia untuk berlakon sahaja, itu kerjaya penuh dia, dia diberi rumahan, diberi elaun tak banyak gaji pun mungkin 4 ratus sebulan, dibayar bulan yang saya dengar yang saya tahu lah, sekarang ni ada jugak satu dua *production* [produksi] macam atau pun stesen yang macam tu dengan artis tetapi kebanyakan kita adalah *freelancers* [artis yang bebas melakukan apa sahaja]. *We are not tight to any bodies* [kita tidak terikat dengan mana-mana syarikat], *any* [mana-mana] -- *station* [stesen], *any production houses* [mana-mana syarikat produksi]. *Most of us are not* [kebanyakan dari kita tidak] ada lah setengah yang baru-baru ni mungkin ada *a few* [beberapa] yang terikat dengan kontrak, terikat dengan kontrak dengan *some production houses* [beberapa syarikat produksi] tapi zaman

saya, zaman lapan puluhan [80], saya bukan lapan puluhan [80] sangat lah, lapan puluhan [80] baru nak mula, so mungkin saya *famous* [terkenal] masa zaman sembilan puluhan [90], era sembilan puluhan [90] insha Allah sampai sekarang lah (ambil memejamkan mata). Alhamdulillah. Dan yang baru-baru ni mungkin *last ten years* [sepuluh tahun lepas] ada jugak dua tiga buah *production houses* [syarikat produksi] yang ambil artis sebagai artis residen, tapi kebanyakan kita bukan artis residen, macam zaman P.Ramlee dulu kebanyakan mereka artis residen yang saya tahu yang *top-top especially* [yang teratas terutamanya], jadi puak lain tak boleh amik depa berlakon kecuali dengan persetujuan *company* [syarikat] yang diorang dinaug [SIC, naugi] lah. Itu beza dia *that means* [yang bermaksud] kerjaya, kerjaya diorang lain sikit, kita dah macam ada yang buat *full time* [sepenuh masa] tetapi tidak terikat dengan mana-mana, takde gaji bulan, dan kadang-kadang tu jadikan *part time* [separuh masa] pulak. Jadi ada pulak yang jadikan dia sebagai hobi, itulah dan jugak tanggapan orang, dulu orang suka tengok dulu. Orang-orang dulu dan kata *they are legend* [mereka adalah lagenda], *they are veteran* [mereka adalah veteren], *legend* [lagenda] bagus dan memang diorang bagus, memang diorang *legend* [lagenda] tetapi zaman sekarang ni rasa hormat pada seni tu saya rasa kurang. Jadi kalau saya tiga puluh [30] tahun berlakon dah dapat *award* [anugerah] banyak pun okey bukan saya kata lah Ogy Ahmad Daud dah dapat *award* [anugerah] banyak pun sesetengah orang mungkin kurang nampak kehebatan dia nak *compare* [bandingkan] dengan mak dia Saadiah, maksudnya kan? Ataupun dengan Datin Sarimah, memang diorang tu memang *great* [hebat] tapi diorang jugak *ful ltime* [sepenuh masa] artis dan jadi kita tak -- di sanjungi, tak di -- hormati, hormati *more perfect word* [perkataan yang lebih tepat] yang saya cari lah. Hormati, disanjungi tu ada tengok Erra Fazira, Awie, apa semua kan tetapi diorang semua kurang hormat pada kerjaya dia. Dia lebih suka, gila, *idolise* [mengidolakan] pada personaliti seseorang itu. Haa faham tak? Dulu kalau diorang kata P.Ramlee wow *legend* [lagenda], *terror* [hebat], pandai berlakon, enam [6] P, tujuh [7] P, orang hormat dia. Tapi zaman sekarang mengikut mungkin sebab *you* [awak] kita di depan mata, jadi nampak macam biasa-biasa jelah, dan juga sikap orang kita jugak yang tak -- dapat menilai batu permata di depan mata diorang tengok yang luar diorang nampak *great whether* [hebat sama ada] Korea ke, India ke, Bollywood ke mana-mana, yang depan mata ni diorang pandang enteng, pandang remeh. *Actually* [sebenarnya], dalam banyak segi jugak lah macam tu, senang nak mengutuk golongan kita sendiri, senang nak pandang rendah, pada yang kalau kat luar tu kalau kurang bagus pun diorang sanjung, kalau orang putih tu semua betul lah. Kan? Orang putih tu kira *terror* [hebat] lah, pandai lah, bijak

lah, orang Melayu, orang *action* [aksi] diorang pikir sepuluh kali nak -- bagi nak bagi *recognition* [pengiktirafan], pengiktirafan. Haa itu saya rasa lah.

NSA: Okey baiklah, soalan yang seterusnya berkenaan idola. Siapakah yang encik jadikan sebagai idola dalam industri seni ni sebagai inspirasi dalam dunia lakonan? Siapakah nama idola itu dan mengapa beliau menjadi idola encik?

RK: Saya sebenarnya takde idola sebab idola tu maksud *idol idolise* [idola mengidolakan]. *Idolise* [mengidolakan] tu macam patung, eh? Jadi saya tak idola kan sesiapa dan saya tak mau orang idolakan saya. Tapi, kalau saya nak orang kata kalau nak hargai bakat saya, begitu jugak saya hargai bakat pelakon atau penyanyi lain. Jadi saya takde idola tapi saya *respect other entertainers* [menghormati penghibur lain]. Antaranya P.Ramlee pun P.Ramlee antara sorang P.Ramlee sebab dia ber - begitu besar bakat dia yang dia boleh dia boleh apa orang kata bakat dia merangkumi pelbagai genre. Dia boleh menyanyi, dia boleh cipta lagu, dia boleh mengarah, dia boleh *produce* [mengarah], dia boleh menari kot sama, tetapi jangan lupa ya sesetengah benda yang dia buat, dia *compose* [mencipta] lagu seni kata dia mungkin orang lain, jadi dia perlukan *team* [kumpulan]. Betul tak? Dia – (ambil berfikir) buat lawak yang '*Bujang Lapuk*' semua tu, tapi dia perlukan Aziz Satar, dia perlukan M.Zain, dia bagi idea sahaja yang saya dengar lah, dia bagi idea, "hang jadi ni, hang jadi tu" jadi banyak skrip tu datang daripada kawan-kawan dia, bukan dia sorang. Dia berbakat besar, dia pandai menggabungkan semua tu (ambil menggerakkan tangannya untuk menjelaskan), tetapi bukan everything *comes from one-person* [datang daripada seseorang] lah (menunjukkan satu jari), dia kena ada dia punya kaum dia, golongan dia, *team* [kumpulan] dia untuk menghasilkan satu produk yang baik. Jadi P.Ramlee *cannot work alone* [tidak boleh bekerja seorang] lah bagi saya, tetapi dia berbakat besar sebab dia tahu serba sedikit, ini dia tahu, itu dia tahu, ini dia tahu. *You* [awak] tau kan kalau dia buat skrip yang saya dengar lah, bukan dia buat *full* [penuh] skrip, dia *terror* [hebat] dia buat *full* [penuh] skrip, dia buat skrip dengan jalan cerita dan perwatakan, jadi ataupun bila dia panggil orang-orang yang sesuai dengan watak-watak yang dia fikir (meletakkan jarinya di dahи), M.Zain, Haji apa Labu, Labi, Haji Bakhil, '*Bujang Lapuk*', Aziz Satar, A.Samsuddin. Jadi diorang tambah-tambah skrip tu dengan idea diorang, diorang pun *talented* [berbakat]. *You see* [awak tengok] diorang pun *very talented* [sangat berbakat] dan idea dan bakat diorang tu, diorang keluarkan. Tapi okey kalau tanya sape saya kagumi bukan idola lah eh, bukan idola.

NSA: Ha ah kagumi lah dengan bakat mereka tu.

RK: P.Ramlee dan kalau orang putih bukan ___, bukan Al Pacino, sorang lagi (sambil cuba mengingat dan mengetuk kepala) saya lupa yang sebaris dengan Al Pacino, dengan Justin Hoffman, dengan apa nama dia aduh Robert De Niro sebab dia bakat besar ap --- watak-watak yang dia buat tu semua kita boleh percaya itulah dia, sebab dalam lakonan *you [awak]* kena *make your watak believable* [buat watak awak dipercayai]. *You [awak]* kena *be the character* [menjadi watak] sampai orang tengok *you [awak]* orang percaya *so [jadi]* Robert De Niro tu antara sorang yang saya kagumi lah, dan arwah P.Ramlee dan jugak sesiapa pun yang saya nampak *they are serious in* [mereka serius dalam] karier dan dia membuatkan hasil, saya kagumi lah. Wa - walaupun diorang muda pada saya, *Malaysian or non-Malaysian* [orang Malaysia atau bukan Malaysia], muda atau tua, tapi saya tengok kata dalam bidang lakonan men - menjadi lakonan tu nampak *believable* [dipercayai], nampak *honest* [jujur], nampak jujur, saya kagumi sebab diorang buat *homework* [kerja rumah] dan diorang dah dan atau diorang ada bakat tersendiri.

NSA & WNAZWA: Hmm.

RK: Jadi nak kata *idolise* [mengidolakan] saya tak -- banyaklah *idolise* [mengidolakan] idola kan diorang lah.

NSA: Cuma kagumi jelah dengan bakat-bakat diorang ni.

RK: Betul, *you have to work hard* [awak kena bekerja keras] -- *to achieve something credible* [untuk mencapai sesuatu yang boleh dipercayai], *something great* [sesuatu yang hebat].

NSA: Okey, pada pendapat encik, adakah mereka yang encik kagumi ni menjadi sumber inspirasi kepada encik untuk menceburkan diri dalam mana-mana bidang industri yang telah encik ceburi lah?

RK: Haa betul, Insha Allah bila saya tengok *especially [terutamanya]* anak muda sesetengah orang suka cakap, pelakon muda kita tidak berdisiplin, harapkan muka, tak berbakat, bagi saya *you [awak]* tengok individu tu. Betul tak betul? Setiap individu tu macam tu, kalau yang betul yang -- kurang ajar, yang tak disiplin, yang datang lambat, yang tak buat *homework* [kerja rumah], wajah tu satu hal lah, tapi kalau perangai diorang macam tu, betul lah kalau -- kita kata apa artis muda ni harapkan muka saja, tetapi bukan semua macam tu, banyak yang saya jumpa artis-artis muda ni dan saya kagumi dan saya boleh belajar sesuatu dari mereka ialah yang datang *ontime* [tepat pada masa], yang tahu buat *homework* [kerja rumah] pasal diorang punya karakter, watak-watak diorang awal-awal, dia berdebat dengan kita pasal karakter tu padahal diorang baru berlakon. Maknanya

diorang gunakan otak jugak, gunakan otak (meletakkan jari di dahi) dan diorang kalau *you* [awak] cakap sikit, diorang boleh faham, diorang tak blur -- dan diorang *two steps ahead* [dua [2] langkah ke hadapan] (menggerakkan tangan sambil menjelaskan). Tu semua disiplin dan -- sikap, sikap tu sebenarnya. Wajah diorang ada yang wow hensem, cantik, mana diorang mari ni, kan tiba-tiba mana ada kat Malaysia ada muka-muka macam ni ke kan? (sambil pura-pura terkejut) *Especially [terutamanya]* dalam sepuluh [10] tahun ni lah. Saya tengok wah dan mereka se - se orang kata dia bawak sekali dia punya bakat, dia punya disiplin, dia punya konfiden, banyak yang kita jumpa macam tu. Jadi jangan kata kalau _ _ muda ni semua harapkan muka, dan yang muda tu pun bukan semuanya hensem, semuanya cantik, _ _ orang, orang yang tak berdisiplin, yang nak harapkan glamor saja, glamor tak salah tapi glamor patut letak nombor tiga [3], nombor satu [1] *you* [awak] patut ambik benda ni sebagai kerjaya *you* [awak], serius bisnes. Jadi bila *you* [awak] serius sebab bisnes orang pun akan tengok *you and* [awak dan] orang akan *respect you* [hormat awak], orang luar, kerajaan *and whatever then you* [dan apa sahaja kemudian awak] boleh karier naik then _ ni sama naik, dan *you* [awak] boleh katakan memiliki kerjaya yang profesional. Bukan sahaja akauntan, *lawyer* [peguam] yang profesional tetapi artis pun boleh dijadikan kerjaya profesional, dengan ilmu *you* [awak], dengan *seriousness you* [kesungguhan awak], dengan *hardwork you* [kerja keras awak], Insha Allah benda ni boleh jadikan sebuah satu karier. Kalau tidak, kita pun buat enteng, orang pun pandang rendah jadi kerajaan pun takde *allocation* [peruntukan], takde bajet, takde peruntukan untuk artis, atau pun kerjayanya, kerjaya artis. Jadi *you* [awak] tak -- di sokong mana-mana pihak lah. Orang tengok *you* [awak] sekejap je, eh pelakon --, eh hensem -- eh, ohh Radhi Khalid, Radhi Khalid takat tu jelah. Kan? Jadi tak boleh bertahan lama lah kan, nak bertahan lama *you* [awak] kena *clean* [bersih] dan *you* [awak] kena *in big -- society* [dalam masyarakat yang besar] (sambil melakukan pergerakan tangan). *That means you* [ini bermaksud awak] punya kata lah *I* [saya] dengan Erra Fazira, dengan Awie kata lah. *For example* [sebagai contoh] lah, kita maksudnya kita satu kelompok artis yang -- saling bantu-membantu (sambil menggerakkan tangan membuat satu bentuk bulatan), jadi *we become stronger* [kita akan menjadi kuat]. Jadi kalau kita bergaduh sama sendiri, kita nampak tak jadi kuat (menggenggam tangan), tak jadi lima kita jadi satu (menunjukkan satu jari), satu boleh -- hilang macam tu. Kalau lima boleh jadi genggam (menggenggam tangan), kalau lima jari, kita boleh buat satu genggaman. Bukan nak tumbuk orang, tapi jadi *strong* [kuat] lah. Kalau satu ni orang -- tolak *you* [awak] --- dia bengkak, jari *I* [saya] ni dia bengkak pasal *I* [saya] berlakon lah, tapi maksudnya kalau satu ni satu *is* [adalah] satu jelah. Lima boleh jadi *something else*

[sesuatu yang lain], boleh jadi *stronger* [lebih kuat], maksudnya lah dia punya *metaphor* [metafora] (sambil menggaru dagu) dia kan macam tu. Jadi kita patut bersatu -- ___, beri sokongan dan perhatian dan *respect* [hormat] daripada orang lain. kalau kita *respect* [hormat] ____, ala artis buat kerja bodoh apa-apa ___, *you* [awak] faham eh?

WNAZWA: Okey, key.

RK: Kalau tak faham tanya, saya rasa saya cakap panjang sangat.

WNAZWA: *So diorang tadi mereka yang Encik Radhi sebutkan tadi menjadi sumber inspirasi jugak lah kan kepada Encik Radhi sendiri kan?*

RK: Boleh ya, saya tengok macam budak-budak muda ni diorang boleh dijadikan inspirasi jugak sebab diorang tu *hardworking* [rajin], -- diorang ___, dan watak tu jadi saya *respect* [hormat] diorang dan saya eh kalau diorang boleh buat ___ aku boleh amik -- mudah, eh aku tak boleh tengok diorang ni muda-muda pun dah serius. Kadang-kadang kita terlupa ke apa kan, ni kita amik balik benda-benda tu. Diorang akan kaji satu skrip tu, satu watak tu sampai ke dalam lubang cacing. Saya pun tak pernah buat macam tu, yang muda ni kan, yang dulu saya rasa walaupun diorang serius tapi kadang-kadang la, lain ni mungkin jawapan kepada soalan *you* [awak] tadi jugak lah. Jawapan penambahan ialah yang dulu mungkin diorang di bukan semua lah tetapi pelakon-pelakon ___ tu ada yang ditempatkan di kuaters, kuaters pelakon (sambil menggerakkan tangan). Jadi mereka dilindungi dan mereka ya mereka *take it* [ambil ia] 100% *as their* [sebagai mereka punya] karier, baca skrip malam tak -- payah pergi ambik dua tiga watak, tak payah nak ingat nak -- keluar dengan *girlfriend boyfriend* [kawan perempuan kawan lelaki], dia ingat kerjaya dia sebab dia kat situ dan dia *full time* [sepenuh masa] residen artis kan. Jadi dia ___ lah, adalah masa rehat semua tapi maksudnya dia diberi kereta, diberi pengangkutan, diberi *food allowance* [elaun makan] saya rasa, diberi rumah, diberi gaji bulanan. Jadi diorang *full time* [sepenuh masa] artis, sekarang *you* [awak], kadang-kadang *you* [awak] tak nampak benda tu semua *you* [awak] (sambil cuba mengingat) artis sekarang ni lah *you* [awak] -- mungkin *you* [awak] hilang fokus sebab banyak benda datang kat keliling *you* [awak]. Dan kadang-kadang *you study* [awak belajar], tengah study kat kolej lepastu *you* [awak] nak jadi *part time* [separuh masa] artis *so you* [jadi awak] tak nampak jadi 100% serius *full time* [sepenuh masa]. Kan? Dulu kalau *full time* [sepenuh masa], *full time* [sepenuh masa]. Pelakon dulu tu saya rasa lah bukan semuanya nampak dia punya *skill* [kemahiran] dan -- bakat tu, terserah kadang-kadang tengok adalah yang dua tiga yang sekarang ni kalau kita *compare* [bandingkan] lah, bukan semua eh, bukan semua jangan salah faham.

Tapi maksud saya bukan semua artis dulu tu *top -- notch* [kedudukan tertinggi], *that mean perfect* [itu bermakna sempurna]. Saya nampak *sorry to say* [maaf cakap] lah macam kelemahan diorang. Mungkin jugak *style* [gaya] lakonan macam tu dulu ataupun tak serius mungkin *they are not the top* [mereka bukan yang teratas] artis *so they are not* [jadi mereka tidak] 100% serius. Dia kena -- buat benda lain jadi tak nampak 100% ke-kebijaksanaan dia, ke bakat dia, __ kita tak ditempatkan di satu tempat yang mewajibkan *you* jadi 100% artis. *You* [awak] ada benda lain nak buat, *you* [awak] tak boleh fokus sangat, tetapi *especially* [terutamanya] budak-budak baru ni saya nampak diorang punya serius tu __ lah kalau enam [6] bulan ke setahun ke tapi nampak diorang bukan semua lah tapi setengah tu mengarut, sesetengah tu tak fokus tak hormat kita, macam-macam lah, tak hormat seni itu sendiri dan tak hormat diri sendiri lah. Ada tetapi banyak jugak yang saya tengok *they take it like a full time* [mereka mengambil sebagai sepenuh masa] karier (ambil mengusap rambut), dan diorang bijak, awal-awal lagi diorang dah ambik *insurance* [insuran]. Diorang dah ambik rumah, diorang dah beli rumah, *then they save money* [kemudian mereka simpan duit], zaman dulu tak teringat benda-benda tu. Dan zaman saya, zaman lapan puluhan [80], sembilan puluhan [90] pun ramai yang merana, merempat sekarang ni. Kalau zaman dulu pun macamtu, bukan semua eh? __ zaman sa - saya kata -- tiga [3], tiga [3] era lah eh, zaman P.Ramlee lima puluhan [50] dan zaman sekarang, saya tengok budak-budak zaman sekarang lagi bijak untuk mengatur masa depan mereka. Itu saya *respect* [hormati] mereka, dan jugak dalam bidang *it is a* [ia adalah] serius, bukan nak salah kan sesiapa, bukan nak kutuk sesiapa. Tapi ada realiti dalam sesuatu tu jangan kata budak sekarang walaupun saya bukan muda, saya tak *defend* [mempertahankan] orang muda saje-saje, saya pun bukan __ tahun, tapi saya *respect* [hormat] orang yang *respect* [hormat] diri dan orang yang *respect the art* [hormat seni itu]. Dulu pun *yes* [ya], ada banyak, tapi sayang masa tu mungkin diorang tak dilindungi, *talking about their perfection* [bercakap tentang kesempurnaan mereka], yang tadi pasal bakat, pasal diri itu satu, itu terpulang pada masing-masing, tapi nombor dua [2] ialah dulu (ambil membetulkan rambut) takde SOCSO, takde EPF, takde -, dan diri sendiri pun kurang sivik. Jadi bila dah tua, bila dah veteran ada ramai jugak yang merempat. Kesian, __ tapi kita __ masa depan kita macam - sebab kita orang bukan __ dapat *loan* [pinjaman] bank, EPF takde, SOCSO takde, kecuali *you* [awak] ambik. Jadi saya sarankan kepada artis-artis sekarang ni, ambik lah *insurance* [insuran]. Jangan -- kedekut nak bayar *insurance* [insuran], murah je, cuba lah beli rumah tu daripada buang duit sewa -- kan? Jadi kena ingat masa depan lebih-lebih lagi kita orang ni kadang-kadang dapat __.

NSA & WNAZWA: Faham.

RK: 10 ribu sebulan, kadang dapat 1 ribu sebulan, tak tetap. Kena beringat.

NSA: Pernahkah encik berjumpa dengan mereka yang encik sebutkan tadi dan jika ya, ada tak sebarang tips yang dikongsikan?

RK: Shah Rukh Khan saya pernah berjumpa dengan dia masa dia dapat Dato _ di Melaka, kita patut bersama meraikan dia tapi kita tak sempat. Dia telah pergi ke sana kita ikut, kita sampai lambat dia pergi ke bot, kita sampai dia dah pergi. Lepastu tak jumpa, tapi kita jumpa di istana je, tak silap nampak dia dari jauh, tak sempat nak borak. Shah Rukh Khan, kecil molek orangnya, bukan tinggi lampai, tak sempat nak ambik tips pun. Shah Rukh Khan dan Jackie Chan pernah saya beraksi depan dia, saya buat *performance* [pertunjukan], saya beraksi depan dia tapi tak sempat nak borak satu lagi (sambil cuba mengingat) Shah Rukh Khan, Jackie Chan, arwah Tan Sri P.Ramlee. Masa saya umur _ tahun, dia datang depan - - depan rumah kita, kuarters di Francis Light School, dia nak - - jumpa jiran kita, saya nampak dia dan saya mintak autograf, dia dengan arwah Saloma, itu saje lah tak sempat nak bercakap tapi sebenarnya dia pernah, dia kawan baik pada arwah Ahmad Daud, pak _ saya, Pak Mad saya, *uncle* [pakcik] saya, pakcik saya. Dia sama-sama pergi *Singapore* lah, Singapura untuk mengembangkan kerjaya seni lah. Jadi, Ahmad Daud tu kira baik dengan P.Ramlee dan P.Ramlee masa di ---, bapak Mad Daud, tok saya mengajar di PFS, Penang Free School, bila dia nak - - sirih atau rokok dia, rokok cerut dia ke apa, di kuarters sebab diorang duduk kuarters, dia *head* [ketua] bukan *head master* [pengetua] dia cikgu dia Penang Free School, dia mengajar Bahasa Inggeris dan Matematik tak silap saya. Jadi P.Ramlee akan angkat tangan, dia - - akan *volunteer* [sukarela] nak pergi ambik barang yang tinggal di rumah tu, rumah cikgu dia tu. Rumah atuk saya, sebab apa? Sebab dia nak pergi usha anak cikgu ni iaitu mak saya ke, *aunty* [makcik] saya ke, masa tu semua umur berbelasan tahun (tersenyum). Faham tak? Dia lari di kuarters lah dekat situ je, lima [5] minit dia sampai, dia lah, diorang kata dia akan angkat tangan pergi. Jadi sekali saje saya pernah berlakon dengan pelakon. Pelakon Jepun, pelakon Pakistan, pelakon India, pelakon Filipin, pelakon Indonesia, Christine Hakim dan Rano Karno, bukan Rano Karno, dengan de --- sorang lagi yang veteran sikit. Pernah lah kira pernah berjumpa dan pernah berborak dan sambil-sambil dapat tips semua lah, dari -- artis-artis yang berkualiti ini. Tapi spesifik saya nak sebut macam P.Ramlee jumpa tapi tak pernah dapat tips apa lah, masa tu saya budak lagi pun. Itu dia, yes [ya]. Alex Komang pernah bagi kita lakonan apa, *based* [berasaskan] teater *workshop* [bengkel] lakonan di FINAS. Alex Komang, dia dah meninggal, dia sama berlakon citer '*Puteri Gunung*

Ledang', Chritine Hakim sama berlakon tapi kita tak -- bertembung dalam satu *scene* [adegan] lah. Alex Komang ada, dengan saya lah. Shawn Connery, James Bond, tau?

NSA & WNAZWA: Tak tahu.

RK: Nama dia Shawn Connery lah. Yang tua tu, bukan yang muda, bukan yang *last* [terakhir]. Dia yang *the second* [yang kedua] James Bond kot, *so* [jadi] dia berlakon citer '*Entrapment*' di KL [Kuala Lumpur, Malaysia], nampak pernah ber [SIC, pernah] bersua dengan dia lah, tapi tak pernah berborak.

WNAZWA: Ohh pernah berjumpa jelah.

RK: Yes [ya].

WNAZWA: Soalan seterusnya kita pergi kepada soalan yang spesifik iaitu yang pertama sekali pilihan kerjaya. Bolehkah Encik Radhi kongsikan dengan kami tentang bidang kerjaya yang encik ceburi iaitu bila encik mula melibatkan diri dalam bidang lakonan dan bagaimana Encik Radhi boleh menceburi dalam bidang lakonan ni?

RK: Saya mula masa umur saya lapan [8] [SIC, sembilan] belas [19] kot. Tahun lapan puluh [80] tahun lapan puluh enam [86], saya pergi study ITM tahun lapan puluh dua [82] hingga lapan puluh empat [84], eh lapan puluh dua [82] saya habis *exam so* [peperiksaan jadi] lapan puluh satu [81] amik SPM, lapan puluh dua [82] amik SPM sekali lagi, lapan puluh tiga [83] kot saya masuk ITM sampai lapan puluh empat [84] tengah tahun, jadi hujung lapan puluh empat [84] ke awal lapan puluh lima [85] saya datang KL [Kuala Lumpur, Malaysia]. *So* [jadi] boleh kata lapan puluh lima [85] lah, tapi masa tu saya sebagai *waiter* [pelayan] dulu, empat [4] tahun *waiter* [pelayan] *bar tender*, saya sikit-sikit melibatkan kerjaya saya dalam bidang seni. Saya berlakon sikit-sikit, tak dapat peluang pun, susah dulu, dan saya sepenuh masa dengan sebagai pelayan, *waiter* [pelayan]. Jadi *you* [awak] tak boleh senang-senang tinggalkan kerja, bila saya tinggal kerja dapat -- *shooting* [penggambaran] di Johor, saya terpaksa *resign* [berhenti]. Balik, takde lagi *shooting* [penggambaran]. Jadi nak buat macam mana? Nasib baik yang saya *resign* [berhenti] tempat tu dia panggil saya balik bekerja. *So* [jadi] empat [4] tahun saya buat *part time* [separuh masa] saje walaupun saya ya -- nak jadi pelakon, tapi susah, salah tanggapan saya. Jadi saya jadi pengacara, saya menyanyi, saya menari, saya berlakon dan *modelling* [pemodelan] sekali masa tu.

NSA & WNAZWA: Hmm.

RK: Masa muda-muda dahulu lah, pastu dah *ninety-one* saya berhenti semua, saya masuk dalam satu filem punya apa, *production house* [syarikat produksi]. Tapi bukan sebagai pelakon sangatlah, saya bekerja lah sebagai pengurus produksi, sebagai penolong pengarah, sebagai *casting agent* [ejen pelakon]. Dalam empat [4] tahun ada peluang berlakon diorang suruh saya berlakon tapi saya tak boleh *free* [ada masa], sebab saya masih terikat jugak dengan *company* [syarikat]. So [jadi] selepas tu tahun sembilan puluh lima [95], baru saya *full time free time* [sepenuh masa ada masa], *free* [ada masa] jadi pelakon sepenuh masa. Kalau ada kalau ada *emcee* [pengacara], kalau ada nyanyi, kalau ada *voice over* [suara latar], saya buat tetapi saya *full time actor* [pelakon sepenuh masa] lah *mostly* [kebanyakannya] menari tu pun dah kuranglah.

WNAZWA: Okey key. Tapi Encik Radhi mula melibatkan diri tu pada tahun 1985 lah kan?

Dalam bidang lakonan.

RK: Boleh, yes [ya]. Betul.

WNAZWA: Bagaimana encik boleh melibatkan diri dalam bidang lakonan tu?

RK: Ohh okey --, saya daripada mungkin daripada masa mula kecil, orang tanya nak jadi apa bila besar, saya kata nak jadi cikgu lah sebab bapak saya cikgu (menggaru kepala), tok saya cikgu, lepastu nak ikut cikgu lepastu saya tengok abang saya ramai yang *lawyer* [peguam], kakak saya *lawyer* [peguam], nak besar jadi apa nak jadi *lawyer* [peguam]. Tetapi saya *respect* [hormat] bidang cikgu sebab antara dua bidang yang macam *lawyer* [peguam] tu sebut saje, cikgu tu memang saya ada minat sikit sebab saya *respect* [hormat] bidang -- perguruan dan bidang kedoktoran. Sebab dua-dua ni melibatkan membantu orang-orang yang susah, bukan saje setakat kerja, kerjaya dia je nak dapat gaji nak dapat duit nak *make money* [buat duit] saje, jadi dia melibatkan kadang-kadang saya tengok kakak saya abang saya kan, dah lepas *office hour* [waktu bekerja] pun orang panggil tanya pasal *medical advice* [nasihat perubatan] ke apa diorang bagi. Itu arwah bapak saya pun dia dah habis mengajar dia takde mengajar dia boleh, umur lapan puluh [80] lebih dia boleh berjalan kaki naik bas turun bas dengan panas terik, kereta dia rosak, dia nak pergi mengajar sorang budak di Jelutong [Pulau Pinang, Malaysia] ke mana ke sampai dia sakit masuk hospital. Jadi dedikasi doktor dan guru ni saya *respect* [hormat] habis lah (menunjukkan isyarat tabik). *Lawyer* [peguam] tu kira terpulanglah kadang *lawyer* [peguam] yang nak menekankan hak orang-orang yang benar, kadang-kadang *lawyer* [peguam] kena membenarkan hak orang yang salah.

NSA & WNAZWA: Betul, sebab tu kerja dia.

RK: Ada jugak kan? Tapi saya macam alamak macam mana aku pun nak jadi *lawyer* [peguam] dan *lawyer* [peguam] pun dia bukan senang nak buat nak jadi pun. Saya study pun tak habis, nak jadi *lawyer* [peguam], *lawyer* [peguam] berat (tepuk dahi). Yang berat dia punya *conscious* dan berat nak *study* [belajar] tu pun *you* [awak] kena *study* [belajar] kes apa semua lah. So [jadi] saya tak jadi cikgu, saya tak jadi *lawyer* [peguam], saya tak jadi doktor, last-last saya jadi pelakon. Tetapi dalam lakonan saya boleh melakonkan watak *lawyer* [peguam], watak doktor, watak guru dan lain-lain (tersenyum dan mengusap kepala). Watak orang baik, watak orang jahat, semua kita bantai lah, kena menjiwai lah.

WNAZWA: Jadi Encik Radhi mula melibatkan dalam bidang lakonan ni sebab minat lah ya?

RK: Okey. Minat tu ada tetapi satu lagi *reason* [sebab] mungkin saya nak *escape* [melerikan diri], *escapism* [melerikan diri]. Tapi lepastu saya serius dengan bisnes ni dan saya sayang bisnes ni dan saya buat sepenuh hati, Insha Allah. Tetapi masa tu dua, minat --, satu lagi *escapism* [melerikan diri] daripada nak kena *study* [belajar], daripada hidup di Penang [Pulau Pinang, Malaysia], hidup remaja ni kadang-kadang nak memberontak kan, jadi ada sedikit sifat-sifat tu jugaklah. Jadi dua *reason* [sebab] lah. (menunjukkan dua jari)

WNAZWA: Okey yang seterusnya, siapakah yang telah mendorong Encik Radhi untuk terlibat dalam bidang lakonan?

RK: Takde sape. (tersenyum)

WNAZWA: Takde sape.

RK: *Family* [keluarga] saya menentang, *family* [keluarga] saya tak bagi. Diorang dapat tahu saya nak jadi pelakon, diorang tentang habis-habis. Setelah empat lima tahun, diorang tengok keseriusan saya dalam bidang ni, baru diorang bagi galakan, se - selepas lima enam tahun. Diorang kata, tapi diorang masih nak saya dapat segulung ijazah. "Okey, hang minat, hang betui-betui minat nak jadi pelakon, nak jadi penyanyi *performer* [penghibur], hang pi *study* [belajar] kat Amerika ke mana kami bayaq, ataupun *study* [belajar] kat sini sampai dapat diploma *degree* [ijazah]" diorang fikir macam tu. *Its all about the paper* [Itu semua tentang kertas]. *Which its important* [dimana ianya penting], saya tahu, *education is important* [pelajaran itu penting], tapi kadang-kadang *not everybody goes that way* [tidak semua orang pergi seperti itu] lah. Kan? *How you treat your* [bagaimana awak melayan awak punya] karier, *your* [awak punya] profesion. *So after while when they saw that* [jadi setelah mereka melihat bahawa] saya tidak melibatkan diri dengan dadah, saya masih utuh dalam bidang ni, dan saya *improve myself*

and all that [memperbaiki diri saya dan semua itu], diorang *respect* [hormat] saya lah sikit dalam bidang ni. Tetapi saya boleh kata *respect* [hormat] pun masih diorang tak *respect* [hormat] saya kalau saya jadi doktor. Tak se*respect* [sehormat] saya seperti [SIC, jika] saya menjadi seorang doktor atau *lawyer* [peguam]. Faham tak?

NSA: Faham --.

RK: Diorang tengok okey budak ni serius dalam bidang ni, dia tak main-main, dia tak melibatkan diri dalam kancah-kancah apa, tapi diorang saya rasa lah *between you and me* [antara awak dan saya] lah jangan bagitau diorang, diorang tak *respect* [hormat] saya sebagai seorang artis, walaupun saya dapat *award* [anugerah], saya serius dalam bidang ni, kurang. Bapak saya pun arwah bapak saya sekali tu bila dia datang tengok saya di lokasi (menggaru kepala), sebab sebelum tu dia tak tahu, sebab dia cikgu, dia pun cikgu guru besar jugak, jadi *family* [keluarga] saya banyak yang dalam bidang *education* [pendidikan] lah.

NSA: Haa faham.

RK: *Lawyer* [peguam], doktor, cikgu, takde yang seni-seni lah. Tapi bila diorang tengok saya diorang --- bapak saya, bila tengok saya *shooting* [penggambaran] dengan panas terik, dengan berapa kali *take* [mengambil] dengan apa, baru dia nampak perit, tapi peritnya tu daripada fizikal bukannya daripada sini (memegang kepala). Itu dia tak nampak kot. Tapi takpelah, *at least* [sekurang-kurangnya] dia bukak mata sikit (sambil melakukan pergerakan jari) dia nampak oh “Hangpa kerja pun susah naa”, lepastu saya nak bagi kat dia lima puluh [50] ringgit satu [1] ringgit duit poket saje lah kan sebelum balik lama tak jumpa di Penang [Pulau Pinang, Malaysia], dia tak mau. Dia kata, *this is hardwork* [ini kerja keras], *hard earn money* [susah mencari duit], sebelum tu dia nampak macam hobi lah kot saya rasa. *So* [jadi] dia *respect* sikit kat situ lah.

WNAZWA: Dengan ini berakhirlah sesi temubual sejarah lisan sesi pertama mengenai artis veteran bersama dengan Encik Radhi Khalid. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama beliau untuk diwawancara. Sekian, terima kasih.

SESI KEDUA

NSA: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan sesi kedua latar belakang dan pengalaman hidup seorang artis veteran. Bersama-sama kami ialah Encik Radhi Khalid yang merupakan seorang artis veteran era 80-an. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 3 Disember 2021 bersamaan dengan hari Jumaat pada pukul 8.30 malam dengan menggunakan platform Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh saya, Nurul Syahirah binti Azman dan juga rakan saya, Wan Nur Azlin Zulaikha binti Wan Azli. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

NSA: Okey baiklah, untuk soalan spesifik yang seterusnya ialah ---

RK: boleh kita baca doa sikit (menadah tangan). (bacaan doa) [Surah Ta-ha, Ayat 25-28] Ya Allah Ya Tuhan, lapangkanlah hati kami. Mudahkanlah urusan kami, lancarkanlah lisan kami agar mereka mengerti perkataan kami. [Surah Al-Fatihah, Ayat 1-7] (mulut berkumat-kamit membaca doa) Aamin.

NSA: Okey kita teruskan, soalan seterusnya tentang ujibakat. Sebelum memasuki industri lakonan, ada tak ujibakat yang encik hadiri?

RK: Ada saya ingat lagi masa first time saya datang Kolumpo tahun lap [SIC, 1986] kot, kami – merupakan satu kumpulan penari masa tu, lepastu filem negara nak kan pelakon lelaki dan pelakon perempuan untuk membintangi satu siri sitkom bertajuk ‘*Sofia*’. Berlatarkan tempat gunting rambut (ambil menunjukkan gaya menggunting rambut), dia sitkom buat dalam studio kat filem negara. Pelakon dia tak silap (cuba mengingat dan meletakkan tangan di dahi) Andy Lala, wanita dia adalah dua tiga orang, kita ni kira ekstra, tak pernah berlakon lagi, pergi *audition* [ujibakat], dekat sepuluh [10] orang kita pergi dapat. Saya sorang kot dapat watak ber – berdialog lepastu sorang lagi perempuan dapat watak berdialog. Yang lain jadi ekstra biasa lah tanpa dialog. Saya duk *scene* [adegan] lah, satu *scene* [adegan] tanpa dialog, satu *scene* [adegan] ada dialog. Banyak juga dia bayar masa tu dekat 3 ratus kot untuk dua-dua sebab masa tu latihan pun (ambil memejamkan mata) takde latihan sangat pun datang dia bayar jugak RTM macam tulah. Untuk RTM, tapi di – penggambarannya di filem negara, studio. Buat *scene* [adegan] tu lepastu *scene* [adegan] saya dialog *first* [pertama] (menunjukkan satu jari) saya ingat lagi dialog *first* [pertama] saya dalam bidang lakonan ni lah, tahun 1986 tak silap 86,87, dialog saya arwah Mahmud June, masa tu dia – berlakon lagi, dia dah berumur lah kan. Dia berlakon jadi *guest* [tetamu], jadi tetamu undangan dalam cerita tu, dia nak pergi potong rambut. Jadi watak saya ni kira muda masa tu, baru dua puluh [20] lebih tahun, rambut pun tebal lagi (ambil menunjukkan bahagian rambut) tak macam ni

macam sekarang, saya perli dia, watak saya perli dia “aik dah tua-tua pun nak potong rambut, nak color rambut” macam tu lah dialog saya. Satu [1] dialog (menunjukkan satu jari) dapat lah dua tiga ratus RTM punya *rate* [kadar] masa tu. Itu *first time audition casting* [ujibakat kali pertama berlakon], Alhamdulillah. Lepastu ada siri pergi *casting* [berlakon] ---.

NSA: Siapakah yang telah menjadi juri sewaktu ujibakat itu?

RK: Dia takde juri, dia macam bukan ujibakat *live* [siaran langsung] macamtu, dia kita pergi buat – *recorded* [merakam] bukan *recorded* [merakam], ada orang kat situ. Saya tak ingat masatu tak ingat sebab *under* [bawah] RTM, dia panel dia dua tiga orang. Kita pergi dekat sepuluh orang, sorang – baca dialog, cuba lepastu balik dua tiga hari lepas [SIC, kemudian] dia bagitau lah siapa yang dapatlah. Tapi, saya tak ingat siapa panel juri masatu dia bukan *live* [siaran langsung] macam sekarang ni kan. Bukan macam untuk siri apa ni maharaja lawak ke *audition* [ujibakat], untuk siri sinaran pasport ke macamtu. Tapi saya ada buat juga satu rancangan macam sinaran pasport masatu juara RTM. Saya ingatlah dua tiga juri, saya buat *live* [siaran langsung] sepuluh minit sorang-sorang berlakon, menyanyi dan sebagainya lah.

NSA: Apakah perasaan encik pada waktu itu? Sebab first time kan, ujibakat.

RK: Dua [2] perasaan (sambil menunjukkan dua jarinya) yang boleh saya ingat lah kalau boleh ingat lagi lah sebab dah dua puluh [20] tiga puluh [30] tahun sudah kan. Gementar sebab *first time* [pertama kali], tetapi ber- bukan berani lah macam teruja sebab dapat dapat peluang diujibakat di filem negara. Masa tu unggul lah filem negara kan. Jadi teruja juga walaupun takut. Lepastu gembira, dia umumkan katakan saya dapat watak walaupun watak kecil. Dalam ramai-ramai tu saya sorang kut lelaki yang dapat watak berdialog yang pendek tu Alhamdulillah *happy* [gembira] lah sangat.

NSA: Bagaimanakah suasana di ujibakat tersebut? Contoh macam kat sana ramai ke macam mana?

RK: Ramai yang pergi, kita pergi satu kumpulan dekat sepuluh [10] ke lima belas [15] orang. Kita semua penari, penari tradisional, penari penari 60-an. Kita join satu [1] group tarian dan modeling masa tu. Jadi bila kita pergi ramai-ramai kita pergi nak pergi tu dalam takut tu tapi *happy* [gembira] lah sebab kita pergi dalam berkumpulan sekumpulan. Tu lah dia.

NSA: Banyak tak persaingan pada waktu tu Encik Radhi rasa?

RK: Persaingan dengan kawan-kawan saya lah, ada dekat tak silap aaa lah lapan [8] lelaki yang pergi ikut ada tiga [3] empat [4] perempuan masa tu kita semua umur dalam (memejamkan matanya) dua puluh [20], dua puluh satu [21], dua puluh tiga [23], dua puluh empat [24] macam tu lah. Kira remaja-remaja lah lebih kurang macam tu. Saingan saya kawan-kawan saya lah.

WNAZWA: Okey Encik Radhi. Seterusnya kita pergi kepada soalan spesifik berkenaan dengan pengalaman awal. Bolehkah Encik Radhi ceritakan pengalaman awal sewaktu Encik Radhi mula menceburkan diri dalam industri lakonan iaitu apakah tajuk drama pertama yang mula Encik Radhi berlakon?

RK: *Sitcom* tu ialah Sofia kut itu *Sitcom, Situational Comedy Sitcom* ya. Drama pertama ialah ‘Ranting-Ranting’ ehh boleh ingat lagi ‘Ranting-Ranting Rapuh’ tiga [3] episod, saya jadi budak jahat. Itu *under* [bawah] Rosnah, arwah Rosnah Mohd Noor kut punya *company* [syarikat] di Johor. Saya berhenti kerja *waiter* [pelayan] sebab dapat watak tu seminggu untuk *shooting* [penggambaran]. Jadi pergi, bila balik tu dah takda kerja dah, *shooting* [penggambaran] pun takda kerja pun takda.

WNAZWA: Hmm... (mengiyakan).

RK: Ranting-Ranting Rapuh.

WNAZWA: Drama yang Encik Radhi sebutkan tu ‘Ranting Rapuh’ tu dia berkisahkan tentang apa ye?

RK: Tentang seorang budak ni, dia dulu budak nakal lah, hisap dadah apa semua sama dengan saya. Dia hero lah, saya bukan hero saya jadi watak jahat. Lepastu kita nak tarik dia balik ke dunia, dunia menghisap dadah ni (tersengih). Sebab dia dah berubah, dia dah cuba nak jadi baik tapi kita yang masih tak baik ni, nak tarik dia balik ke dunia kita. Itu yang saya ingat lah. Adik saya, eh jap. ‘Ranting-Ranting Rapuh’ betul lah. Lepas tu (memejamkan matanya) ada lain pula, ‘Tongkat Ali’ itu lain lah. Faizal Hussien jadi baik, saya jadi jahat juga, adik saya Nor Abaniah cerita tu. ‘Tongkat Ali’, arwah M. Osman *direct* [mengarah], tu dekat Johor juga.

WNAZWA: Yang -- cerita ‘Ranting Rapuh’ tadi.

RK: '*Ranting-Ranting Rapuh*'.

WNAZWA: Siapa pelakon lain yang turut terlibat? Siapa pelakon lain yang terlibat masa tu?

RK: Saya tak ingat lah yang pelakon lelaki tu dia, dia tidak lah begitu popular. Tapi dia (menyentuh dahi) hero lah cerita tu. Tidak begitu popular. Wanita dia saya tak ingat. Sebab lebih kepada budak-budak jahat. Maaf saya tak ingat. Tapi '*Tongkat Ali*' kemudiannya lebih kurang *time* [masa] tu juga, yang saya ingat Faizal Hussein. Kenal?

WNAZ & NS: Haa kenal.

RK: Nor Abaniah, (tersenyum) Nor Abaniah jadi adik saya, muka hidung (menunjukkan hidungnya) sama. Dia bercinta dengan Faizal Hussien. Semua masa tu, kita semua dua puluh -- [20] lebih lah. Muda lah lagi. Diarahkan oleh arwah M. Osman. Itu saya ingat (mengangguk).

WNAZWA: Jadi Encik Radhi, berapa bayaran yang Encik Radhi terima sewaktu mula-mula sekali berlakon dalam drama '*Ranting-Ranting Rapuh*' tadi?

RK: '*Ranting Rapuh*' tu pun tak banyak kut ber- (tersenyum).

WNAZWA & NSA: Kalau masih ingat lah. Kalau budget anggaran pun boleh juga.

RK: Dia tig --- dia berapa episod, tiga [3] episod kut tak silap. Tapi kita *shooting* [penggambaran] dalam seminggu. Beberapa ribu- tak mu- murah lah juga saya dapat masa tu budak baru kan. Beberapa ribu saja je macam tu lah. Tapi yang untuk RTM tu saya ingat 150 campur lima puluh [50] campur seratus [100] lebih kurang macam tu, latihan dia bagi lapan puluh [80] ke seratus [100] untuk watak tu dia bagi 120 ke macam tu. Untuk watak kecil satu [1] lagi tak ada dialog dia bagi lima puluh [50]. So all in [jadi kesemuanya] saya dapat satu [1] cek tu dekat 300 lebih lah. RTM yang '*Sofia*'. Yang '*Ranting Rapuh*' saya tak berapa ingat.

WNAZWA: Oh okey --. Jadi Encik Radhi, apakah penerimaan masyarakat terhadap lakonan pertama Encik Radhi?

RK: Saya tak tahu (menggeleng kepala) sebab bila dia keluar kadang lambat keluar. Dia bukan *live* [siaran langsung] dan dia bukan macam sekarang di sosial media kita *promote*, lepastu orang akan tahu, orang akan bagi tin --- apa, imbal balas, *feedback* [maklum balas]. Masa *time* [masa] tu, kita *shooting* [penggambaran] habis, habis lah. Kita tak tengok drama kita sendiri, bila nak tayang pun kita tak tahu. Jadi saya tak tahu penerimaan. Cerita lain saya tahu lah kalau macam ‘*Sepana Jaya*’, diterima dengan begitu gah sekali kan. Cara lain lah untuk ‘*Sepana Jaya*’ orang masih ingat saya ni ingat Mat Bangladesh lah macam dulu. Yang mula-mula tu saya saya tak tahu lah. (tersenyum).

WNAZWA: Okey baik Encik Radhi.

NSA: Okey untuk soalan seterusnya, mengenai drama juga tapi ini boleh tak Encik Radhi ceritakan tentang drama-drama lain yang pernah encik berlakon? Tajuk drama-drama lain dan watak yang dipegang dalam drama-drama tersebut.

RK: Bila? Dulu ke lepastu juga? *Anytime* [bila-bila masa] ke apa?

WNAZWA: Any time [bila-bila masa] pun boleh.

RK: Sepanjang karier saya ke macam mana?

NSA: Selama karier encik lah.

WNAZWA: Yang Encik Radhi masih ingat lah.

RK: Drama-drama TV saje ke filem sekali?

NSA: Drama TV sahaja.

RK: Bukan filem bukan filem eh (sambil melambai tangan).

WNAZWA: Haa ye --.

NSA: Oh okey. Soalan seterusnya, berapakah bayaran yang diterima sewaktu berlakon dalam drama-drama tersebut yang Encik Radhi ingat lah (sambil menyentuh dagu).

WNAZWA: Kalau anggaran pun takpe.

RK: Saya ingat saya dapat masa tu beratus saje kut. Sebab saya juga pengurus produksi saya pengurus produksi sekali untuk tempat yang saya bekerja tu (menutup mulut dengan tapak tangan) *company* [syarikat] yang saya bekerja saya pengurus produksi jadi saya berlakon sekali dapat sikit lah tak banyak lah beberapa ratus je. Time tu kita memang dapat kurang. Kalau citer filem banyak sikit ceritanya. Kalau filem banyak sikit kisahnya sejarahnya.

NSA: Nanti ada *part* [bahagian] filem.

RK: Okey faham (mengangguk).

NSA: Okey – (tersenyum). Apakah okey kena ada tak antara drama-drama tadi tu yang paling encik suka *and* [dan] kenapa encik suka drama tu? (sambil menyentuh dagu).

RK: Kalau ‘*Sofia*’ tu saya suka sebab ada pelakon Sofia Jane ehh bukan Sofia. Psiko tu sebab ada Sofia Jane. Dia tengah popular masa tu. Tahu Sofia Jane? (tersenyum). Awak semua muda lagi tak kenal kut.

WNAZWA & NSA: Macam pernah dengar nama dia (tersenyum sambil memandang satu sama lain).

RK: Sofia Jane. Dia campur melayu campur *or* [atau] bri- mat salleh. Sekarang dah -- berumur sikit lah. Bukan lah berumur lebih pun empat puluh [40] lebih lima puluh [50] lebih lah. Tapi *time* [masa] tu dia lah *top* [teratas] antara yang *top* [teratas] lah. Muka dia cun dia kira tengah dok popular jadi kita semua teruja lah berlakon dengan dia.

WNAZWA & NSA: Oh. Sofia Jane (mengangguk).

RK: Haa... oh -- (tersenyum) cantik tak?

WNAZWA & NSA: Ha ah (ketawa).

RK: Eh dia dah kahwin, tinggal dekat mana sekarang ni.

NSA: Okey seterusnya, antara-antara drama yang pernah encik lakonkan ada tak drama-drama yang memberi kesan mendalam dalam diri encik? Dan kenapa drama tu memberikan kesan mendalam kepada diri encik? (ketawa).

RK: Saya selalu Alhamdulillah (tersenyum) saya dapat saya dapat wa-watak yang berlainan lah bukan di *type cast* [jenis pelakon] walaupun setengah orang ingat saya ni asyik dapat watak Mat Bangladesh saje tapi saya dapat watak psikotik (tersenyum) dapat watak yang ustaz-ustaz baik-baik, saya dapat watak budak jahat, saya dapat *gangster* [samseng] kepala *gangster* [samseng] semua. Jadi Alhamdulillah saya dapat pelbagai (melambaikan tangan) genre watak lah untuk drama dan filem. Kalau nak kata apa yang meninggalkan kesan sa-sa-saya -- (memejamkan mata sambil memikir) tahu banyak juga tetapi be --- sekarang nak terluah *title* [tajuk] tu dia (tersenyum sambil menggoyangkan tangan) tengah tak berapa nak ingat sangat. Kalau filem boleh? Ke filem lain cerita?

WNAZWA: Kalau filem nanti kita akan kita akan ada *part* [bahagian] dia sendiri (mengangguk).

RK: Okey kalau drama mungkin '*Sepana Jaya*' lah juga. Dia bukan drama lah dia *sitcom*. Sebab apa saya rasa lah saya telah berjaya membawa watak Mat Bangladesh ni dengan sampai orang percaya saya lah saya berasal dari Bangladesh ke sebab watak tu ditulis oleh arwah Mamat Khalid. Jadi Mamat Khalid dia pandai membuat karakter-karakter watak-watak ni. Dia -- kalau dia -- tulis untuk watak tu macam menjadi (menggoyangkan tangan) dia lebih kalau dalam *acting* [berlakon] cerita penting watak pun penting. Jadi Mamat Khalid dia pandai me-mempelbagaikan, mewarnakan sesuatu watak tu. Jadi bila tulis dia perhati bila kita nak buat apa pun kita kena *observe* -- *people* [memerhati orang]. Bila kita nak tulis pun *writer* [penulis] pun kita kena buat banyak *study* [belajar], *research* [penyelidikan] dan juga *observe* [memerhati]. *How people act, how why do people do that* [bagaimana orang bertindak, bagaimana mengapa orang melakukannya]. Dan bila Mamat Khalid tulis satu-satu watak tu selalunya watak tu dia dah ambil pada pengalaman dia daripada pemerhatian dia dan Abdullah ni salah seorang Mat Bangladesh yang baru datang dari Bangladesh dan bekerja di sini dan macam mana

dia *adapt* [menyesuaikan diri] dan dia perasan lah dia -- tapi kita *over* [lebih] kan sikit watak tu lah sebab dia si- si- *Situational Comedy*. Kita *up* [tinggi] kan sikit lah (menunjukkan tangan isyarat tinggi) dia pakai seluar warna *pink* [merah jambu], dia pakai stokin warna *pink* [merah jambu], dia pakai apa ni *belt* [tali pinggang] *colour* [warna] kuning bagi -- *colourful* [berwarna warni] sikit watak tu bagi *over* [lebih] sikit lah. *In reality* [dalam realiti], bukan semua Mat Bangladesh pakai macam tu tapi mungkin diorang pakai baju bunga-bunga kan (tersenyum). Jadi kita *up* [tinggi] kan sikit jadi komedi dan rasanya menjadi bila diorang tengok saya, saya ingat mesti diorang marah dekat saya sebab saya bawa wat- watak yang bukan jahat lah tapi *naughty* [nakal] sikit kan. Dia suka kacau perempuan apa semua tapi diorang -- *respect* [hormat] pula saya. Dan orang lain tengok watak tu asyik kalau watak Mat Bangladesh diorang panggil saya macam tak ada orang lain dah (tersenyum). Jadi walaupun setengah orang nampak enteng mungkin lah dia kata ala watak Mat Bangladesh tak- tu *is another good character return by a- a- good script writer, a good concept* [adalah satu lagi pemulangan watak yang bagus oleh penulis skrip yang bagus, konsep yang bagus] yang buat konsep tu dan saya kena buat *observation* [pemerhatian] dan *homework* [kerja rumah] saya sendiri lah (mengangguk). Saya dengar macam mana diorang cakap, saya tengok gerak gaya diorang macam mana. Dan saya cuba bukan ajuk ta- tapi saya cuba ikut dan (memejamkan mata) berpandukan skrip. Skrip dah ada, *basic* [asas] dah bagus kita tambah-tambah sikit. Dan kira watak tu menjadi sampai sekarang lah. Walaupun saya berlakon (memejamkan mata) banyak watak yang berbeza kan, watak tu meninggalkan kesan juga lah kepada penonton kepada saya (mengangguk). ‘*Spanar Jaya*’ sebagai Abdullah.

WNAZWA: Okey Encik Radhi.

RK: Ada lah banyak watak lagi (menunjukkan isyarat tangan) tapi nak nak sebut sekarang ni pun tak berapa ingat.

WNAZWA: Okey Encik Radhi, seterusnya kita pergi kepada teater pula (mengangguk). Boleh Encik Radhi ceritakan tentang teater-teater yang pernah encik berlakon iaitu apakah tajuk teater dan watak yang telah dipegang dalam teater tersebut?

RK: Okey *sorry* [maaf] saya baru teringat yang tadi tu (menunjuk-nunjuk dengan jari telunjuk). Antara satu ialah pasal drama ala lupa pula. (gelak) Tadi dah -- ingat dah alahai. Okey

kalau saya ingat sa- sa- saya cerita balik ya pasal drama satu je pasal *you* [awak] tanya apa watak saya, saya kembali nanti. Kalau teater mula-mula *first time* [kali pertama] saya berlakon. Oh okey. Saya ingat dah (tersenyum). Tajuk dia dua -- (menunjukkan dua jari) drama yang boleh kata ada banyak lah sebenarnya banyak saya dok ingat (memejamkan mata seketika) sekarang ni dua drama yang di- di- dimasuk dalam kategori anugerah. Satu '*Semarai*'. '*Semarai*' (menggaru kening) saya di- di- dicalonkan *top five* [lima teratas] tak silap (berkerut kening) *top ten* [sepuluh teratas] ke *top five* [lima teratas] untuk watak pelakon pembantu sebab Nasir Bilal Khan jadi watak jahat tapi diorang letak dia sebagai *hero* [wira] pula. Jadi dia pun dicalonkan saya pun dicalonkan yang men- tapi sape menang kita tak menang tapi kita dapat banyak pencalonan dalam cerita tu berkenaan dengan seorang cikgu sekolah yang telah dituduh me- me- (mengangkat-angkat kening) mencernakan *student* [pelajar] dia sendiri. Rupanya bapak dia yang buat hal dengan dia. Dia datang kepada saya kaunseling sebab saya tengok dia dah lain daripada dulu. Dulu dia cergas semua lama-lama dia jadi pendiam, saya sebagai kaunselor cikgu kaunselor juga sports punya *teacher* [guru] saya mendekati dia untuk bertanya dan untuk me- membantu menolong tapi bapak dia telah amik peluang untuk apa meletakkan menuduh saya kononnya yang buat anak dia macam tu. *You* [awak] google tengok apa maksud '*Semarai*' tu lupa (tersenyum). Tapi '*Semarai*' berkenaan dengan cikgu sekolah yang telah dituduh melakukan penceraian kepada anak murid dia walhal bapak dia sendiri yang (memejamkan mata) bapak gadis tu yang telah ber --- melakukan sesuatu kepada anaknya sendiri. Dan drama tu dicalonkan untuk banyak kategori pencalonan skrip terbaik, drama terbaik, antara yang paling banyak dicalonkan. Nasir Bilal Khan dia punya *hero* [wira] jahat saya *hero* [wira] baik lah. Dengan Wan Maimunah dengan Ifa Raziah jadi gadis tu masa tu dia muda lagi. Satu lagi ialah '*Pinang Durian*'. '*Pinang Durian*', saya dicalonkan untuk *best actor* [pelakon terbaik] tapi yang menang ialah Maidin [Madin Ibrahim] arwah Maidin [Madin Ibrahim] pelakon pembantu terbaik untuk anugerah skrin pada tahun tu lah. Saya suka dua cerita ni ialah sebab satu cerita ni *very heavy* [sangat berat] lagi satu cerita kelakar tapi ditulis oleh Mamat Khalid juga arwah Mamat Khalid dan diarahkan oleh Mamat Khalid berkenaan dengan dua pasangan ni yang sorang dari *Penang* [Pulau Pinang, Malaysia] dan sorang dari Perak [Malaysia]. Jadi pertembungan budaya dalam situasi komedi dan dicalonkan untuk *best* -- [terbaik] drama best apa lah.

WNAZWA: Yang teater tadi Encik Radhi? (tersenyum). Berkenaan teater (mengangguk).

RK: Berkenaan dengan teater, okey teater pertama di -- Istana Budaya bertajuk teater pertama yang dipentaskan di Istana Budaya ialah bertajuk ‘*Kris Sang Puteri*’. Watak saya tak -- (menggelengkan kepala) besar tapi *main character* [karater utama] lah, ialah pertama kali jadi saya rasa berbangga dan teruja dapat menjelak apa ni Istana Budaya yang baru di- di- di- dibina masa tu. *We are the first to act in* [Kami adalah yang pertama berlakon] Istana Budaya masa tu. Tajuk dia Kris-- apa ni dia punya heroin ialah Vanidah Imran. Berkenaan dengan Sri Kandi Nasional masa tu yang put- putri apa nama dia betul tapi (mengerutkan kening dan cuba mengingat) apa tajuk dia (menundukkan kepala) ‘*Kris Sang Puteri*’. Jadi (mengangguk) dia sebagai *warrior* [pahlawan] ‘*Kris Sang Puteri*’. Lagi satu ialah saya tak ingat (cuba mengingat dengan memandang atas) dia pasal puteri ni dari Kuala (menundukkan kepala) Selangor [Selangor, Malaysia] ke apa, dia -- berlawan dengan penjajah apa semua. Kisah bet --- kisah benar saya rasa (mengangguk). Jadi dia lah *hero* [wira]. Jadi heroin dia lah Vanida Imran. *It's a musical* [ia adalah muzikal] diarahkan oleh Datuk Rahim Razali. Jadi masa tu besar cerita tu *very big musical* [muzikal yang sangat besar] dan dipentaskan di Istana Budaya dengan gahnya. Saya ingat (mengangguk). Lagi satu yang saya boleh sebut ialah berlakon pentas banyak lah ada yang ada yang kelakar ada yang *very interesting* [sangat menarik] okey lah lagi dua kalau nak sebut (memejamkan mata sambil menyentuh dahi) yang di Singapore tajuk dia LKY iaitu Lee Kuan Yew *five [5] years ago* [lima tahun yang lalu] saya dijemput untuk ke Singapura untuk jadi sorang atau dua orang pelakon Malaysia yang diorang amik untuk melakonkan watak Tunku Abdul Rahman. Muzikal juga kena menyanyi kena apa. Ramai penuh datang orang Singapore ni patriotik. Dia masa lima puluh [50] tahun *Singapore* apa merdeka lah *five [5] years ago* [lima tahun yang lalu] banyak kira boleh kata *daily every night nearly full house* [setiap hari setiap malam hampir penuh]. Kalau dekat Malaysia kadang-kadang *you* [awak] kena *gamble* [bertaruh] sikit (menggenggam tangan) *you* [awak] tak boleh harapkan *full house* [penuh] dan kos dia kadang mahal. Pengalaman berlakon pentas di Singapura (menundukkan kepala) ialah dengan satu produks- dia punya *production* [produksi] ti--- tajuk dia LKY ataupun Lee Kuan Yew bekas pres- *Prime Minister* [Perdana Menteri] ke Presiden? Lee Kuan Yew *Prime Minister* [Perdana Menteri] ke Presiden? (mengangkat-angkat kening sambil tersenyum).

NSA: Diorang? Presiden (tersenyum).

RK: Presiden kut. Dia ayah pada sape?

NSA: Siapa? Tunku Abdul Rahman? Siapa?

RK: Lee Kuan Yew dia macam Tunku Abdul Rahman lah bapak kemerdekaan Malaysia kan. Tunku Abdul Rahman ialah Perdana Menteri. Lee Kuan Yew Perdana Menteri ke Presiden?

NSA & WNAZWA: Presiden.

NSA: Kalau dekat sana bukan Presiden ke?

RK: Oh okey ka- kalau sekarang Presiden dia sape?

NSA: Sekarang?

WNAZWA: Presiden Singapore.

RK: Dia tengok *google* lah tu (tersenyum).

NSA: Google memang google membantu. [ketawa]

RK: Haa cepat *google*.

NSA & WNAZWA: Singapore. Perempuan ke?

RK: Itu Presiden. Puan --- (memandang atas sambil cuba mengingat).

NSA & WNAZWA: Halimah Yaakob.

RK: Halimah, jadi *Prime Minister* [Perdana Menteri] dia siapa? Dia bukan macam negara Afrika ke apa yang ada presiden saje yang berkuasa. Setengah tempat Presiden yang berkuasa setengah PM. Kat *Singapore* Presiden takde kuasa sangat tapi ada Presiden Melayu dulu India Cina pun ada tapi *Prime Minister* [Perdana Menteri] dia selalu Cina *Chinese* [Cina] lah. Jadi Lee Kuan Yew ni bapak kepada *Prime Minister* [Perdana Menteri] sekarang lah Lee Hsien Loong.

NSA: Ha ah betul (mengangguk).

RK: Betul kan.

NSA & WNAZWA: Lee Hsien Loong.

RK: Jadi Lee Kuan Yew punya anak lah. Betul. *Prime Minister* [Perdana Menteri] kan. Presiden tu ialah Halimah tu baru dua [2] tahun tiga [3] tahun lah. Sebelum ni ada lain-lain tapi yang mula sekali Presiden dia tak silap Ghana Linggem ke apa *Indian* [India]. *And then* [Dan kemudian] ada Melayu sorang. *Governer* [Gabenor] dia kalau *you* [awak] tengok *dollar note governer* [pentadbir wang dollar] dia Melayu *signature* [tandatangan] Melayu. Macam tu lah itu *Singapore* lah. So [Jadi] bila dia buat LKY ni ramai warga dia yang pergi tengok Melayu lah Cina India apa semua (menggelengkan kepala). Boleh kata *nearly full house every night for* [hampir penuh setiap malam untuk] tiga [3] minggu macam tu. Kita kalau kita buat citer patriotik kurang, kadang-kadang kurang penonton dia. Okey itu Lee Kuan Yew lah LKY pengalaman sikit yang satu lagi di KLPac [Kuala Lumpur Performin Arts Centre]. Selepas tu (mengangguk kepala) setahun lepas tu saya balik KL [Kuala Lumpur] saya dok sana dua [2] tiga [3] bulan lah. Saya balik Malaysia dan (memejamkan mata seketika) saya berlakon cerita Dato' Sri. Dato' Sri berkenaan dengan dia macam cerita dia memang diambil apa ni (memejamkan mata untuk cuba mengingat) citer asal dia ialah '*Lady Macbeth*' *Shakespeare* jadi dia tukar ke dalam Bahasa Melayu -- lama sikit dan saya watak utama lah sebagai Dato' Sri. Itu antara teater-teater yang saya masih ingat sampai sekarang lah sebab meninggalkan kesan dan watak-watak besar lah.

WNAZWA: Okey Encik Radhi. Berapa antara bayaran yang diterima masa yang Encik Radhi berlakon dalam teater-teater tersebut?

RK: Yang *Singapore* tu dia bayar ikut *rate Singapore dollar* [kadar dolar Singapura]. Jadi bila kita *convert* [menukar] Alhamdulillah banyak lah juga (menggerakkan tangan). Sebab kali tiga [3] masa tu. Tapi kalau *you* [awak] duduk di *Singapore you* [awak] bayar makanan dan *you* [awak] bayar (menutup mulutnya) tempat tinggal kadang-kadang kurang berbaloi (berdehem) gaji *you* [awak] kena lagi tinggi sebab kos *living* [hidup] dia *high* [tinggi].

NSA: Haa betul.

RK: Tetapi saya dapat elau makanan saya dapat elau tempat tinggal dia bagi *free* [percuma] dan bayaran saya kira boleh kata Alhamdulillah banyak lah ber- berpuluhan ribu lah (mengangguk). Selalu teater ni tidak menjanjikan bayaran yang lumayan tapi bila *time free* [masa percuma] apa semua Alhamdulilah tapi kalau -- saya kena bayar makanan apa semua memang teh tarik dia mungkin *one [1] dollar fifty [50] cent* [satu dolar lima puluh sen] macam kita dulu tapi kali tiga [3] jadi empat [4] ringgit setengah. Kita (melambaikan tangan) *don't convert don't count* [jangan tukar jangan kira]. Saya kena *convert* [menukar] sebab dekat sangat *Singapore* Malaysia ni. Tengok muka sama kedai mamak dia lebih kurang sama jadi saya fikir saya dok minum teh tarik tu dah empat [4] ringgit setengah punya teh tarik. Kalau pergi Starbucks tu lain citer lah. Dan tapi kena potong *tax* [cukai] lah. Kena potong *tax* [cukai]. Tapi di Malaysia teater *you* [awak] jangan harap kan *payment* [bayaran] sebenarnya (menggelengkan kepala). Teater ni lebih kepada *passion* [minat]. Sebab *you* [awak] tak tahu siapa nak datang tengok orang nak beli tiket kadang orang tak peduli dan pelakon teater selalunya kurang popular daripada pelakon TV dan filem. Tetapi se- semenjak (menggaru pipinya) jangan kira PKP lah semenjak sepuluh [10] tahun sudah kalau *you* [awak] berlakon dengan Istana Budaya diorang bayar *you* [awak] *rate* [kadar] diorang bayar *you rate* [kadar] atau harga artis. Kalau *you* [awak] artis selebriti diorang bayar *you* [awak] ada *a certain rate* [kadar tertentu]. Jadi beribu juga. Kalau tidak teater susah nak dapat begitu. Melainkan orang datang beli tiket pun kalau kat Istana Budaya satu hari dah nak berapa *you* [awak] nak sewa studio tempat dia tu dah berbelas ribu. Jadi kalau tak setengah *full house* [penuh] ke tak *half full house* [separuh penuh] ke *you* [awak] mungkin rugi. Jadi macam mana nak bayar pada artis kita ataupun pelakon-pelakon teater (menyentuh muka) ataupun pelakon yang memang artis selebriti tu. Tetapi diorang tetapkan sebab dia macam *government* [kerajaan] *semi government* [separuh kerajaan]. Dia (menyentuh rambutnya) tetapkan kalau diorang ada *resource* [sumber] lah ada duit lah dia bukan kalau *private* [persendirian] kadang-kadang kena cari *sponsor* [penaja] ataupun kena keluar duit sendiri. Itu jadi, jadi *gam.ble* [bertaruh] lah (menggerakkan tangannya) kalau *government* [kerajaan] dia ada *allocation* [*allocation*] (mengangguk kepala) *you* [awak] dapat lah tinggi sikit kalau *you* [awak] berlakon dekat Istana Budaya (mengangguk kepala).

WNAZWA: Okey baik Encik Radhi. Antara watak eh antara teater-teater yang Encik Radhi berlakon apa -- apakah teater yang paling Encik Radhi suka lakonkan? Dan kenapa Encik Radhi suka (mengerakkan tangan) tentang teater tersebut?

RK: Macam saya cakap tadi Dato' Sri lah. Sebab saya watak utama. Dia punya karakter dia sekejap okey, sekejap jadi biol, (mengerakkan tangan) dia nak bunuh diri, dia nak bunuh orang, dia psikotik (mengerakkan tangan ke dahi), lepas tu dia gila kuasa. Itu membuat saya tak boleh tidur, (tersengih) watak dia ada menyebut "*kegilaan ku*" (memejamkan mata dan mengerutkan muka) bla bla bla bla "*membuatkan aku tidak dapat lena tidur*" dengan tangan tangannya berdarah tu dia buat macam tu semua [ambil menggenggam tangan]. "*Di manakah tidur-tidur telah menghilang*". Tidur telah bla --. Jadi lepas saya buat tu pun saya pun dah susah nak tidur (tersenyum) sebab ia mengganggu saya untuk sekejap masa tu (mengangguk kepala).

WNAZWA: Jadi yang teater yang berkenaan dengan Dato' Sri tu lah yang memberi kesan mendalam kepada diri Encik Radhi kan (mengangguk).

RK: Sampai ada yang (mengangguk kepala) memusuhi saya, ada yang tak kawan dengan saya, ada yang tak bertegur sapa dengan saya. Kenapa saya apa salah saya kan (menoleh ke kanan dan kiri).

WNAZWA: Disebabkan watak tu?

RK: Mungkin (mengangguk kepala). Saya masih tak tahu sebab sebenar (menggelengkan kepala).

NSA: Okey untuk yang seterusnya kita pergi kepada filem boleh Encik Radhi ceritakan tentang filem-filem yang pernah Encik Radhi berlakon (mengerakkan tangan) lakonkan dan watak yang dipegang.

RK: Okey salah satunya antara yang besar lah ialah '*Qaisy dan Laila*'. Kita *shooting* [penggambaran] di Pakistan. Tapi kita -- di *Pakistan* tu kononnya di *Afghanistan* di *Qabul* lah tempat -- Amerika suka serang, suka mengendap, suka buat hal kan. Tapi kita gunakan *Pakistan* sebab *Afghanistan* susah nak tembus masa tu susah nak masuk. Masa tu ada Osamaladin (tersenyum) dikatakan menyembunyikan diri di situ. Jadi kita tak ada tidak

dapat *permission* [permintaan] nak pergi ke *Afghanistan*. Jadi kita pergi ke *Pakistan* yang *border* [sempadan] dia, (mengangkat kening) *so* [jadi] *culture* [budaya] dia pakaian dia budaya dia percakapan dia lebih kurang macam orang *Afghanistan* (tersenyum). Jadi kita nak -- main di *Qabul* -- kan kalau citer *Amerika* suka -- *attack* [serang] *Qabul* apa semua jadi kita nak pergi *Qabul* tak boleh. Kita pergi *Qatar* dan menyerupai *Qabul*. Dan di *Qabul* pun ada banyak hal juga bukannya senang lenang di *Qatar* lah. Dan itu meninggalkan kesan sebab saya juga sebagai pengurus produksi. Dan sebagai dan juga saya sebagai watak nombor dua penting. Pelakon dia Fazura Jihan Miskin, Umi Aida dan saya lah. Dan Alhamdulillah (mengangguk kepala) walaupun citer tu sebab (mengerutkan muka) citer tentang pengorbanan dan susah payah orang-orang *Afghanistan* yang nak menegakkan keadilan dengan dicerobohi oleh pihak asing ni watak dia kira saya berkorban nyawa apa semua tu. Saya dapat (mengangguk kepala) Alhamdulillah lah menggondol lah pelakon pembantu terbaik di Festival Filem Malaysia. Apa yang lebih teruja ialah watak yang sama dibawak ke Anugerah Skrin. Dia ada dua [2] masa tu kan satu tahun dia ada dua [2] anugerah dan dia ambik filem tu dia di- dicalonkan juga. Watak saya walaupun pembantu dia letak kategori pelakon terbaik *top five /5* [lima teratas]. Walaupun tak menang tapi bila diorang letakkan saya sebagai pelakon lelaki terbaik punya kategori nomini saya dah orang kata Alhamdulillah lah walaupun tak menang. Macam diorang nampak kita punya bakat kita punya apa lah (mengangguk kepala). Tapi orang-orang lain tak -- peduli dan tak faham benda tu pun. Kan (tersenyum) kalau dekat *America* kalau *you* [awak] dicalonkan *you* [awak] macam dah menang lah (mengangguk kepala dan tersenyum). Bukan saya nak banggakan diri tapi kat sini kadang-kadang bila kita menang ke bila kita tunjuk bakat ke kadang-kadang tak di- tak (menggelengkan kepala) dihargai. Dia Nampak -- benda lain saja. Yang populariti saja.

NSA: Okey. Yang seterusnya bagaimana pula bayaran yang di-- diterima sewaktu berlakon dalam filem?

RK: Bayaran yang tu (terdiam seketika) boleh lah sebab saya buat dua [2] kerja sekali. Pening kepala buat dua kerja *production manager* [pengurus produksi], pengurus produksi dan pelakon *main--* [utama] *actor* [pelakon] lah *one of the main* [salah satu yang utama] lah. Bayaran berbelas ribu lah (mengangguk kepala). Lagi dua [2] filem yang saya *shoot* [penggambaran] di *oversea* [luar negara] ialah ‘*Penyu*’. Itu pun saya (tersenyum) jadi pengurus produksi dan berlakon sebab sama -- *company* [syarikat] yang *produce* [menghasilkan] tahun lain lah. *Shooting* [penggambaran] di *Philippines* dan satu lagi

'Sumolah' shooting [penggambaran] di Jepun. Itu saya berlakon je saya bukan -- bekerja sebagai ---

NSA: Pengurus Produksi.

RK: Bukan sebagai pengurus produksi lah. Pelakon dia Awie, pelakon daripada Thailand yang apa yang *'Nang Nak'* tu jadi heroin, Gurmit Singh dari *Singapore* yang lain sape lagi Gavin Yap, saya Awie, Afdlin Shauki dia pengarah. Citer pasal *'Sumolah'* sumo yang beso -- badan besar tu.

NSA: Okey antara filem-filem yang tadi encik sebutkan, filem mana yang paling encik suka and [dan] kenapa encik suka tentang filem tu?

RK: Filem *'Sumolah'* saya boleh walaupun kena *training* [latihan] apa semua sampai kepala sampai tengkuk saya pun macam ---

NSA: Cedera.

RK: Cedera lah lebih kurang sebab kena *headbutt* [tumbukan kepala] dengan mamat-mamat badan besar-besar ni. Dan pakai apa seluar pendek dengan macam tali bar --- tali barut apa.

NSA & WNAZWA: Oh (tersenyum).

RK: Tapi kita bukan pakai kita boleh pakai seluar lah dekat dalam. Ada setengah profesional pakai macam -- tali tu saje. Tapi tak lah. Tali tu pun keras sebenarnya. Itu pengalaman yang -- saya *relax* [santai] sikit sebab saya berlakon saje tak -- takde nak pi- pikul dua [2] tanggungjawab. Eh boleh dapat pergi Jepun ni *free* [percuma] ni. Dapat berlakon di Jepun tu teruja lah yang *Philippines* tu *heavy* [berat] sikit lah bukan *heavy* [berat] apa *heavy* [berat] *you* [awak] nak ingat *you* [awak] nak jaga orang lain lagi. Lepas tu *you* [awak] nak jaga lakonan *you* [awak] lagi jadi pening kepala sekejap (mengangkat kening). Yang satu lagi dekat mana dekat Jepun, *Philippines*, Pakistan itu -- lagi yang paling berat sekali kalau nak cerita pasal tengkuk ni (menunjukkan tengkuknya) ada satu [1] adegan tu kita patut dalam adegan tu sebagai *soldier* [askar] yang askar yang dulu (mengangkat kening) saje aktif (mengangguk kepala). Jadi dah lama-lama saya dah macam tak mo lah lawan

biar lah apa nak jadi jadilah tawakal saje. Kalau watak *cousin* [sepupu] saya si Jehan Miskin ni Qaisy ni dia nak masih nak berlawan (mengangguk kepala) anak muda yang nak apa nak -- berjuang untuk kemerdekaan untuk harga diri. Saya macam dah redha -- sikit-sikit redha. Jadi ada satu [1] adegan tu patutnya tak ada gaduh apa. Tapi ada-- pulak kita *last* [terakhir] minit kita buat *scene* [adegan] gaduh. *Scene* [adegan] gaduh pakai senapang -- betul tak silap saya. Tapi tidak lah sampai tembak *bullet* [peluru] yang *real* [sebenar] tidak lah. Tapi bila panggil pelakon diorang bukan profesional pelakon ada sorang dua [2] je profesional daripada Pakistan lah. Yang lain pelakon *extra* [tambahan] ni diorang kerja lain lepas tu kita kata datang lah pakai lah baju askar sikit jadi askar ____ macam tu. Dia pun berlakon. Bila kita buat *scene fighting* [adegan bergaduh] yang tak dirancang dan diorang pun tak tahu buat kita buat *fighting* [bergaduh] ni kita kena ada satu [1] dua [2] tiga [3] ada *rehearsal* [raptai] jadi tak betul-betul. Perasan tu macam betul. Diorang tak tahu apa diorang buat betul sampai belakang (menunjukkan tengkuknya) kepala saya ni kena bucu senapang sampai berdarah -- itu jadi pengalaman yang pahit lah. Selain daripada tu, ada *earthquake* (gempa bumi) kita makan banyak makan pasir sebab ada ribut pasir dan tiap-tiap hari ada orang sakit perut sebab air sana kuat bukan tak bersih tapi dia amik daripada telaga jadi air tu mineral dia kuat sangat kita tak boleh tahan. Tu antara pengalaman lah berlakon di luar negara.

WNAZWA: Okey Encik Radhi, seterusnya kita pergi pulak kepada bahagian pengacaraan.

Boleh Encik Radhi ceritakan tentang bidang pengacaraan yang pernah encik terlibat iaitu apakah antara rancangan-rancangan yang pernah Encik Radhi mengacara?

RK: TV ke *live* [siaran langsung] ke apa? (menyentuh rambutnya).

NSA: Tak kisah mana-mana yang masih ingat lah.

RK: Kalau mula-mula tu saya ingat saya mengaca --- dia macam mengacara lah juga pementas pementasan dia pentas macam kita buat *show* [pertunjukan] tradisional *show* [pertunjukan] model (mengangguk kepala) *show catwalk* [pertunjukan] tradisional kepada *foreign visitor* [pelawat warga asing] kepada tetamu kita apa ni daripada luar negara kita ada dengan kita *join* [sertai] dengan *tourism* [pelancongan] industri kita buat *show* [pertunjukan] lah dekat hotel ke apa jadi tarian Melayu, pakai songket apa semua jadi saya boleh cakap orang putih sikit masa tu dibandingkan dengan kawan-kawan saya

yang lain masa tu. Jadi saya selalu jadi pengacara lah untuk *show* -- [pertunjukan] macam tu. Lepas tu saya buat TV. Kalau TV antara satunya ialah '*Babas*'.

WNAZWA: Babas.

RK: '*Babas*' tu rempah tu kan.

WNAZWA: Haa rempah (mengangguk kepala).

RK: *First time* [Kali pertama] diorang *offer* [tawaran] saya -- kena buat *live show*-- [pertunjukkan siaran langsung] bukan senang. Masa tu pula bulan puasa dengan musim hujan jadi saya kena *travel* [menempuh] sendiri daripada pukul enam [6] lebih enam [6] setengah sampai ke lokasi restoran yang merata di satu KL ni. Tiap-tiap hari *different* [berbeza] restoran kena pergi sebelum buka puasa saya kena *live show* [pertunjukkan siaran langsung] dengan tukang masak situ, (menoleh kepala ke kiri dan ke kanan) kedai mamak ke kedai melayu ke kedai tomyam ke lepas tu (memandang ke atas) buka puasa saya kena ambik (mengangguk kepala) dia tengah masak apa semua. Jadi benda tu semua *live* [siaran langsung] enam [6] setengah tujuh [7] macam tu (memandang atas) dia tunjuk pukul tujuh [7] setengah lapan [8]. Jadi tu macam *first time* [kali pertama] saya buat *live* [siaran langsung], *first time* [kali pertama] saya buat pengacara *full* [penuh] dengan musim hujan dengan aku puasa dengan mencari tempat tu. Itu satu cabaran juga lah. Lepas tu (mengangguk kepala) tahun kemudian (menyentuh mata) tahun ke depan diorang panggil saya lagi tapi dia buat dekat studio dia buat macam *competition* [persaingan] macam pertandingan memasak '*Babas*'. Yang sebelum tu *is live show* [pertunjukkan siaran langsung] citer restoran. Mengacara selain daripada tu mengacara apa eh? (cuba mengingat sambil menyentuh dagu). Adalah banyak lagi tak ingat lah (tersenyum sambil menyentuh dagu).

WNAZ: Okey. Okey takpe.

NSA: Okey yang seterusnya kita pergi kepada soalan kenangan manis sepanjang dalam ---

RK: (Menyanyi) '*Kenangan manis kau dan aku tak akan ku lupa, ku lihat kau*' - Azura.

NSA: Sepanjang encik berada dalam industri lakonan ada tak kenangan manis yang paling encik tak boleh lupakan? Kenangan tu dia berkenaan apa, waktunya bila dan kat mana kenangan tu berlaku? Kenangan manis masa berlakon.

RK: Kenangan pahit ada lah kut (tergelak). Itu *next question* [soalan seterusnya] lah.

WNAZWA & NSA: Haa betul (tersenyum).

RK: Pengalaman manis (sedang berfikir sambil menyanyi) '*pengalaman manis*'. Saya pula saya ambik kerjaya saya ni sebagai kerjaya jadi saya tak main-main Alhamdulillah saya, ada setengah orang tu cinta lokasi, ada setengah orang tu dia buat macam hobi. Saya ni ambik -- serius sangat (memejamkan mata) kerjaya saya ni sampai saya tak -- (menggelengkan kepala) *enjoy* [menikmati] kadang-kadang. Dah -- (mengerutkan muka) lepas sepuluh [10] dua puluh [20] tahun baru saya *relax* [relax] sikit. Itu yang *social life* [kehidupan sosial] saya pun *boring* [membosankan]. Tapi kalau nak kenangan manis saya rasa (berfikir lama sambil menggoyangkan kepala) tu lah kalau nak Tanya tu *on the spot* [segera] macam tak berapa ---

NSA: Kenangan manis tu macam berlakon tu macam mungkin tempat-tempat yang menarik yang macam dekat Jepun tu ke, masa dekat Jepun tu ke. Kenangan-kenangan manis, ada tak?

RK: Tak ada lah manis sangat kadang-kadang tu kenangan manis sangat sebab (tersenyum) pergi nak bekerja kan. Tapi okey saya ingat kita buat *road tour* [lawatan jalan] '*Spanar Jaya*', tapi bukan masa *shooting* [penggambaran] tau. Kita ambik masa kita pergi perkenalkan *show* [pertunjukkan] tu kat daripada Perak [Malaysia], Melaka [Malaysia] apa semua Sabah [Malaysia] Sarawak [Malaysia] tu boleh kata kenangan manis. Sebab apa selalunya TV punya *show* [pertunjukkan] diorang tak buat *road tour* [lawatan jalan] tau. Kalau filem dia buat lah promosikan filem. Tapi kita macam mana entah popular lah pulak '*Spanar Jaya*' tu jadi *producer* [produksi] bawa kita bukan *producer* [produksi] lah macam Berita Harian ke mana ke bawa macam Jom Heboh (meletakkan tangan di atas kepala) semua tu kan. Dia bawa kita *tour* [lawatan] satu [1] Malaysia bertemu dengan peminat. Itu *first time* [pertama kali] saya be- bertemu. Kalau penyanyi dia selalu bertemu peminat, kalau pelakon kurang melainkan *you* [awak] pelakon filem dan dibawa untuk promosi mana-mana lah kan. Berlakon filem masa tu tak banyak

(mewnggelangkan kepala) berlakon drama jadi bila berlakon ‘*Spanar Jaya*’ dan dibawa kita berjumpa peminat wah saya begitu berbangga dan rasa oh popularnya aku. Sebab kalau kat Sabah [Malaysia] lagi diorang macam teruja dengan *you* [awak]. Diorang boleh tahu nama *you* [awak] diorang hormat kat *you* [awak] tapi ramai yang kenal kalau kat KL ni macam lebih kurang lah kan (tersenam sambil menggoyangkan kepala) biasa lah kalau kat Perak [Malaysia] Kedah [Malaysia] *sorry* [maaf] *especially* [terutamanya] kat Sabah [Malaysia] Sarawak [Malaysia] lagi dia *respect you* [hormati awak]. Itu mungkin saya macam rasa -- dihargai (mengangguk kepala) kalau bila peminat tu panggil nama penuh saya. Dan diorang -- beradab dengan kita dia hormat (tersenyum) saya rasa macam eh sape lah aku ni kan. Tetapi masa tu kan ‘*Spanar Jaya*’ tu bila lama sangat kita pergi dua [2] tiga [3] minggu tu asyik bertemu peminat, pada satu masa tu saya rasa terlalu bangga sampai saya ego. Saya rasa eh popular aku eh (muka bangga). Oh saya jadi macam *action* [berlagak] tak pernah saya buat macam tu Alhamdulillah (mengerakkan tangan) saya *humble* [merendah diri] lah saya tak rasa saya ni popular sangat ataupun *I* [saya] dengan *you* [awak] beza. Kita beza sebab profesion sebab jantina kita sebab kulit kita (tersenyum) tak ada lah nak beza sebab orang kata iman ke sebab populariti ke itu Tuhan punya kuasa kan. *I'm saying I'm not a better person than you, it's God to judge you know* [Saya katakan saya bukan orang yang lebih baik daripada anda, Tuhan yang menilai anda tahu]. Kalau *I* [saya] ni pelakon popular pun *I* [saya] tak suka *I* [saya] tak -- harap *you idolise I* [awak idolakan saya] ataupun memuja-muja *I* [saya] tak suka sebab *I* [saya] pun tak puja orang lain. Kita puja Tuhan saje eh. Tapi of course lah *I* [saya] mungkin ada *something* [sesuatu] pelakon ada *something* [sesuatu] yang orang lain nak tengok. Itu saje (mengangguk kepala). Tapi sebagai manusia iman dia perangai dia *is* [adalah] terpulang pada pembawaan masing-masing lah. Tapi *I* [saya] jadi -- macam tak -- apa tak ker- keruan masa tu kejap. Lepas tu bila macam mana entah (mengerutkan kening) eh apasal aku jadi macam ni eh *action* [berlagak] ni apa ni bangga sangat ni (menggelangkan kepala). Lepas tu saya *down* [merendah] balik lah saya *relax* [tenang] balik (mengangguk-angguk kepala). Artis ada setengah artis tu dia -- *relax* [tenang] dia *humble* [merendah diri] dia baik hati. Ada setengah artis pula dia *arrogant* [sombong] manusia kan sama lah dalam bidang apa pun.

WNAZWA: Okey Encik Radhi, kalau ada kenangan manis Encik Radhi kata ada kenangan pahit tadi kan (tersenyum). Jadi pasal kenangan pahit tu, kita nak tahu kenangan-kenangan tu berkenaan dengan apa, bila dan di mana kenangan tu berlaku?

RK: Filem eh? _____

WNAZWA: Ia berkenaan pasal apa?

RK: Yang saya masih ingat lagi lah kat *Singapore* tu tak ramai kawan (mengerutkan muka).

So [Jadi] saya bawa diri macam tu je saya sorang-sorang balik ada *apartment* [pangsapuri] cantik pun saya balik tidur sendiri apa orang kata buat hal sendiri tak ada nak pergi minum the tarik ke apa dengan sape ke apa ke. Bulan puasa pula tu. Lepas tu esok-esok tu dah nak pergi *training* [latihan] lepas tu nak pergi buat *show* [pertunjukkan] kita kena *prepare ourself* [persiapkan diri anda] semua lah. Jadi macam gitu je hidup saya dua [2] setengah bulan tu dua [2] setengah bulan.

WNAZWA: Berkennaan dengan di Singapura tadi.

RK: Di Singapura macam tu lah tadi macam *a bit cool* [agak dingin] dia macam tak mesra alam (mengerakkan tangan) orang buat hal masing-masing. Lepas tu kalau -- jadi nak kata pengalaman pahit tu-- (tersenyum) macam tu je lah bukan -- betul-betul pahit ke apa lah. Sebab di *Singapore* saya tak kenal sape sangat dekat sana kan _____. Nak katakana -- yang meninggalkan kesan ialah yang -- teater dekat Malaysia tu. Sebab kita buat sama juga kita buat dua tiga [3] bulan *rehearsal* [raptai] dan saya watak utama jadi banyak dialog saya. Saya kena berdialog dengan ramai orang banyak nak kena hafal (menyentuh dahi) dan memang saya sebenarnya takut *Shakespeare*. Sebab *Shakespeare* dialog dia berjela dan macam aku tak faham *Shakespeare* ni apa. Tapi bila *you* [awak] mengkaji apa perkataan-perkataan dia *you* [awak] rasa eh cantiknya bahasa. Dan bila (berdehem) yang Dato' Sri ni ialah adaptasi citer '*Macbeth*' oleh *Shakespeare*. Memang dialog-dialog melayu dia tu Bahasa Malaysia dia tu begitu cantik. Dan kadang-kadang bila *you* [awak] nak ubah -- dialog daripada *English* [Bahasa Inggeris] ke *Malay* [Melayu] ke kan, *you* [awak] susah nak buat dan kadang-kadang tak menjadi. Tapi yang ni memang cantik dan senang -- sikit lah saya nak hafal. Tapi sebab dia berjela tu jadi masih ambil masa lah kan. Jadi saya suka sangat dialog dia dan watak dia me- memberi saya satu cabaran. Sebab nak menjiwai watak yang pelik yang psikotik yang ini yang itu yang *loving* [penyayang] lepas tu yang gila. Memang -- (mengangguk kepala) *it's quit driven, challenging for me* [ia agak didorong, mencabar untuk saya] tapi itu tak apa lah itu kerja kita kan (mengangguk kepala). Tapi yang lebih -- sakit hati tu ataupun

(tergelak) yang lebih terasa tu ialah kita ramai *cast* [pelakon] yang dalam citer tu tak tegur saya sampai ke akhir. *Half way* [separuh jalan] ya sampai kita *rehearsal* [raptai] dua [2] tiga [3] minggu lagi sebulan dua tu diorang dah tak berapa tegur saya.

WNAZWA: (Tersenyum) So [Jadi] pasal yang kenangan pahit tadi dah habis lah kan tadi.

RK: Kira itu lah bila -- mereka -- tidak menegur saya tidak bercakap dengan saya, saya rasa eh apa salah aku (menoleh ke kiri dan kanan) bila aku bergaduh dengan diorang, kenapa diorang buat aku macam ni. Bukan sorang dua tau *nearly the whole cast* [hampir keseluruhan pelakon]. Watak saya memang watak gila (menggenggam tangan) watak jahat jadi ramai orang yang tak nak berkawan dengan saya dalam cerita tu lah maksudnya. Jadi adakah itu realiti menjadi seni-seni menjadi realiti ataupun diorang ni nak -- realisasikan (menggerakkan tangan) watak tu dengan *method style that means* [gaya kaedah yang bermaksud] kalau -- *method style* [gaya kaedah] Stanislavski *you* [awak] menjiwai dan *you be the character* [anda menjadi watak]. Jadi kata lah saya ni jadi orang -- suka minum pemabuk ni jadi saya kena cuba-cuba minum lah (menggelengkan kepala dan tersenyum). Maksudnya macam tu. Tapi saya tak kan buat macam tu (menggerakkan tangan) saya akan cari jalan yang terbaik untuk saya menji- menjiwai watak tu dalaman tu. Kita buat cara lain, kalau benda tu boleh kita cuba aplikasi kan, kalau tak boleh kita tak payah buat benda tu haram dengan kita tak buat lah. Jadi yang kawan-kawan saya ni mungkinkah diorang ni ada peel sendiri ataupun diorang nak cuba buat karakter *method* [kaedah] tu ialah kita membenci Dato' Sri ni. Jadi diorang benci betul-betul ataupun kita nak bagi Dato' Sri ni karakter dia lagi (menggerakkan tangan) tak suka pada orang lain diorang tak nak bercakap dengan saya konon ke apa saya tak tahu lah (menggelengkan kepala). Tapi bagi saya, itu salah *method* [kaedah] salah (menundukkan kepala seketika) konsep lah.

NSA: Seterusnya kita pergi kepada anugerah. Okey antara anugerah yang pernah encik dapat, anugerah mana yang tak encik mungkin tidak sangka akan dapat?

RK: Okey untuk '*Qaisy Laila*' saya dapat pelakon pembantu terbaik (mengangguk kepala). Watak saya pembantu lah *second lead* [kedua]. *Scene* [adegan] saya pun banyak *nearly* [hampir] sebanyak *main* [utama] apa ni *leading actor* [pelakon lelaki utama] tapi dia banyak lagi dialog and kita kena belajar bahasa *Portuguese* [Portugis], kita kena cakap orang putih sebab kita mainkan peranan watak Afghanistan punya orang. Jadi (mengangguk kepala) bila menang tu Alhamdulillah, saya tak dapat pergi ke pentas untuk

ambil hadiah tu piala tu sebab saya tengah buat *show* [pertunjukkan] amal. Jadi terkilan sikit tapi tak apa lah dapat juga bawa balik. Tapi pada masa yang sama (mengangguk kepala) tahun yang sama dia- watak saya tu dicalonkan sebagai pelakon terbaik. Tak menang eh tapi *top five [5]* [lima teratas] pelakon terbaik sama dengan pelakon terbaik pelakon utama -- dari empat [4] filem lain bukan pelakon utama yang *first* [pertama] untuk citer ni. Bila diangkat tu jadi saya rasa itu lebih saya teruja dan macam saya dah macam saya rasa patutnya inilah aku punya walaupun tak menang eh tapi macam (menundukkan kepala) eh aku dihargai lah. Aku nampak aku punya bakat ke aku punya *homework* [kerja rumah] ke sampai diorang nak naikkan taraf watak saya tu. Bagi saya itu a bett --- *a greater achievement* [pencapaian yang lebih besar], yang menang tu menang lah tapi itu lagi *greater achievement* [pencapaian yang lebih besar] sebab *you* [awak] watak sebegini *you* [awak] angkat watak kategori yang atas lagi walaupun *you* [awak] tak menang. Bukan -- nak sompong diri tapi saya rasa itu satu *achievement* [pencapaian] lah. Satu dengan Rozie Rashid pun watak dia tak silap pembantu dan diangkat sebagai pelakon terbaik dan dia menang untuk satu filem tu. Dia terus menang lagi bagus lah (tersenyum dan mengangguk).

NSA: Betul (tersenyum dan mengangguk).

WNAZWA: Jadi Encik Radhi, anugerah yang Encik Radhi dapat tadi dia ada memberi impak tak kepada diri Encik Radhi sendiri? Dan kenapa kalau dia memberi impak, kenapa (menggerakkan tangan) Encik Radhi rasa sebegitu?

RK: Saya rasa *impact* [kesan] dia tidak -- se-gah mana. Macam saya kata tadi yang saya dapat dicalonkan itu pun dah satu patutnya lagi besar punya *impact* [kesan]. Dia tak -- pergi mana pun, orang tak peduli pun. Yang dapat *award* [anugerah] tu ada lah orang cakap sedikit sebanyak oh dia *award winning actor* [pelakon yang memenangi anugerah] ataupun bila saya nak pergi bagi ceramah ke seminar diorang akan letak lah pelakon terbaik, pelakon pembantu terbaik (menggerakkan kepala ke kiri dan kanan) tahun 2000 berapa entah. Tapi kalau tidak saya rasa orang Malaysia ni ataupun bukan saja orang Malaysia ni penonton terpulang kepada mereka lah apa yang mereka nak tengok apa mer- mereka nak kaji. Itu hak masing-masing. Tapi kita dalam warga kita pembikin-pembikin filem *producer* [produksi] ilmiah dalam filem kurang -- menghargai (memandang atas) benda-benda tu. Dengan *sad to say* [sedih nak cakap]. Tetapi saya dapati macam *you alls* -- [awak semua] ni daripada bidang pengajian ni UiTM, UM menghargai kita lebih daripada

warga seni tu sendiri. (tersenyum). Sebab selalu UiTM Shah Alam dan kadang UM kadang kolej SEGi, Taylor's College panggil saya lah saya dan seangkatan dengan saya ni untuk bagi ceramah lah untuk jadi pelakon dia lah konon dalam *short film* [filem pendek] apa semua tu jadi saya rasa walaupun tak dibayar tapi mereka menghargai bakat kami dan kerja kami. Ni kerja tau bukan -- hobi ini kerja. Wal-walhal orang dalam industri sendiri, orang yang *considers* [mempertimbangkan] profesional bukan semua lah, boleh kata ramai juga yang tak peduli dengan bakat kami. Pernah saya dipanggil untuk memberi best apa entah award kat ITM dulu FETA. *You* -- [Awak] dari Johor [Malaysia] ya.

NSA & WNAZWA: Ha ah.

RK: Dia di Shah Alam [Selangor, Malaysia] lah jadi dia ada macam pertandingan macam filem festival dia lah. FETA *award* [anugerah] ke apa macam tu. Jadi dua [2] tiga [3] kali diorang panggil saya dan pemenang-pemenang (mengangguk kepala) sebelum ni untuk memberi hadiah kepada pengarah kepada pelakon daripada UiTM itu sendiri. Jadi padahal untuk filem festival diorang kurang panggil sestengah daripada kita walaupun kata lah saya dah memang dan patut *next year* [tahun depan] panggil lah saya bagi *award* [anugerah] pada orang lain kan. Tapi mungkin saya kurang popular, dia kurang panggil (mengerakkan kepala). Orang yang popular yang *top* -- [teratas] mungkin dia panggil lah. Jadi itu dah tak seimbang lah (mengerakkan tangan) rasanya.

WNAZWA: Okey Encik Radhi, kita pergi dekat bahagian perkembangan pulak. Apa perkembangan dalam karier atau kehidupan Encik Radhi yang terkini? Selain berlakon (mengangguk kepala) ada tak Encik Radhi terlibat dengan lain-lain yang melibatkan industri seni?

NSA: Kalau ada, seni lain tu apa dia bidangnya?

RK: Kalau mula-mula *start* [mula] dulu, saya buat pengacaraan sampai sekarang lah tapi kurang lah sikit. Saya buat model, *modelling* [peragaan], peragaan sa- penari, penari tradisional, penari 60-an, *modern dance* [penari moden], saya menyanyi (mengangguk kepala). Itu lah tapi sekarang ni saya lebih kepada lakonan lah kalau ada peluang watak menyanyi ke apa InsyaAllah tu (mengangguk kepala) saya buat lah juga. Peragaan tu kira dah takda sangat lah penari tu pun dah perut pun dah bonyot ni ke (tersengih) tapi kalau

nak suruh saya *move* [gerak] tu kalah lah juga *Youtube Russian* [*Youtube Rusia*] tu (muka berlagak).

NSA & WNAZWA: Oh (ketawa).

RK: Tapi selain daripada tu saya mengarah, semenjak sepuluh [10] tahun ni eh lima [5] tahun ni. Saya dah mula mengarah (mengangguk kepala) saya *produce* [produksi] saya penerbit dan -- masih berlakon lah. Berlakon tak kan (menggeleng kepala) tinggal lah InsyaAllah.

WNAZWA: Okey Encik Radhi, antara perkembangan ---

RK: Apa soalan terakhir?

WNAZWA: Eh tak belum (tersenyum). Eh tak Encik Radhi, antara perkembangan yang Encik Radhi sebutkan tadi kan apa sebab Encik Radhi melibatkan diri dalam bidang yang Encik Radhi sebutkan tadi?

RK: M-I-N-A-T minat. *Passion* [minat].

WNAZWA: Seterusnya selain berlakon (menggerakkan tangan), apakah punca rezeki encik yang bukan melibatkan industri seni? Ada tak?

RK: Takde setakat ni. Tapi saya nak saya berniat (menyentuh dagu) untuk membuka restoran (mengangguk kepala). Sebab saya minat makan saya minat masak dan saya nak *share* [kongsi] makanan yang saya masak ataupun orang lain masak daripada restoran saya tu dengan orang yang memerlukan. InsyaAllah dan juga kalau saya jual makanan tu pun ia menjadi darah daging orang.

NSA & WNAZWA: Hmm (mengiyakan dan mengangguk kepala).

RK: Kalau kita jual baju dia pakai je pastu dia simpan pastu dia pakai balik apalah. Tapi kalau kita jual makanan ia jadi asbab darah daging dia jadi saya rasa teruja dengan benda tu. Sebab insyaAllah saya suka share lah apa yang saya ada sebab semua rezeki dari Tuhan kan.

NSA & WNAZWA: Hmm (mengiyakan dan mengangguk kepala).

WNAZWA: Okay baik Encik Radhi, apakah kesan yang terjadi pada karier Encik Radhi sepanjang Covid-19 ini?

RK: Terbengkalai lah seperti orang lain tetapi tahun lepas saya masih di *offer* [tawaran] watak kecil watak besar watak sederhana dalam sepuluh [10] watak macam tu sepuluh -- [10] kali sepuluh [10] ke dua belas [12] tawaran saya terima jadi macam eh okey lah juga orang panggil aku lagi masa tengah *be in between pandemic* [berada di antara wabak] tu. Kan dia ada PKP, PKPP, PKPB, PMR apa semua tu, masa tengah-tengah *break* [rehat] tu diaorang ada yang panggil saya. Satu [1] dua [2] saya buat dua [2] tiga [3] tak jadi ada *a few more* [beberapa lagi] yang saya kenal dengan orang dia janji lepastu dia buat diam. Dekat empat -- (menunjukkan empat jari) orang empat [4] insiden jadi macam tu. Itu meninggalkan kesan sikit lah juga bagi saya. Sebab kalau dah tak jadi tu bagitau tak jadi ni dia diam ataupun dia macam tukar orang tu suka-suka hati dia. Okey tahun lepas, tahun ni kuranglah sebab beramai tak boleh nak start *production* [produksi].

WNAZWA: Aaa betul --.

RK: Bila dah buka balik ruang angkasa ni untuk kita *shooting* [penggambaran] saya pula Alhamdulilah saya pulak buat saya punya *own production* [produksi sendiri], saya dah start *shooting* [penggambaran] lah. Ni nak ke penghujung lah, esok pun ada *shooting* [penggambaran] lagi. Esok pergi ke Lumut [Perak, Malaysia].

NSA & WNAZWA: Ohh Lumut.

NSA: Okey untuk soalan seterusnya, berkenaan sumbangan boleh encik ceritakan sumbangan yang pernah encik berikan dalam industri seni. Ada tak apa-apa sumbangan yang encik rasa encik telah berikan dalam industri seni and [dan] boleh encik ceritakan sumbangan yang pernah encik berikan tu.

RK: Sumbangan berbentuk apa tu?

WNAZWA: Dalam industri seni, maksudnya macam ada buat *charity* [amal jariah] ke.

RK: Sumbangan wang lah bukan sumbangan suara sumbangkan suara sumbangan kreatif saya.

NSA & WNAZWA: Boleh juga.

RK: Itu -- untuk semua orang lah semua boleh menyumbangkan dia punya bakat *and whether* [dan sama ada] benda tu dia buat untuk kerjaya dia, dia nak dapatkan duit buat *for free charity* [untuk amal percuma] biasa lah dan saya pun pernah lah buat *show* [pertunjukkan] menyanyi ataupun bagi apa, bagi (menyentuh muka) *workshop* [bengkel] ke apa untuk bayaran yang sikit sangat ataupun *free* [percuma] ada lah banyak lah juga saya buat Alhamdulillah. Sebab bakat seni kita ni pun boleh digunakan untuk *as* [sebagai] sebagai satu [1] sedekah, sebagai satu [1] sumbangan. Bukan saja duit bukan saja makanan, betul tak? Tetapi kalau nak kata lebih khusus lagi sebagai Radhi Khalid ialah saya *join* [sertai] dengan *family* [family] saya, saya buat sendiri, saya jual dengan persatuan saya untuk memberi sumbangan berbentuk wang berbentuk tolong masa orang tengah banjir dulu kita pergi sana tolong bersihkan tolong angkat barang tolong bagi duit ada lah juga (mengangguk kepala) benda-benda tu. Tapi kalau nak kata lebih khusus dalam masa sekarang ni saya buat *show* '*Hero*' *documentary magazine* '*Hero*' [majalah dokumentari '*Hero*'] berkenaan dengan wira-wira yang tidak didendang. Kita yang ramai *actually* [sebenarnya] jiran kita ke sape ke yang menolong membantu orang lain, orang yang susah, golongan asnaf ke golongan yang memerlukan ke aaa tidak kira bangsa. Jadi saya dalam *show* [pertunjukkan] ni saya nak cuba *highlight* [sorotan] kan diorang ni, ketengahkan diorang ni supaya orang lain pun tahu dan jadikan motivasi untuk menjadi seperti hero-hero kita ni. Diaorang bukan *famous* -- [terkenal] macam Tunku Abdul Rahman, P. Ramlee. Diaorang tak *famous* [terkenal] jadi kita nak *highlight* [sorotan] kan kerjaya diaorang kerja diorang, bantuan apa yang diorang bagi, siapa diorang tu sebagai motivasi kepada *especially* [terutamanya] anak-anak muda ni untuk tidak membuang masa dengan benda-benda yang tak berfaedah. Tetapi dan juga (mengangguk kepala) dapat menolong orang lain dan (mengangguk kepala) orang yang susah tu dapat dibantu. Dua-dua sekali lah kita punya tujuan.

WNAZWA: Dalam industri seni dan masyarakat juga lah kan Encik Radhi.

RK: Betul. Dan pada masa sama walaupun ini satu *shooting* [penggambaran] bagi saya satu - projek tapi kita beri juga sumbangan kepada mereka-mereka ni. Jadi sama-sama kita nak tunjuk kata *we can do it together* [kita boleh buat sama-sama] lah bukan nak tunjuk

kata saya ni baik sangat *team* [pasukan] saya ni nak menunjuk-nunjuk bagi sedekah ke apa. Tapi itu sebagai satu kesedaran untuk semua saya rasa (mengangguk kepala). Jadi kalau saya buat *show* [pertunjukkan] nak tunjuk orang ni baik ni saya ni sebagai orang tukang -- amik kamera tukang amik pengambaran tu saja lah. Jadi kalau saya sama-sama *involved* [terbabit] maksudnya saya antara *you* [awak] juga yang yang boleh menyumbang. Jadi *you* -- [awak] pun patut buat benda yang sama lah.

WNAZWA: Okey Encik Radhi, kita dah sampai ke soalan yang penghujung yang ditunggu-tunggu (tergelak).

RK: Takda lah *enjoy* [seronok] benda ni (tersenyum).

WNAZWA: Okey dia pasal harapan. Dia pasal harapan, apa harapan Encik Radhi terhadap industri seni pada masa kini dan akan datang, iaitu macam watak-watak lain yang menjadi impian Encik Radhi lah untuk berlakon yang masih belum (menggelengkan kepala) tercapai.

RK: Watak saya rasa saya dah insyaAllah Alhamdulillah saya dah mainkan pelbagai watak (mengangguk kepala). So itu saya tak (menggerakkan kepala ke kanan dan kiri) berapa tapi ada lah satu cerita tu '*Raju Raja*' saya nak buat dah lima belas [15] tahun sampai '*Raju Raja*' tu masa tu umur dia konon empat puluh [40] tahun sampai sekarang dah umur kalau lima belas [15] dekat lima puluh lima [55] tahun tak boleh nak jadi *hero* [wira] dah (tersenyum) jadi watak yang tua dah. '*Raju Raja*' filem dia (mengangguk kepala). Berkenaan dengan dua [2] adik-beradik berlainan bangsa, mak yang sama, berlainan agama tetapi dia orang terpisah disebabkan sesuatu (mengangguk kepala) dan dia orang bertemu kembali dengan tidak mengetahui mereka adalah adik-beradik. Jadi ini semua *about brotherhood, brother's* [tentang persaudaraan, abang] punya *love and mother's love* [kasih sayang dan kasih sayang ibu], satu mak. Jadi yang penting ibu punya sayang boleh aaa membawa kepada penyatuan adik-beradik. Sayang ibu dan sayang adik-beradik (menggerakkan tangan), bukan saje sayang Adam dan Hawa. '*Raju Raja*' tapi lain daripada tu saya harap industri kita akan di --- orang kata dihormati, dihargai oleh orang luar sana. Dan menjadikan industri kita ni lebih profesional dan kepada penggiat seni ataupun pembikin filem ni insyaAllah lakukan lah dengan ikhlas. Walaupun kita kena buat duit sebab itu kerjaya kita sebab itu bisnes kita tetapi pelakon pun bisnes dia produk maksudnya dia jual diri dia dalam cara tu bakat dia untuk

mendapat wang. Tetapi kalau dilakukan dengan ikhlas dengan jujur, saya rasa rezeki tu akan bertambah dan dia kita akan lebih dihormati. InsyaAllah. Itu itu harapan saya, kejujuran (mengangguk dan menunding jari).

WNAZWA: Berkenaan dengan ---

RK: Ehh kata dah *last* [terakhir].

WNAZWA: Haa ada masih bawah tajuk.

RK: Oh okay pandai ye (ketawa) a,b,c okey.

WNAZWA: Apa perancangan Encik Radhi pada masa hadapan dalam industri seni? (tersenyum).

RK: Harapan? Tadi dah sebut harapan untuk orang lebih mengiktiraf penggiat seni dan lebih bersikap profesional dan individu-individu itu sendiri (memejamkan mata) patut lebih -- ikhlas dalam kerjaya mereka.

NSA: Maaf Encik Radhi, tadi perancangan Encik Radhi pada masa akan datang (mengerakkan tangan dan tersenyum).

RK: Perancangan. Perancangan *in general* [secara umum] ke apa?

WNAZWA: Ha ah *in general* [secara umum] dalam industri seni.

RK: Kalau saya -- juga dalam persatuan dan *actually* [sebenarnya] kalau kita bukan persatuan kita sorang-sorang kadang-kadang susah sikit lah. Tapi kita masih membuat perubahan kalau kita nak kan (mengerakkan tangan). Tapi saya dalam persatuan saya Timbalan Presiden Karyawan itu satu persatuan yang membela nasib anak seni apa semua tu lah. Bukan kita nak gaduh (menggelengkan kepala) dengan mana-mana pihak tetapi sama-sama persatuan karyawan dan juga persatuan lain sama-sama (mengangguk kepala) kita cuba membantu anak-anak seni ni membela dan -- memberi lebih peningkatan dari segi profesionalisme apa semua lah. Jadi saya akan bergerak lebih cergas lah dengan badan-badan ni. Tetapi yang lebih penting adalah sikap kita sendiri. Kalau apa kita cuba buat

selama ni untuk -- kebijakan kebaikan semua orang, kalau orang tak hargai ataupun orang nampak enteng ataupun orang nak menekan ataupun orang tak profesional (menggelengkan kepala) tentang itu, jadi kerjaya kita dan industri ni tak kan berkembang dan tahap situ je lah ataupun *two steps forward, one step back* [dua langkah ke hadapan, satu langkah ke belakang]. Dah pergi ke depan lepastu dia ke belakang balik. Jadi kalau semua bersikap profesional dan *honest* [jujur] insyaAllah kita akan maju jaya. Jadi tu pengharapan saya (mengangguk kepala) dan saya rasa ia tak kan menjadi kalau kita semua tak bergabung dan bersatu hati.

WNAZWA: Okey Encik Radhi. Jadi kita pun dah habis, saya akan terus kepada sesi penutup.
Aaa boleh saya teruskan? (tersenyum).

RK: Boleh, silakan (tersenyum).

WNAZWA: Okey. Dengan ini tamat sesi temubual sejarah lisan sesi kedua mengenai artis veteran bersama Encik Radhi Khalid. Kami mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu tentang artis veteran era 80-an pada masa akan datang. Sekian terima kasih.

RK: Sekian terima kasih, minta maaf apa-apa yang kurang dan Alhamdulillah terima kasih sekali lagi sebab mengundang saya. *Stay safe everybody, God bless* [Jaga keselamatan semua, Tuhan memberkati].

WNAZWA: Terima kasih Encik Radhi.

RK: Sama.

LOG TEMUBUAL

6.0 LOG TEMUBUAL

| LOG | TOPIK | HURAIAN |
|----------------|--------------|---|
| 0:1:07-0:5:17 | Diri sendiri | <ul style="list-style-type: none"> • Nama beliau ialah Muhammad Radhieddeen bin Sheikh Abdul Khalid. • Beliau telah dilahirkan pada 4 Februari 1964. • Beliau berasal daripada Pulau Pinang. • Beliau telah dibesarkan di Bukit Gelugor. |
| 0:5:33-0:9:02 | Keluarga | <ul style="list-style-type: none"> • Nama bapa beliau ialah Muhammad Sheikh Abdul Khalid bin Sheikh Abdul Karim. • Nama ibu beliau ialah Rahimah Bee binti Mohd Hashim. • Beliau mempunyai dua puluh dua orang adik beradik. • Beliau merupakan anak yang ke dua belas daripada dua puluh dua adik beradik. • Hanya sepupu beliau sahaja yang turut terlibat dalam industri seni yang bernama Fauziah Ahmad Daud atau lebih dikenali sebagai Ogy Ahmad Daud. |
| 0:9:12-0:13:12 | Pendidikan | <ul style="list-style-type: none"> • Beliau bersekolah rendah di Francis Light School, Pulau Pinang. • Beliau telah mendapat peluang untuk melanjutkan pengajian ke tahap menengah di Kolej Sultan Abdul Halim, Kedah namun tidak dipersetujui oleh ayahnya dan akhirnya |

| | | |
|-----------------|----------|---|
| | | <p>menyambung pengajian tahap menengah di Penang Free School, Pulau Pinang dan Vento Academy, Petaling Jaya.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Beliau telah melanjutkan pengajian selepas tahap sekolah menengah di ITM Arau dalam bidang Diploma in Business Studies namun hanya mampu bertahan pada satu setengah tahun. |
| 0:13:25-0:31:11 | Pendapat | <ul style="list-style-type: none"> • Pada pendapat beliau, industri seni lebih diagungkan, diangkat tinggi, dihormati di negara eropah berbanding di Malaysia. Beliau berkata bahawa rakyat Malaysia memandang rendah kepada golongan artis dan seni kerana dianggap hanya benda yang mengejar glamor dan tidak layak untuk dihargai. Kata beliau lagi, rakyat Malaysia lebih menghargai artis luar berbanding dengan artis tempatan. • Beliau berkata industri seni mempunyai dua bahagian iaitu seni yang lebih kepada lukisan. Manakala satu lagi seni ialah seni yang merangkumi kepada seni persembahan seperti lakonan, filem, teater, dan nyanyian. • Perbezaan antara dua bidang industri seni yang telah disebutkan oleh beliau ialah satu seni melibatkan diri sendiri iaitu wajah dan rupa namun seni lagi satu ialah perlu datang dari hati dan menggunakan akal dan perlu menjadi lebih kreatif untuk mencipta sesuatu. |

| | | |
|-----------------|-----------------|--|
| | | <ul style="list-style-type: none"> • Kata beliau, perbezaan bidang lakonan dahulu dan sekarang banyak. Antaranya ialah kreativiti, keseriusan dalam bidang lakonan, dan banyak lagi. Dulu, artis diberi elaun rumah, hanya perlu fokus kepada lakonan namun gajinya tidak banyak. Sekarang, artis tidak terikat dengan mana-mana syarikat produksi, tiada gaji bulanan dan ada sesetegah artis yang menjadikan bidang lakonan sebagai separuh masa. |
| 0:31:25-0:52:05 | Idola | <ul style="list-style-type: none"> • Beliau tidak mengidolakan sesiapa namun hanya ada mengamumi bakat-bakat besar seperti P.Ramlee. • Beliau hanya mengagumi P.Ramlee kerana bakatnya yang begitu besar dan merangkumi pelbagai genre. P.Ramlee dikatakan boleh menyanyi, mencipta lagu, mengarah, dan menari. • Baginya, orang yang dikagumi oleh beliau telah menjadi sumber inspirasi untuk beliau terus menceburkan diri dalam bidang industri ini. • Beliau pernah berjumpa dengan P.Ramlee namun tiada sebarang tips yang pernah dikongsikan kerana waktu itu beliau masih kecil. Waktu itu, beliau hanya dapat meminta autograf daripada P.Ramlee. |
| 0:52:35-1:00:51 | Pilihan kerjaya | <ul style="list-style-type: none"> • Mula melibatkan diri dalam bidang lakonan pada usia sembilan belas tahun. |

| | | |
|-----------------|-----------------|---|
| | | <ul style="list-style-type: none"> • Melibatkan diri dalam bidang lakonan kerana minat yang mendalam untuk menjadi seorang pelakon dan sebagai satu jalan untuk melerikan diri daripada menyambung pengajian. • Menceburkan diri dalam bidang lakonan dengan bermula sebagai pengurus produksi, penolong pengarah, ejen pelakon dan akhirnya dapat menjadi pelakon secara sepenuh masa. • Tiada sesiapa yang telah mendorong beliau untuk terlibat dalam bidang lakonan malahan beliau telah mendapat tentangan daripada keluarga. |
| 1:04:25-1:09:33 | Ujibakat | <ul style="list-style-type: none"> • Watak yang berdialog untuk satu adegan yang berlatarkan tempat gunting rambut. • Andy Lala dan hampir sepeluh orang lain. • Dua hingga ke tiga orang panel. • Sitkom yang dibuat dalam studio di filem negara. • Perasaan yang dirasai ketika ujibakat adalah gementar, teruja, takut dan gembira. • Suasana di ujibakat ada ramai penari-penari yang terdiri daripada kumpulan yang Encik Radhi datang bersama dan mereka lah persaingan yang dirasainya. |
| 1:09:45-1:14:03 | Pengalaman awal | <ul style="list-style-type: none"> • Drama pertama yang dilakukan ialah Ranting-Ranting Rapuh. |

| | | |
|-----------------|--------|--|
| | | <ul style="list-style-type: none"> • Ranting-Ranting Rapuh berkisahkan tentang seorang lelaki yang nakal dan ketagih dadah. • Pelakon-pelakon yang turut terlibat dalam drama itu ialah Faizal Hussein. • Pengarah drama itu ialah arwah M. Osman. <p>11.0 Bayaran yang diterima sewaktu drama pertama itu adalah anggaran RM300 lebih.</p> |
| 1:14:08-1:23:37 | Drama | <ul style="list-style-type: none"> • Antara drama-drama yang pernah dilakukan ialah Sepana Jaya, IQ Genius, Semarai dan Sofia. • Bayaran yang diterima adalah dalam ratusan ringgit sahaja. • Drama yang paling disukai ialah Sofia. • Sebab drama ini disukai kerana terdapat pelakon yang diminati iaitu Sofia Jane yang pada ketika itu merupakan artis popular yang dikenali ramai. • Drama yang memberi kesan mendalam ialah Sepana Jaya. i. Sebab drama ini memberikan kesan mendalam kerana beliau berasa telah berjaya menawan hati penonton dengan membawa watak Mat Bangladesh sehingga ada yang percaya bahawa beliau sememangnya berasal dari negara Bangladesh. |
| 1:23:48-1:37:06 | Teater | <ul style="list-style-type: none"> • Teater pertama yang dilakukan ialah Kris Sang Puteri di Istana Budaya. • Teater lain yang pernah dilakukan ialah LKY iaitu Lee Kuan Yew. |

| | | |
|-----------------|-------------|--|
| | | <ul style="list-style-type: none"> • Teater LKY itu dilakukan di Singapura. • Teater LKY, beliau telah memegang watak Tunku Abdul Rahman. • Bagi teater LKY, bayaran yang diterima ialah mengikut kadar mata wang Singapura anggaran dalam berpuluhan ribu ringgit. • Teater yang paling disukai ialah LKY kerana karakter yang dilakukan itu seperti gila, psikotik dan gila kuasa. • Teater LKY juga memberi kesan yang mendalam kerana beliau tidak mempunyai rakan-rakan artis di Singapura yang mahu berkawan dan bertegur sapa selama beberapa bulan beliau di Singapura. |
| 1:37:14-1:44:34 | Filem | <ul style="list-style-type: none"> • Filem yang pernah dilakukan ialah Qaisy dan Laila, Penyu dan Sumolah. • Beliau memegang watak sebagai askar di dalam filem Qaisy dan Laila. • Bayaran yang diterima adalah anggaran berbelas ribu ringgit. • Filem yang paling disukai ialah Sumolah kerana perlukan latihan untuk adegan bergaduh sehingga tengkungnya pernah tercedera dan juga beliau suka kerana penggambaran filem ini di Filipina dan beliau merasa itu adalah pengalaman berlakon di luar negara. |
| 1:44:47-1:47:12 | Pengacaraan | <ul style="list-style-type: none"> • Antara rancangan-rancangan yang pernah beliau mengcara ialah pertunjukan tradisional, rancangan |

| | | |
|-----------------|----------------|---|
| | | Babas dan banyak lagi tetapi beliau tidak dapat mengingat rancangan-rancangan yang lain. |
| 1:47:36-1:51:56 | Kenangan Manis | <ul style="list-style-type: none"> Kenangan manis sepanjang berada dalam industri lakonan adalah <i>Road Tour Sepana Jaya</i>. <i>Road Tour Sepana Jaya</i> tersebut dilaksanakan di banyak negeri di Semenanjung Malaysia dan juga Sabah dan Sarawak. Pelakon-pelakon di dalam Sepana Jaya terlibat sama dalam <i>Road Tour Sepana Jaya</i> itu. Beliau sangat teruja kerana ramai peminat yang sangat menghormati dan beramah mesra dengan beliau kerana ketika itu beliau merasa sangat terkenal disebabkan watak Mat Bangladesh yang dipegang di dalam Sepana Jaya itu. |
| 1:52:07-1:56:55 | Kenangan Pahit | <ul style="list-style-type: none"> Kenangan pahit yang pernah dialami dalam industri lakonan adalah ketika teater LKY di Singapura. Kenangan pahit ini berlaku selama dua setengah bulan beliau di Singapura. Pelakon-pelakon lain yang turut terlibat dalam teater ini tidak menegur, bercakap langsung dengan beliau. Beliau menganggap bahawa gaya kaedah Stanislavski iaitu terlampau menjiwai watak dan menjadi realiti terhadap watak yang dipegang. Akan tetapi beliau merasa gaya kaedah sebegitu adalah salah dan tidak tepat. |

| | | |
|-----------------|--|---|
| 1:57:04-2:01:55 | Anugerah | <ul style="list-style-type: none"> • Anugerah yang pernah diperolehi ialah Pelakon Pembantu Terbaik di Festival Filem Malaysia untuk filem Qaisy dan Laila. • Anugerah untuk Pelakon Pembantu Terbaik di Festival Filem Malaysia untuk filem Qaisy dan Laila merupakan anugerah yang tidak disangka-sangka akan dapat. • Beliau tidak merasakan impak yang besar terhadap anugerah yang didapati kerana ada segelintir yang langsung tidak peduli dengan anugerah yang dimiliki. |
| 2:02:09-2:06:24 | Perkembangan (jika ada terlibat dalam bidang lain) | <ul style="list-style-type: none"> • Antara karier lain yang pernah beliau terlibat ialah pengacaraan, peragaan, menyanyi, penari tradisional dan penari moden. • Kini beliau hanya melibatkan diri dalam bidang nyayian, lakonan dan pengacaraan. • Sebab melibatkan diri dalam bidang-bidang ini adalah kerana minat. • Tiada punca rezeki lain tetapi beliau berhajat untuk membuka restoran kerana beliau minat untuk memasak dan memberikan makanan kepada mereka yang memerlukan. • Kesan yang terjadi pada karier beliau sepanjang Covid-19 adalah seperti banyak yang terbengkalai dan juga ada terdapat empat insiden yang telah menawarkan untuk berlakon tetapi |

| | | |
|-----------------|-----------|---|
| | | <p>kemudiannya hanya diam tanpa khabar berita.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Akan tetapi beliau masih lagi dapat tawaran untuk berlakon dalam beberapa watak besar, sederhana dan kecil. |
| 2:06:34-2:09:52 | Sumbangan | <ul style="list-style-type: none"> • Beliau pernah mengadakan amal percuma dalam bentuk nyanyian dan juga bengkel lakonan percuma. • Beliau juga pernah memberikan pertolongan mangsa banjir. • Kini beliau sedang sibuk mengadakan penggambaran majalah dokumentari yang bertajuk Hero. • Hero ini adalah melibatkan bantuan-bantuan yang diberikan kepada golongan susah, golongan asnaf tanpa mengira bangsa. |
| 2:10:23-2:14:36 | Harapan | <ul style="list-style-type: none"> • Watak lakonan yang menjadi harapan adalah dalam filem Raju Raja. • Harapan beliau dalam industry seni adalah untuk orang lebih mengiktiraf penggiat seni dan lebih bersikap profesional dan individu-individu itu sendiri patut lebih ikhlas dalam kerjaya mereka. • Perancangan beliau pada masa hadapan dalam industri seni iaitu beliau merupakan Timbalan Presiden Karyawan itu satu persatuan yang membela nasib anak seni apa semua. • Beliau ingin cuba membantu anak-anak seni, membela dan memberi lebih peningkatan dari segi profesionalisme. |

Jadi beliau akan bergerak lebih cergas dengan badan-badan ni.

- Nasihat dan kata-kata semangat yang diberikan adalah semua mestilah bersikap profesional dan jujur maka semua akan maju jaya. Pengharapan beliau adalah semua mestilah bergabung dan bersatu hati untuk menjadikan pengakhiran hasil yang baik.

RALAT

7.0 RALAT

Sepanjang dua jam lima belas minit temubual bersama artis veteran era 80-an Radhi Khalid ini dijalankan, terdapat beberapa ralat yang telah mengganggu proses temubual tersebut. Antara ralat yang berlaku ialah:

- ii. Suara yang tidak jelas dan terputus-putus disebabkan rangkaian internet yang perlahan di antara artis dan penemubual.
- iii. Terputus sambungan disebabkan tiada rangkaian internet.
- iv. Bunyi kanak-kanak bermain dan bunyi mesin pemotongan.
- v. Suara penemubual sedang batuk.

GLOSARI

8.0 GLOSARI

| | |
|-------------------------|---|
| Anugerah Skrin | Anugerah Skrin (ASK) ialah satu acara tahunan yang memberi pengiktirafan kepada rancangan-rancangan televisyen dan filem-filem buatan Malaysia, serta para pelakon dan personaliti televisyen yang terbaik. Anugerah Skrin dianjurkan setiap tahun oleh TV3 kecuali tahun 2000, 2002, dan 2004. Mula-mulanya, Anugerah Skrin hanya membuka pencalonan bagi kategori-kategori yang melibatkan terbitan televisyen kepada rancangan-rancangan yang disiarkan di TV3, tetapi sejak tahun 2006, pihak pengajur memutuskan untuk membuka peluang kepada pencalonan bahan-bahan siaran RTM, Astro, Bernama, TV AlHijrah, dan HyppTV di samping keempat-empat stesen televisyen naungan Media Prima (TV3, ntv7, 8TV, TV9). |
| Autografi | Tulisan tangan seseorang terutama tandatangannya: buku-buku yg di dalamnya terdapat tandatangan orang-orang tertentu (terutama orang yg terkenal). |
| Berita Harian | Edisi pertamanya pada 1957, akhbar ini menggunakan kandungan yang sama dengan akhbar Straits Times. Terdapat juga majlis penganugerahan tahunan anjuran akhbar Berita Harian Anugerah Bintang Popular (ABP) untuk memberi pengiktirafan kepada para penggiat seni dan penghibur yang paling digemari ramai dalam industri hiburan. |
| Festival Filem Malaysia | Festival Filem Malaysia (FMM) adalah sebuah acara tahunan kebangsaan yang telah dilangsungkan sejak tahun 1980 untuk mengiktiraf hasil kerja penggiat seni perfileman tanah air. |

| | |
|--|--|
| Filem | Filem adalah karya seni yang dibuat melalui penggantian imej video dan bunyi. Pembuatan filem adalah tanggungjawab seorang pengarah. Pada masa yang sama, filem tersebut mempunyai cerita dalam bentuk skrip. Skrip ini bertindak oleh pelakon dan pelakon yang merangkumi watak-watak. |
| Jom Heboh | Jom Heboh adalah acara padang tahunan terbesar dan berjaya meraih ribuan pengunjung daripada kalangan penonton setia rangkaian televisyen Media Prima Berhad dan pertama kali ia diadakan pada 2003. Dianjurkan bagi mempromosikan stesen, produk dan jenama TV3 yang dimulakan sejak tahun 2003. Pelbagai aktiviti menarik untuk golongan remaja dan keluarga diadakan dalam karnival bergerak ini. Acara utama ialah konsert nyanyian penyanyi tempatan dan disiarkan secara langsung melalui stesen TV3. |
| <i>Method Style</i> <i>Stanislavski</i> | Gaya kaedah Stanislavski percaya bahawa setiap perkara yang berlaku di atas pentas adalah berbeza sama sekali dengan setiap kejadian dalam kehidupan nyata sehari-hari manusia. Tetapi ‘ <i>scenic truth</i> ’ atau kebenaran dalam lakonan dapat dicapai semasa di atas pentas dan lakonan. Pelakon atau pemain seharusnya dapat mempengaruhi penonton supaya penonton percaya bahawa setiap babak yang dimainkan oleh pemain adalah benar. Salah satu daripada kaedah yang digunakan oleh Stanislavski untuk mencapai tahap tersebut dalam lakonan adalah berdasarkan teknik ‘magic if’. Pelakon perlu menanyakan diri mereka tentang: Bagaimana sekiranya mereka di tempat tersebut? Selain itu, Apakah yang bakal saya lakukan sekiranya saya berada dalam situasi itu (watak yang dilakonkan)? ‘Magic if’ mampu untuk membuatkan pelakon untuk cuba |

mendalami watak yang mereka mainkan kepada suatu lakonan yang lebih realisme.

MIC (*Malaysian Indian Congress*)

MIC dalam bahasa melayu adalah Kongres India Malaysia iaitu sebuah parti politik di Malaysia dan satu daripada anggota pengasas, parti gabungan, Barisan Nasional, sebelumnya dikenali sebagai Parti Perikatan, yang mana ia telah berkuasa memerintah negara Malaysia sejak kemerdekaan pada 1957.

Puasa

Menahan diri daripada melakukan perkara-perkara yang membatalkan puasa bermula dari terbit fajar hingga terbenam matahari beserta dengan niat. Puasa juga boleh difahami sebagai mencegah diri daripada memenuhi dan melayan tuntutan syahwat perut seperti memasukkan sesuatu ke dalam rongga badan pada waktu yang tertentu iaitu dari fajar sehingga terbenam matahari. Puasa adalah perkara wajib yang perlu dilakukan oleh orang Islam.

Shaw Brothers

Shaw Brothers adalah sebuah syarikat profileman yang mula ditubuhkan pada tahun 1958. Dan kini Shaw sudah lama tidak aktif lagi. Dahulunya syarikat ini telah mengeluarkan filem-filem yang dapat menawan hati penonton.

Teater

Istilah teater berasal dari bahasa Yunani yang boleh diterjemahkan sebagai ruang atau tempat untuk renungan. Teater adalah sebahagian daripada kumpulan seni persembahan. Perkembangannya dikaitkan dengan pelakon yang mewakili cerita sebelum penonton. Ini seni, oleh itu,

menggabungkan pelbagai elemen, seperti isyarat, ucapan, muzik, bunyi dan scenografi.

INDEKS

9.0 INDEKS

A

Adegan 30, 34, 39, 50, 51, 56, 69, 71

Anugerah 23, 33, 43, 49, 56, 57, 58, 73, 79, 98

Anugerah Skrin 43, 49, 79

Autografi 29, 68, 79, 89

B

Bayaran 9, 37, 40, 46, 47, 49, 61, 70, 71, 96, 97, 98

Berita Harian 53, 79, 89

Budaya 43, 44, 47, 49, 70

C

Cabaran 2, 6, 52, 55

Calon 43, 49, 57, 79, 101

Cerita 14, 16, 17, 24, 34, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 46, 48, 50, 51, 56, 60, 62, 80, 94, 96, 97, 98, 99

Cina 13, 45, 46

D

Dialog 9, 34, 35, 37, 55, 56, 69

Dibunuh 39

Drama 7, 9, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 54, 69, 70, 90, 96, 97, 108

E

Elaun 22, 27, 47, 68

F

Festival Filem Malaysia 49, 73, 79, 80

Filem 4, 7, 9, 13, 14, 20, 31, 34, 35, 38, 40, 41, 47, 48, 49, 50, 53, 55, 57, 58, 62, 67, 69, 71, 73, 74, 79, 80, 81, 89, 90, 97, 108

H

Harga 19, 24, 47, 49, 51, 54, 57, 58, 62, 64, 67

Hero 36, 37, 39, 43, 44, 50, 61, 62, 74, 90

Heroin 44, 50

Hobi 19, 23, 33, 53, 58

Hormat 12, 18, 19, 23, 24, 26, 27, 28, 31, 33, 34, 42, 54, 62, 63, 67, 72

I

India 20, 23, 29, 45, 46, 81

Industri seni 4, 7, 9, 16, 18, 19, 20, 21, 24, 58, 59, 60, 61, 62, 63, 66, 67, 74, 92, 94, 95, 99, 100

Istana Budaya 44, 47, 70

J

Jom Heboh 53, 80

Juri 35, 96

K

Karakter 25, 41, 48, 56, 71

Kategori 43, 49, 57, 79, 102

Kerajaan 18, 19, 26, 47

Konsep 42, 56

Kos 17, 18, 20, 44, 46

Kuasa 45, 48, 54, 71, 81

Kumpulan 24, 34, 35, 69, 81, 104

L

Lakonan 4, 7, 9, 10, 18, 20, 21, 22, 24, 25, 28, 29, 30, 31, 32, 34, 36, 37, 50, 53, 58, 67, 68, 69, 72, 73, 74, 80, 81, 95, 96, 97, 98, 99, 113

Latihan 34, 37, 50, 55, 71

M

Masyarakat 4, 6, 7, 9, 18, 19, 26, 37, 61, 96, 99

Melayu 9, 14, 24, 40, 45, 46, 51, 52, 55, 81, 89, 90

MIC (*Malaysian Indian Congress*) 17, 60, 81, 89

Minat 4, 12, 31, 32, 47, 53, 54, 59, 69, 70, 72, 73

P

Pelakon 4, 9, 12, 13, 20, 22, 24, 25, 26, 27, 29, 30, 31, 32, 34, 37, 40, 41, 43, 44, 47, 49, 50, 51, 53,
54, 56, 57, 58, 62, 69, 70, 72, 73, 79, 80, 81, 92, 96, 100

Pendidikan 16, 33, 66, 89, 94, 106

Pengacara 21, 30, 31, 51, 52, 58, 71, 73, 92, 98, 110

Pengarah 4, 7, 9, 31, 50, 58, 69, 70, 80

Penyanyi 24, 32, 53, 80, 92

Popular 37, 39, 40, 47, 49, 53, 54, 55, 70, 79

Produksi 22, 23, 31, 40, 44, 49, 50, 53, 57, 59, 60, 68, 69

R

Raptai 51, 55, 56

S

Seni 4, 7, 9, 12, 13, 16, 18, 19, 20, 21, 23, 24, 28, 29, 30, 33, 56, 58, 59, 60, 61, 62, 63, 66, 67, 74,
79, 80, 81, 90, 92, 94, 95, 99, 100

Shaw Brothers 22, 81

Siaran langsung 35, 38, 51, 52

Sitkom 34, 69

Skrip 1, 2, 9, 12, 24, 27, 42, 43, 80, 102, 103, 104

T

Tajuk 34, 36, 38, 39, 41, 42, 43, 44, 63, 74, 96, 97, 101

Teater 7, 9, 20, 29, 42, 43, 44, 46, 47, 48, 55, 67, 70, 71, 72, 81, 89, 90, 97, 109

Teratas 23, 28, 40, 43, 49, 57, 58

Tuhan 12, 34, 54, 59, 64

TV 38, 39, 47, 51, 52, 53, 79, 80

U

Ujibakat 34, 35, 69, 96

V

Veteran 1, 2, 6, 7, 9, 10, 12, 23, 28, 29, 33, 34, 64, 77, 89

W

Wang 20, 46, 61, 63, 71

Watak 4, 9, 24, 25, 27, 32, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 41, 42, 43, 44, 46, 48, 49, 51, 55, 56, 57, 58, 60, 62, 69, 70, 71, 72, 74, 80, 81, 96, 97, 99

BIBLIOGRAFI

10.0 BIBLIOGRAFI

Azrul Radi. (13 Disember 2020). Artis veteran perlukan perhatian, bantuan. Suara Merdeka. Bahan diakses pada 6 November 2021, daripada <https://suaramerdeka.com.my/artis-veteran-perlukan-perhatian-bantuan/>

Berita Harian Online. (2021). *Sejarah*. Diakses pada 2 Januari, 2022, daripada <https://www.bharian.com.my/basic-page-5>

FACTS-NEWS.ORG. (n.d.). *Definisi Filem*. Diakses pada 2 Januari, 2022, daripada <https://ms.facts-news.org/definisi-filem>

Samad, R. A. A. (2019). *Maksud autograf*. Makna Perkataan. Diakses pada 30 Disember, 2021, daripada <https://makna.online/autograf/>

Vokabulario. (2022). *DEFINISI TEATER - PERBENDAHARAAN KATA - 2022*. Dictionary apps. Diakses pada 30 Disember, 2021, daripada <https://ms.emsayazilim.com/definici-n-de-teatro>

Gp, M. (2021, December 10). *Info Penuh Festival Filem Malaysia (FFM) 31 2021*. iluminasi. Diakses pada 2 Januari, 2022, daripada <https://iluminasi.com/bm/info-penuh-festival-filem-malaysia-ffm-31-2021.html>

Hasnur Husna. (n.d.). *Pendidikan Islam Secara Umum*. Blogger.com. Diakses pada 31 Disember, 2021, daripada <http://076115citu.blogspot.com/2009/04/pengertian-puasa.html>

Iylia Fikri. (2014, Januari 11). *TEKNIK STANISLAVSKI DAN BRECHT*. Blogger.com. Diakses pada 2 Januari, 2022, daripada <http://iyliafikri.blogspot.com/2014/01/teknik-stanislavski-dan-brech.html>

MIC - Definisi MIC dalam kamus Melayu. (n.d.). educalingo. Diakses pada 1 Januari, 2022, daripada <https://educalingo.com/ms/dic-ms/mic>

Muhammad ShahrulReza Bin Roslan. (2019). PELAKSANAAN DAN PENDEDAHAN TEKNIK ASAS LAKON DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN 2, SMK MUHIBBAH @ SEKOLAH SENI MALAYSIA PERAK (SSeMPk). Bahan diakses pada 9 November 2021, daripada

<https://ir.unimas.my/id/eprint/30189/1/PELAKSANAAN%20DAN%20PENDEDAHAN%20TEKNIK%20ASAS%2024pgs.pdf>

Prof. Dr. Siti Rugayah Hj. Tibek. (n.d.). Seni lakon (drama, teater dan filem) dari perspektif islam.

Course Hero. Bahan diakses pada 5 November 2021, daripada
<https://www.coursehero.com/file/50695182/seni-lakon-artikelSENI-LAKON-20191015013538pdf/>

Salleh, A. (2021). *ULASAN | Menjelang seabad usia sejarah filem Melayu*. Malaysiakini. Diakses pada 1 Januari, 2022, daripada <https://www.malaysiakini.com/hiburan/570916>

LAMPIRAN

11.0 LAMPIRAN

11.1 Biografi Artis



| | |
|--------------|--|
| Nama | Muhammad Radhieddeen bin Sheikh Abdul Khalid |
| Tarikh Lahir | 4 Februari 1964 |
| Tempat Lahir | Pulau Pinang |
| Alamat | Kuala Lumpur |
| No Telefon | 019-2119244 |
| Emel | radhikhalid@yahoo.com |
| Profesyon | Pelakon, Pengarah, Pengacara, Penyanyi |
| Bidang | Industri Seni |

11.2 Surat Perjanjian



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya Muhammad Radzi eddeee K/P: 640304075392
bin Abdell Ghelid dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:-
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

Radzi edde
(Nama tokoh) Muhammad,
Tarikh: Radzi eddeen
bin Abd Ghelid

JW
.....
(Siti Noorsiah Binti Jamaludin)
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

11.3 Senarai Soalan

SOALAN ORIENTASI

a) Diri sendiri

BOLEH ENCIK BERKONGSI SERBA SEDIKIT DENGAN KAMI TENTANG DIRI ENCIK?

- Siapakah nama sebenar encik?
- Bilakah encik dilahirkan?
- Encik berasal dari mana?
- Dimanakah encik telah dibesarkan?

b) Keluarga

BOLEH ENCIK CERITAKAN TENTANG KELUARGA ENCIK DENGAN KAMI?

- Siapa nama ibu bapa encik?
- Apakah pekerjaan ibu bapa encik?
- Encik mempunyai berapa orang adik-beradik?
- Encik anak yang ke berapa dalam keluarga?
- Adakah sesiapa dalam keluarga encik yang turut terlibat dalam industri seni?

c) Pendidikan

BOLEH ENCIK CERITAKAN KEPADA KAMI TENTANG LATAR BELAKANG PENDIDIKAN ENCIK?

- Di manakah encik bersekolah rendah?
- Di manakah encik bersekolah menengah?
- Adakah encik ada melanjutkan pengajian ke institusi lain selepas tahap sekolah menengah?

SOALAN UMUM

a) Pendapat

BOLEH KAMI TAHU PENDAPAT ENCIK TENTANG INDUSTRI SENI?

- Apakah tanggapan encik terhadap industri seni?
- Adakah encik tahu industri seni ini mempunyai berapa cabang?
- Pada pendapat encik, apakah perbezaan antara cabang industri seni yang encik sebutkan sebentar tadi?
- Apakah perbezaan yang encik dapat lihat dalam bidang lakonan pada masa dahulu dan kini?

b) Idola

SIAPAKAH YANG ENCIK JADIKAN SEBAGAI IDOLA DALAM INDUSTRI SENI INI SEBAGAI INSPIRASI DALAM DUNIA LAKONAN?

- Siapakah nama idola itu?
- Mengapa beliau menjadi idola encik?
- Pada pendapat encik, adakah idola ini menjadi sumber inspirasi kepada encik untuk menceburkan diri dalam mana-mana industri seni?
- Pernahkah encik berjumpa dengan beliau?
- Jika ya, adakah sebarang tips yang dikongsikan?

SOALAN SPESIFIK

a) Pilihan kerjaya

BOLEHKAH ENCIK KONGSIKAN DENGAN KAMI TENTANG BIDANG KERJAYA YANG ENCIK CEBURI?

- Bilakah encik mula melibatkan diri dalam bidang lakonan?
- Bagaimana encik boleh menceburi bidang lakonan ini?
- Siapakah yang telah mendorong encik untuk terlibat dalam bidang lakonan?
- Siapakah yang menjadi idola encik dalam bidang lakonan?

b) Ujibakat

SEBELUM MEMASUKI INDUSTRI LAKONAN, ADA TAK UJIBAKAT YANG ENCIK HADIR?

- Sewaktu ujibakat tersebut, apakah watak yang telah encik lakonkan?
- Siapakah yang turut terlibat sewaktu encik melakonkan watak tersebut?
- Siapakah yang telah menjadi juri sewaktu ujibakat itu?
- Bilakah waktu ujibakat itu dijalankan?
- Di manakah ujibakat itu diadakan?
- Apakah perasaan encik waktu itu?
- Adakah banyak persaingan waktu itu?
- Bagaimanakah suasana di ujibakat tersebut?

c) Pengalaman awal

BOLEHKAH ENCIK CERITAKAN PENGALAMAN AWAL SEWAKTU ENCIK MULA MENCEBURKAN DIRI DALAM INDUSTRI LAKONAN?

- Apakah tajuk drama pertama yang mula encik berlakon?
- Drama tersebut berkisahkan tentang apa?
- Dalam drama tersebut, encik memegang watak sebagai apa?
- Siapakah pelakon-pelakon lain yang turut terlibat waktu itu?
- Siapakah pengarah untuk drama itu?
- Berapakah bayaran yang encik terima sewaktu mula-mula berlakon dalam drama ini?
- Apakah penerimaan masyarakat terhadap lakonan pertama encik ini?

d) Drama

BOLEH ENCIK CERITAKAN TENTANG DRAMA-DRAMA YANG PERNAH ENCIK BERLAKON?

- Apakah tajuk drama-drama yang pernah encik berlakon?

- Apakah watak yang dipegang dalam drama tersebut?
- Berapakah bayaran yang diterima sewaktu berlakon dalam drama tersebut?
- Apakah drama yang paling encik suka waktu itu?
- Kenapa encik suka tentang drama itu?
- Antara drama yang pernah encik lakonankan, ada tak mana-mana drama yang memberi kesan mendalam terhadap diri encik?
- Mengapa drama itu memberi kesan kepada diri encik?

e) Teater

BOLEH ENCIK CERITAKAN TENTANG TEATER-TEATER YANG PERNAH ENCIK BERLAKON?

- Apakah tajuk teater yang pernah encik berlakon?
- Apakah watak yang dipegang dalam teater tersebut?
- Berapakah bayaran yang diterima sewaktu berlakon dalam teater tersebut?
- Apakah teater yang paling encik suka lakonkan?
- Kenapa encik suka tentang teater itu?
- Antara teater yang pernah encik lakonankan, ada tak mana-mana teater yang memberi kesan mendalam terhadap diri encik?
- Mengapa teater itu memberi kesan kepada diri encik?

f) Filem

BOLEH ENCIK CERITAKAN TENTANG FILEM-FILEM YANG PERNAH ENCIK BERLAKON?

- Apakah tajuk filem yang pernah encik berlakon?
- Apakah watak yang dipegang dalam filem tersebut?
- Berapakah bayaran yang diterima sewaktu berlakon dalam filem tersebut?
- Apakah filem yang paling encik suka waktu itu?
- Kenapa encik suka tentang filem itu?
- Antara filem yang pernah encik lakonankan, ada tak mana-mana filem yang memberi kesan mendalam terhadap diri encik?
- Mengapa filem itu memberi kesan kepada diri encik?

g) Pengacaraan

BOLEH ENCIK CERITAKAN TENTANG BIDANG PENGACARAAN YANG PERNAH ENCIK TERLIBAT?

- Apakah antara rancangan-rancangan yang pernah encik mengacara?
- Antara rancangan-rancangan yang pernah encik mengacara, apakah rancangan yang paling encik rasa sukar untuk mengacara?
- Kenapa encik merasa begitu?

h) Kenangan manis

SEPANJANG ENCIK BERADA DALAM INDUSTRI LAKONAN, ADA TAK KENANGAN MANIS YANG ENCIK PALING TAK BOLEH NAK LUPAKAN?

- Kenangan itu berkenaan dengan apa?
- Bilakah waktu kenangan itu?
- Di manakah kenangan itu berlaku?
- Siapakah yang turut terlibat dalam kenangan itu?
- Kenapa beliau yang encik sebutkan sebentar tadi turut terlibat dalam kenangan manis yang encik tak dapat lupakan?

i) Kenangan pahit

SEPANJANG ENCIK BERADA DALAM INDUSTRI LAKONAN, ADA TAK KENANGAN PAHIT YANG ENCIK PALING TAK BOLEH NAK LUPAKAN?

- Kenangan itu berkenaan dengan apa?
- Bilakah waktu kenangan itu?
- Di manakah kenangan itu berlaku?
- Siapakah yang turut terlibat dalam kenangan itu?
- Kenapa beliau yang encik sebutkan sebentar tadi turut terlibat dalam kenangan pahit yang encik tak dapat lupakan?

j) Anugerah

ADAKAH ANUGERAH YANG PERNAH ENCIK TERIMA SEPANJANG KARIER ENCIK?

- Apakah anugerah yang pernah encik perolehi sepanjang mencebur i bidang lakonan?
- Antara anugerah yang pernah encik dapat, anugerah manakah yang encik tidak sangka akan dapat?
- Yang manakah anugerah yang memberi impak dalam diri encik?
- Mengapakah encik merasa anugerah itu memberi impak kepada encik?

k) Perkembangan (jika ada terlibat dalam bidang lain)

APAKAH PERKEMBANGAN DALAM KARIER ATAU KEHIDUPAN ENCIK YANG TERKINI?

- Selain berlakon, adakah encik terlibat dengan lain-lain yang melibatkan industri seni?
- Jika ada, apakah bidang industri seni lain encik terlibat itu?
- Apakah sebab encik melibatkan diri dalam bidang industry seni tersebut?
- Selain berlakon, apakah punca rezeki encik yang bukan melibatkan industri seni?
- Apakah kesan yang terjadi kepada karier encik sepanjang pandemik Covid-19?

l) Sumbangan

BOLEHKAH ENCIK CERITAKAN SUMBANGAN YANG PERNAH ENCIK BERIKAN?

1. Industri Seni

- Ada tak apa-apa sumbangan yang telah diberikan oleh encik?
- Boleh encik ceritakan sumbangan yang pernah encik berikan pada industri seni?

2. Masyarakat

- Ada tak apa-apa sumbangan yang telah diberikan oleh encik?
- Boleh encik ceritakan sumbangan yang pernah encik berikan pada masyarakat?

m) Harapan

APAKAH HARAPAN ENCIK TERHADAP INDUSTRI SENI PADA MASA INI DAN AKAN DATANG?

- Apakah watak-watak lain yang menjadi impian encik untuk berlakon yang masih belum tercapai?
- Apakah harapan encik dalam industri lakonan pada masa kini?
- Apakah perancangan encik pada masa hadapan dalam industri seni?

- Boleh encik berikan beberapa tips yang encik amalkan sepanjang dalam karier encik?
- Boleh encik berikan nasihat atau kata-kata semangat kepada pelakon yang baru mencebur dalam bidang industri seni?

11.4 Diari Penyelidikan

| TARIKH | MASA/LOKASI | TINDAKAN |
|-----------------|-----------------------------------|--|
| 13 Oktober 2021 | 1500-1550 Google Meet | <ul style="list-style-type: none"> Wan dan Syahirah telah diberikan penerangan oleh Puan Siti Noorsiah tentang projek sejarah lisan. Beliau menerangkan untuk mencari calon artis yang sesuai untuk ditemubual. Terdapat beberapa orang artis yang perlu dipilih untuk ditemubual. Puan Siti Noorsiah menerangkan serba sedikit tentang kriteria-kreateria yang perlu ada dalam projek sejarah lisan yang perlu dibuat. |
| 20 Oktober 2021 | 0800-0950 Whatsapp | <ul style="list-style-type: none"> Wan dan Syahirah berbincang untuk memilih artis bagi projek sejarah lisan. Setelah membuat pencarian serba sedikit tentang artis yang hendak dipilih, Wan dan Syahirah bersetuju untuk memilih Encik Radhi Khalid sebagai artis untuk ditemubual. |
| 22 Oktober 2021 | 1500-1550 Google dan Instagram | <ul style="list-style-type: none"> Wan dan Syahirah membuat pencarian di Internet dan cara bagaimana untuk berhubung dengan artis yang perlu ditemubual. Menjumpai media sosial iaitu melalui aplikasi Instagram yang digunakan oleh artis yang hendak ditemubual. |
| 30 Oktober 2021 | 1500-1550 Google Meet | <ul style="list-style-type: none"> Menerima arahan untuk membuat kertas kerja berkaitan dengan tajuk yang dipilih. Puan Siti Noorsiah telah menerangkan dengan jelas perkara-perkara yang perlu dimasukkan dalam kertas kerja. |


| | | |
|------------------------|-------------------------------------|---|
| | | <ul style="list-style-type: none"> Puan Siti Noorsiah menunjukkan contoh transkrip daripada pelajar-pelajar semester lepas untuk dijadikan panduan oleh kami di masa akan datang. |
| 30 Oktober 2021 | 2000-2150 Google dan Whatsapp | <ul style="list-style-type: none"> Wan dan Syahirah membuat pencarian berkenaan dengan artis. Berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan, kami bersetuju untuk memilih Encik Radhi Khalid sebagai artis untuk temubual kami. |
| 31 Oktober 2021 | 1000-1050 Instagram dan Whatsapp | <ul style="list-style-type: none"> Wan dan Syahirah telah menghubungi Encik Radhi Khalid melalui aplikasi Instagram dan Whatsapp bagi mendapatkan persetujuan beliau untuk ditemubual. Encik Radhi Khalid telah menetapkan tarikh untuk sesi perkenalan sebelum ditemubual pada tarikh 1 November 2021. |
| 20 Oktober 2021 | 0800-0950 Google Meet | <ul style="list-style-type: none"> Puan Siti Noorsiah menerangkan cara untuk membuat senarai soalan temubual bersama artis. |
| 25 Oktober 2021 | 2000-2250 Whatsapp | <ul style="list-style-type: none"> Wan dan Syahirah membahagikan bahagian kertas kerja dan senarai soalan kepada beberapa bahagian untuk disiapkan. Wan dan Syahirah mula membuat kertas kerja yang telah diarahkan mengikut bahagian masing-masing. |
| 9 November 2021 | 1500-1550 Google Meet | <ul style="list-style-type: none"> Wan dan Syahirah menunjukkan senarai soalan temubual kepada Puan Siti Noorsiah. Soalan perlu ditambah lebih banyak dan perlu dikelaskan mengikut kategori. |

| | | |
|-------------------------|--------------------------|---|
| | | <ul style="list-style-type: none"> • Wan dan Syahirah membuat penambahan dan mengelaskan soalan. |
| 10 November 2021 | 0800-0950 Google Meet | <ul style="list-style-type: none"> • Puan Siti Noorsiah telah menerangkan cara untuk membuat transkrip. • Wan dan Syahirah telah menunjukkan kertas kerja yang telah disiapkan kepada Puan Siti Noorsiah. • Terdapat beberapa kesalahan pada kertas kerja yang perlu diperbetulkan sebelum dihantar. |
| 12 November 2021 | 2030-2200 whatsapp | <ul style="list-style-type: none"> • Wan dan Syahirah menyemak kertas kerja yang telah disiapkan. • Wan dan Syahirah membetulkan kesalahan pada beberapa bahagian dalam kertas kerja. |
| 13 November 2021 | 2100-2250 Ufuture | <ul style="list-style-type: none"> • Wan dan Syahirah membuat semakan kali terakhir sebelum menghantar kertas kerja. • Wan dan Syahirah menghantar kertas kerja di platform Ufuture. |
| 16 November 2021 | 1500-1550 Google Meet | <ul style="list-style-type: none"> • Puan Siti Noorsiah telah menerangkan topik etika berkaitan dengan transkrip di platform google meet. |
| 17 November 2021 | 1400-1410 Whatsapp | <ul style="list-style-type: none"> • Menghubungi Encik Radhi Khalid untuk memberikan senarai soalan temubual. |
| 26 November 2021 | 1515-1615 Google Meet | <ul style="list-style-type: none"> • Wan dan Syahirah bersedia untuk menemubual Encik Radhi Khalid untuk sesi pertama. • Temubual tersebut dibuat secara maya menggunakan platform google meet bagi mengekang penularan Covid-19. • Temubual sesi pertama mengambil masa lebih kurang 1 jam. |


| | | |
|-------------------------|------------------------------|--|
| 3 Disember 2021 | 2030-2200 Google Meet | <ul style="list-style-type: none"> • Wan dan Syahirah bersedia untuk menemubual Encik Radhi Khalid untuk sesi kedua. • Temubual sesi kedua juga turut mengambil masa lebih kurang 1 jam lebih. |
| 7 Disember 2021 | 2000-2150 Aplikasi Inshot | <ul style="list-style-type: none"> • Wan dan Syahirah menyemak rakaman temubual agar tiada sebarang masalah. |
| 8 Disember 2021 | 0800-0950 BK2 | <ul style="list-style-type: none"> • Puan Siti Noorsiah membuat konsultasi secara berkumpulan berkaitan dengan transkrip. • Wan dan Syahirah bertanya beberapa soalan yang berkaitan dengan transkrip. |
| 9 Disember 2021 | 2000-2100 Whatsapp | <ul style="list-style-type: none"> • Wan dan Syahirah membahagikan tugas untuk menyiapkan transkrip. |
| 11 Disember 2021 | 2000-2350 Asrama | <ul style="list-style-type: none"> • Wan dan Syahirah mula membuat transkrip. |
| 15 Disember 2021 | 2000-2150 Asrama | <ul style="list-style-type: none"> • Wan dan Syahirah telah berbincang tentang beberapa masalah yang perlu diselesaikan berkaitan dengan transkrip. |
| 5 Januari 2022 | 2000-2230 Asrama | <ul style="list-style-type: none"> • Wan dan Syahirah menyemak transkrip untuk kali terakhir sebelum dihantar. • Transkrip perlu dilakukan penambahan dan perlu diperbetulkan sedikit. • Wan dan Syahirah melakukan penambahan dan membaiki kesalahan pada transkrip. |
| 9 Januari 2022 | 1500-1550 BK2 | <ul style="list-style-type: none"> • Wan dan Syahirah menghantar soft copy, hardcopy dan audiovisual transkrip pada Puan Siti Noorsiah. |

11.5 Gambar, Sijil-Sijil dan Bahan Lain Yang Berkaitan


Sesi Pengenalan




Sesi Temubual Yang Pertama



Sesi Tembual yang kedua



Pendidikan



S Science 6

Seated (L to R): Ahmad Sabri, Muzam Harun, Steven Asahan, Muah Roudhi (Monitor), Mr. Low Boon Ewe (Form Master), Vincent (Assistant Monitor), Vicknesum, Ashad Ahen, Akibil Harun.

Standing 1st row (L to R): Azhar Said, Aliman Haslin, Shar Sood, Zulkarnain, Karunakaran, Leang Kok Chin, Ng Eng Peng, Jamil Jumai


Standing 2nd row (L to R): Abdul Hamid, Imanadee Selvarajee, Hashimah, Amil, Mohd. Subhi, Mohd Zaheri, Mohd Nasur, Abdul Manan, Wan Mohd Kha




Sijil-Sijil Penghargaan



Filem dan Drama



Teater



Pengacaraan



Temui saya di

GORKED
RAJAH FESTIVAL 2015

29 30 31
Mei 2015
@ SACC
Shah Alam
Cikcikach Centre

Radhi Khalid

Santai bersama

Masuk PERCUMA!

KL STREET JAM
Malaysia Music Power
MAAH MIZAN 1436H

ARTIS &
BUSKING
PAINTING
BAZAAR

THE CHROMATIC
LEGEND BUSKING
ETC

www.gorked.com.my

A promotional collage featuring Radhi Khalid. On the left, there's a circular portrait of him with the text 'Santai bersama' above it and 'Temui saya di GORKED RAJAH FESTIVAL 2015' below it. The date '29 30 31 Mei 2015 @ SACC Shah Alam Cikcikach Centre' is also present. On the right, there's a poster for 'KL STREET JAM' with the tagline 'Malaysia Music Power MAAH MIZAN 1436H'. It lists 'ARTIS & BUSKING PAINTING BAZAAR' and features several small images of performers and a yellow horse logo. The bottom part of the poster has the URL 'www.gorked.com.my'.

Komersial





Bengkel Lakonan





Gambar-gambar Lain Radhi Khalid



